


Bil. 67

**Isnin
26 November 2012**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 18)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012	(Halaman 19)
Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012	(Halaman 76)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 93)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yacop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

18. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
19. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
20. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
21. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
22. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
23. “ Menteri Kewangan II, Dato’ Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
24. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
25. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
26. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato’ Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala – *Senator*
29. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M., S.S.A.P (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
9. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
12. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
14. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
16. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
17. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Datuk Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
20. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Murugiah a/l Thopasamy – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M., D.S.A.P (Sungai Besar) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
29. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

34. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

24. Yang Berhormat Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Datuk Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

56. Yang Berhormat Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)

11. Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Dato’ Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

26. Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau)
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar)
3. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
4. “ Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort)
6. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)

7. Yang Berhormat Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
8. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
9. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran)
10. “ Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
11. “ Dato' Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

Kosong

1. - Tiada - (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 26 November 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ismail Kasim [Arau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, keupayaan pegawai penguat kuasa kementerian dalam menangani masalah bahan subsidi minyak diesel dan petrol yang jelas terlibat dalam sindiket penyeludupan secara serius ke negara jiran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, barang-barang keperluan seperti minyak masak, tepung serta bahan petroleum adalah di bawah kawalan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi pendedaran domestik. Bagi memperkemas lagi kawalan, kementerian telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengatasi penyeludupan bagi barang kawalan tersebut.

Pertamanya, kementerian menawarkan sebanyak 21 barangan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi memastikan barangan tersebut sentiasa mencukupi di pasaran dan untuk pendedaran dalam negara sahaja. Daripada jumlah tersebut hanya gula, tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan LPG yang dikawal harganya disebabkan barangan tersebut disubsidi oleh kerajaan.

Kedua, kementerian sentiasa menjalankan tugas pencegahan di kawasan sempadan serta telah mewujudkan beberapa mekanisme untuk mengawal ketirisan minyak bersubsidi di stesen. Antara lain semua pengusaha stesen dilarang menjual minyak petrol RON95 kepada kenderaan berpendaftaran asing kecuali motosikal dan dibenarkan membeli minyak petrol RON97 tanpa had kerana harganya dijual mengikut harga pasaran. Manakala hanya 20 liter diesel dibenarkan dijual kepada kenderaan asing di stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan. Notis larangan juga dipamerkan di semua stesen minyak di seluruh negara.

Antara langkah-langkah lain yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) mewartakan barang kawalan tepung gandum, minyak petrol 95, minyak diesel dan gas petroleum cecair sebagai barangan larangan eksport di bawah peraturan kawalan bekalan larangan eksport tahun 2011, berkuat kuasa tahun 2011 iaitu pada 15 Mac 2011;
- (ii) mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri bagi menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di stesen-stesen minyak tertentu. Sehingga kini ada 45 buah stesen berhampiran sempadan Thailand. Usaha ini dilakukan bagi mencegah pembelian minyak diesel dan minyak petrol bersubsidi oleh kenderaan pendaftaran asing;
- (iii) mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukkan Gerakan Am PDRM, Unit Pencegah Penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia;

- (iv) menjalin kerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara melalui mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan (*Border Malaysia Working Groups*) serta jawatankuasa kecil, isu-isu penyeludupan bersama KPDNKK. Ini khas untuk Pulau Sebatik; dan
- (v) menangani masalah ketirisan minyak petrol RON95 dan minyak diesel bersubsidi adalah merupakan *key performances indicator* (KPI) khasnya di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran.

Terima kasih.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedia maklum bahawa subsidi ini adalah bantuan kerajaan yang merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan untuk memastikan harga dan perkhidmatan dapat dibekalkan kepada rakyat bagi mereka yang memerlukan. Bermakna kata Yang Berhormat Menteri telah bangkitkan dalam jawapan tadi iaitu hanya terhad di dalam negara kita sahaja.

Masalahnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bekalan-bekalan subsidi ini, bahan-bahan subsidi ini masih berterusan di seludup bukan sahaja bermula daripada Kangar, darat dan laut, sampai ke Lahad Datu, Sabah, Pelabuhan Klang, Pangkalan Hulu, Tumpat di Kelantan dan juga di Rantau Panjang. Bermakna berterusan sehingga kita dapat lihat ada penyeludupan secara berkala, ada penyeludupan secara terancang dan secara tradisi.

Bermakna kata ada yang kadang-kadang dibuat, ada yang terancang dibuat secara menyalahgunakan *transshipment* dan sebagainya berlaku. Ada juga yang merupakan tradisi di mana sejak dulu-dulu kerjanya memang menyeludup sahaja sampai dia sanggup potong pagar sempadan, menambah tangki kenderaan dan sebagainya tetap berlaku walaupun langkah-langkah dibuat seperti rasionalisasi.

Kemudian kita mengadakan buku log di kawasan-kawasan seperti di peringkat *wholesale* atau pemborongan. Kemudian menerusi tindakan penguatkuasaan yang berterusan seperti RELA Yang Berhormat katakan tadi. Akan tetapi perkara ini masih berlaku dan terus berlaku.

■1010

Sehinggakan waktu sembahyang Jumaat pun penyeludupan tetap dilaksanakan. Bermakna kata di sini, apakah tindakan yang lebih holistik yang boleh dilakukan oleh pihak Kementerian dalam menangani masalah yang merupakan kerugian besar kepada negara? Ini kerana faedah sebenarnya harus dinikmati oleh rakyat negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Arau, dan segala Yang Berhormat sebutkan tadi memang betul. Yang Berhormat, satu daripada kegiatan ini berterusan sebab kegiatan ini memberikan keuntungan. Segala-galanya berlandaskan kepada keuntungan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang segala aktiviti memantau dan juga menyekat kegiatan ketirisan ini sentiasa dilakukan. Sebagai makluman Dewan yang mulia, di dalam tahun 2011 Yang Berhormat, kes-kes yang berlaku di sempadan yang melibatkan minyak diesel dan minyak petrol adalah 812 kes di sempadan sahaja, yang melibatkan untuk minyak diesel, nilai rampasan RM1.7 juta dan untuk RON95 melibatkan RM1.4 juta.

Bagi tahun ini, setakat 31 Oktober, belum habis tahun, sudah ada 601 kes. Bermakna, memang sentiasa dipantau dan dijalankan. Untuk minyak diesel bagi tahun ini, RM3.2 juta nilai rampasan dan untuk RON95, RM1.6 juta. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat, bahawa perbezaan harga RON95 sebagai contoh di Malaysia, harga subsidi ialah RM1.90 seliter, di Thailand, RM4.85 seliter. Diesel di Malaysia RM1.80 seliter, manakala di Thailand ialah RM3 seliter. Jadi, daripada perbezaan harga itu menampakkan memang mewahlah Yang Berhormat. Bermakna, berbaloilah orang kata kalau hendak membuat ketirisan atau hendak menyeludup.

Satu lagi Yang Berhormat, katalah kita hapuskan subsidi, harga RON95 tanpa subsidi Malaysia, RM2.72 seliter dan harga diesel tanpa subsidi ialah RM2.75 seliter. Masih juga murah. Jadi Yang Berhormat, memang ini adalah sesuatu yang sentiasa dipantau. Sebenarnya Yang Berhormat, mesyuarat demi mesyuarat diadakan bersama dengan pasukan-pasukan yang saya katakan tadi yang mana di bawah Akta Kastam yang sebenarnya yang menjaga daripada segi penyeludupan.

Sekarang ini juga Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa kita ada ditambahkan oleh Bank Negara dan juga Kementerian Kewangan supaya kita juga boleh menggunakan. Dimasukkan juga iaitu *Anti-Money Laundering* dan *Anti-Terrorism Financing Act 2001* dimasukkan sama di mana kalau kita dapat menentukan sindiket-sindiket yang terlibat, kita boleh mengambil tindakan untuk membekukan aset. Jadi Yang Berhormat, sebenarnya kami mengalu-alukan jugalah banyak lagi *feedback* untuk kami menambah baik lagi apa yang sudah ada Yang Berhormat katakan tadi masih juga berlakunya ketirisan dan juga penyeludupan. Terima kasih.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apabila menyebut penyeludupan, tidak kurang juga saya berdepan dengan- kawasan saya adalah kawasan sempadan. Hari-hari melihat penyeludupan berlaku. Jadi saya hendak tahu daripada sudut pemantauan yang dibuat oleh kementerian. Apakah sebenarnya kelemahan yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian menyebabkan penyeludupan terus-menerus berlaku?

Kedua, berapakah kerugian purata yang ditanggung oleh kerajaan setiap tahun bukan sahaja melibatkan penyeludupan bahan bakar, penyeludupan yang melibatkan barang makanan utama seperti minyak, gula dan sebagainya? Setakat ini, apakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan stesen-stesen minyak yang memberikan penjualan minyak kepada kenderaan asing? Kalau kita tengok di negara Brunei, hanya tiga buah stesen sahaja yang dibenarkan untuk menjual minyak kepada negara asing, kepada kenderaan asing. Akan tetapi kalau kita tengok dalam negara kita, lebih daripada 45 buah stesen. Mungkin ini juga membuka ruang yang luas untuk penyeludupan berlaku. Minta pandangan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya telah nyatakan langkah-langkah yang diambil. Yang Berhormat memang betul, tadi kita fokus kepada bahan diesel dan petrol. Akan tetapi memang tidak kurang juga hebatnya termasuk gas, petroleum cecair, gula, minyak masak, tepung gandum, yang juga berlaku dengan begitu berleluasa, Yang Berhormat. Jadi, kesemuanya jumlah kalau ikut pada tahun 2011, apa yang berlaku, kes-kes yang berlaku di sempadan, ada 1,752 kes Yang Berhormat. Boleh dikatakan hari-hari memang berlaku.

Langkah-langkah tadi yang saya katakan memang berlaku. Kita telah mengambil tindakan yang terbaik. Kita memberikan had 50 kilometer. Untuk bahan-bahan lain, semuanya sudah dikenakan larangan eksport kecuali diesel. Diesel, kita hanya benarkan 20 liter sebagai maksimum. Akan tetapi masih juga berlaku Yang Berhormat. Ini adalah yang kita katakan tadi – kadang-kadang yang berlaku adanya membawa satu kilogram gula. Akan tetapi apabila setiap hari itu, menjadi banyak pula. Adanya pula Yang Berhormat, memang berlaku atas kegunaan dia yang sebenarnya tetapi ada juga yang berlaku yang mana ia dibawa untuk dijual dan sebagainya.

Jadi, kita memang mencari jalan dan mungkin satu daripadanya adalah kita *floatkan* segala-galanya dan kita tumpukan pada kelompok-kelompok yang memerlukan untuk dibantu. Jadi, ini *insya-Allah*, memang masih di dalam peringkat perbincangan di bawah rasionalisasi. Saya juga berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat bersama-sama kita di sini mencari jalan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Ini kerana sebenarnya, yang itu adalah hanya untuk rakyat kita yang memerlukan. Akan tetapi ia berlaku tetapi memang kita tidak putus-putus mencari jalan dan ikhtiar. Kalau kita dapat kerjasama yang baik daripada semua pihak untuk kita mencari jalan yang lebih baik lagi. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, tambahan satu.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita syok apabila mendengar jawapan-jawapan tetapi di kawasan Pantai Timur Sabah, *especially* di Tawau, Semporna. Kita nampak mungkin tidak ada pemantauan kerana beratus juta barang-barang yang diseludup. Bukan sahaja di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, bahkan di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pun banyak yang di seludup termasuk beras dan lain-lain. Saya, penyokong-penyokong kita ada melaporkan, ada gambar dan macam-macam bukti hingga mereka pergi ke Indonesia, beratus-ratus juta barang-barang yang di seludup ini.

Jadi, mungkin kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tidak boleh menguatkuasakan sendiri sahaja. Adakah kementerian bercadang untuk mungkin meminta pertolongan daripada pihak kastam, pihak maritim supaya penyeludup-penyeludup ini dapat dikesan. Ini kerana kalau tidak, selama-lamanya memang begitu, bukan rakyat kita yang menerima subsidi bahkan rakyat di Indonesia di mana sempadan Tawau dan Indonesia ini, Pulau Sebatik itu sebuah pulau dibahagikan dua.

Jadi, saya minta kalau boleh, kementerian mengadakan cadangan untuk membuat *task force*, kastam, marin, maritim dan juga mungkin kementerian sendiri. Supaya barang-barang yang di seludup ini tidak banyak di seludup. Kita percaya kalau satu kilogram atau dua kilogram, satu atau dua tong gas, itu mungkin. Akan tetapi ini beribu-ribu dan berjuta. Mungkin statistik di kementerian tidak ada. Jadi, saya minta kalau ada cadangan yang saya katakan tadi.

■1020

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Yang Berhormat, kita memang sudah ada mekanisme di mana kita mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti yang saya katakan tadi iaitu kalau bab penyeludupan memang Jabatan Kastam Diraja Malaysia adalah *lead agency*. Selepas itu kita bekerjasama dengan Pasukan Gerakan Am PDRM. Kita juga mengadakan kerjasama dengan Unit Pencegah Penyeludupan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM. Kita juga menjalankan kerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga Angkatan Tentera. Ada masanya Yang Berhormat, kita juga akan membawakan kes-kes ini kepada Majlis Keselamatan Negara melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Kebangsaan, *Border Malaysia Working Group* serta Jawatankuasa Kecil Isu-isu Penyeludupan bersama dengan kementerian khasnya Pulau Sebatik seperti Yang Berhormat katakan.

Jadi Yang Berhormat, segala-galanya kita buat dan *insya-Allah*, kita hendak memperketat dengan mengadakan- sebab itu kita tadi mengadakan larangan melalui syarat-syarat khas, kita terus mengatakan larangan untuk eksport. Akan tetapi Yang Berhormat pun tahu seperti kes di Pulau Sebatik, kadang-kadang di rumah sebelah sahaja, rumah sebelah, satu pulau Tuan Yang di-Pertua, satu pulau dua negara.

Jadi kita mencari jalanlah Yang Berhormat. Itulah saya minta, merayu kita sama-sama memikirkannya, kerana kita pun memang terasa dari segi ketirisan, kerana bukannya sedikit ya Yang Berhormat, dari segi subsidi yang kita belanjakan. Untuk tahun 2011, untuk subsidi petrol dan diesel termasuk untuk gas, kita berbelanja RM20 bilion dan pada tahun ini, anggarannya kita akan berbelanja RM19.5 bilion. Jadi memang banyak dan ini adalah suatu angka yang begitu besar. Terima kasih Yang Berhormat.

2. Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, punca sebenar tragedi letupan kapal tangki Bunga Alpha milik MISC Berhad di Jeti Terminal Loji Petronas Metanol Labuan. Berapakah jumlah kerugian ekoran tragedi letupan yang berlaku dan berapakah jumlah mangsa yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Gombak. Tuan Yang di-Pertua, kejadian letupan dan kebakaran kapal tangki Bunga Alpha yang berlaku pada 26 Julai 2012 telah mengorbankan lima orang anak kapal, 24 orang anak kapal lagi berjaya diselamatkan. Mangsa yang terkorban terdiri daripada empat orang warganegara Malaysia dan seorang warganegara Filipina.

Pasukan penyiasat Jabatan Laut Malaysia masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca sebenar selaras dengan keperluan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Jumlah kerugian masih belum diketahui di mana tuntutan kerugian akan diselesaikan di antara pemilik kapal dan pihak insurans. Sekian.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa *Oil Companies International Marine Forum* atau OCIMF telah pun mengeluarkan piawaian dan garis panduan kepada semua syarikat perkapalan termasuk syarikat-syarikat minyak dan gas berhubung operasi memunggah dan juga memuat ataupun *loading* dan juga *offloading* termasuk aktiviti di jeti terminal di mana salah satu garis panduan yang telah ditetapkan ialah semua operasi dan aktiviti di jeti terminal mesti diberhentikan serta-merta ketika berlaku cuaca buruk termasuk petir.

Persoalan saya ialah mengapa Petronas tidak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh OCIMF ini khususnya dalam aktiviti memunggah bahan bakar yang paling bahaya iaitu metanol pada hari kejadian tersebut? Itu soalan saya yang pertama. Sehinggan kecuaiannya ini meragut lima nyawa dan inilah insiden seumpama ini berlaku di kalangan syarikat perkapalan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan keputusan ataupun pandangan daripada kementerian. Sekiranya berlaku kemalangan nyawa pekerja termasuk di pesisir luar pantai dan juga di jeti terminal, pihak yang sepatutnya menjalankan siasatan ialah *Department of Occupational Safety and Health* ataupun DOSH dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi, siasatan juga sedang dijalankan oleh Jabatan Laut Malaysia. Maka persoalan saya, apakah peranan dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh DOSH ataupun *Department of Occupational Safety and Health* ini dalam menjamin dan mengenal pasti punca kejadian ini dapat dijalankan secara telus dan kita dapat mengetahui masalah sebenar dan punca kejadian letupan kapal tersebut? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gombak di atas keprihatinan berkaitan dengan insiden yang buruk ini. Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, siasatan ini telah dimulakan daripada bulan Julai di mana insiden ini berlaku dan sekarang ia masih berjalan dan kita belum mendapat – selain daripada *preliminary report* yang berkaitan dengan teknikal sedikit, kita belum mendapat laporan yang sepenuhnya.

Dalam situasi ini Yang Berhormat dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita juga telah menggunakan ataupun pihak penyiasat telah menggunakan pakar-pakar daripada seberang laut seperti daripada Jerman untuk menentukan apakah yang sebenarnya salah dengan *equipments* seperti tangki dan alat-alat yang digunakan untuk mengeluarkan gas ini ke dalam tangki ini di mana ia dipercayai terdapat kebocoran dan semasa itu berlaku cuaca buruk.

Soalan Yang Berhormat yang kedua tadi iaitu keputusan atau pandangan DOSH, saya percaya memang kita akan dapatkan peranan daripada DOSH ini untuk membantu dalam siasatan yang begitu menyeluruh kepada insiden ini. Dalam pada masa yang sama, MISC juga telah memberikan amaran kepada semua kapalnya yang membawa bahan-bahan metanol ataupun bahan-bahan yang *dangerous* ini untuk memberikan lebih perhatian kepada SOP dia dan selepas itu memberikan juga panduan supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Dalam *annual inspection* kepada kapal ini, didapati juga tidak ada yang salah pada masa itu dan seperti yang saya sebutkan tadi dalam report ataupun *investigation* ini yang dijangka akan siap pada bulan Februari tahun 2013, dan pada masa itulah kita akan memberitahu apakah yang sebenarnya berlaku dan apakah kelemahan-kelemahan teknikal dalam itu. Sekian.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kepentingan orang awam. Pada 2 Oktober iaitu bulan lepas, satu feri penumpang terbakar yang dioperasikan oleh *Labuan Ferry Corporation*. Adakah pihak kementerian menyiasat kenapa berlakunya kebakaran ini? Ini bagus kerana feri yang terbakar itu Tuan Yang di-Pertua adalah semasa ia berlabuh. *What happen if in operations*, terbakar? Ia juga melibatkan dua feri yang lain, yang ke Kimanis dan tanah besar kerana tidak dapat mengangkat kerana feri yang terbakar itu masih di pelabuhan.

Kenapa Kementerian tidak membuat sebarang kenyataan tentang permasalahan feri-feri yang beroperasi daripada Labuan dan Menumbok sampai sekarang? Saya mahu tahu, rakyat mahu tahu kenapa Kementerian tidak membuat apa-apa kenyataan tentang soal ini?

■1030

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Putatan. Berlakunya kebakaran di feri pada masa itu adalah dikatakan berpunca daripada kawasan pantri di bahagian penumpang. Namun begitu, punca sebenar kebakaran masih belum dikenal pasti.

Tiada kemalangan jiwa atau pencemaran dilaporkan berlaku akibat daripada insiden kebakaran ini. Apabila laporan ini siap nanti, saya rasa ini mesti diberitahu kepada rakyat. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi, ini hal rakyat, kita prihatin kepada rakyat dan oleh sebab itulah kita kekal selama lebih 50 tahun sebagai kerajaan. *Sorry, you have my sympathy because there are a lot of fires in Sabah. Thank you.*

3. Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan akan melaksanakan peraturan pengeluaran wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) keseluruhannya pada usia 60 tahun berbanding dengan usia persaraan 55 tahun yang dilaksanakan sekarang. Apakah rasional kerajaan memperkenalkan usia pengeluaran KWSP pada 60 tahun.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini polisi yang membenarkan ahli KWSP mengeluarkan kesemua simpanan persaraan mereka pada umur 55 tahun adalah dikekalkan. Cadangan daripada banyak pihak untuk menaikkan umur untuk pengeluaran penuh simpanan KWSP adalah selaras dengan pelaksanaan umur persaraan minimum pada umur 60 tahun. Ini adalah selepas Akta Umur Persaraan Minimum 2012 diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 27 Jun 2012 dan dibentangkan di Dewan Negara pada 16 Julai 2012.

Oleh kerana skim KWSP adalah satu skim simpanan untuk persaraan pekerja maka adalah wajar pengeluaran caruman selaras dengan umur persaraan 60 tahun. Tujuannya adalah untuk memastikan ahli mempunyai lebih banyak simpanan untuk perbelanjaan sara hidup mereka apabila tidak bekerja. Sekian.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Banyak pihak menarik nafas lega apabila kerajaan mengekalkan pengeluaran total KWSP ini pada tahap 55 tahap. Soalan ini dibangkitkan pada asalnya untuk mengetahui rasionalisasi kerajaan dalam menetapkan usia 60 tahun untuk pengeluaran total. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah apakah kerajaan mempunyai sebarang cadangan bagi menyimpan-penyimpan atau pencarum-pencarum yang mempunyai tahap-tahap simpanan yang cukup lumayan di dalam kumpulan ini mengeluarkan simpanan mereka mengikut usia.

Umpamanya pada tahap 50 tahun jika mereka menyimpan pada kumpulan sebanyak RM300,000 dikeluarkan sebahagiannya bagi tujuan pelaburan yang lebih menguntungkan ataupun bagi tujuan-tujuan lain seperti kalau Islam menunaikan haji dan kalau yang lainnya bagi tujuan pelaburan untuk menambah baik taraf kehidupan mereka. Adakah kerajaan mempunyai cadangan demikian bagi mengurus dan mentadbir kumpulan ini, menepati kehendak dan keperluan rakyat terbanyak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1957 iaitu semasa kita mencapai kemerdekaan, purata umur penduduk Malaysia adalah 58.2 tahun bagi perempuan dan 55.8 tahun bagi lelaki. Skim KWSP ditubuhkan pada tahun 1952 di mana ahli dibenarkan membuat pengeluaran persaraan pada umur 55 tahun, boleh mengeluarkan caruman sepenuhnya.

Secara purata ahli mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi kerana anggaran tempoh persaraan satu hingga tiga tahun. Pada masa ini, purata umur penduduk Malaysia telah meningkat sehingga 76 tahun bagi perempuan dan 72 tahun bagi lelaki. Oleh itu kita memang tahu ada perbezaan pada masa itu dan sekarang. Memang kita telah memanjangkan, menambah lima tahun untuk swasta sebab kita mendapati kita memerlukan tenaga pekerja untuk membangunkan negara kita. Seperti yang saya katakan tadi, purata umur penduduk sudah naik, lebih kurang 70 tahun lebih, 20 tahun lebih tinggi.

Kita tahu kalau mereka ambil semua keluar dari KWSP, maka bukan senang untuk mereka membiayai kehidupan persaraan mereka. Kita buat masa ini memang kekalkan polisi ini. Yang Berhormat Tangga Batu ada mengatakan tadi, cadangan untuk mengeluarkan wang pada 50 tahun, memang kita ada program untuk mereka yang boleh dikeluarkan untuk membayar rumah, melabur di *mutual fund*.

Pada masa ini kita ada satu program untuk mereka yang hendak melabur sendiri iaitu Skim Persaraan Swasta. Kita boleh dikeluarkan duit itu dan melabur di skim ini yang ditadbir oleh profesional atau syarikat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Kita memang mengalu-alukan mereka membuat pelaburan seperti itu. Sekian.

4. Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah usaha untuk menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang sempit dan rosak yang menyebabkan kesesakan teruk terutama di musim perayaan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang di atas soalan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan asas di kawasan luar bandar termasuk membina baru, menaiktarafkan dan juga menyelenggarakan jalan-jalan kampung yang sempit dan rosak.

Usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian adalah dengan membuat penambahbaikan dalam program Jalan Perhubungan Desa. Dahulunya kita sebut Projek Jalan Kampung, hari ini disebut Projek Jalan Perhubungan Desa. Yang mula kita laksanakan oleh Kementerian pada tahun 2011. Penambahbaikan ini dari segi spesifikasi dan jalan perhubungan desa adalah berdasarkan kesesuaian lokasi dengan mengambil kira kelebaran bahu jalan, rizab jalan dan kegunaan jalan dengan kelebaran turapan jalan diperluaskan di antara lapan kaki hingga 14 kaki bagi membolehkan kenderaan berselisih, 14 kaki sekarang.

Selain itu spesifikasi JPD atau Jalan Perhubungan Desa tadi membolehkan disediakan ruang berkenaan berselisih atau *lay-by* mengikut keperluan dan bergantung kepada rizab jalan dengan syarat mendapat kebenaran izin daripada tuan tanah. Kesemua penambahbaikan yang dilakukan ini adalah dengan tujuan untuk memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya, di samping mengatasi masalah kesesakan teruk terutamanya di musim perayaan, seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

■1040

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah realiti kita lihat di kampung sekarang, di pedalaman masih banyak lagi jalan-jalan yang dikendalikan di bawah Kementerian Luar Bandar yang dalam keadaan yang sempit terutama kalau yang terdedah dengan musim tengkujuh yang menyebabkan jalan ini banyak yang berlubang dan rosak.

Jadi saya ingin penjelasan berapakah peruntukan yang telah disediakan di bawah Kementerian untuk negeri-negeri serta perbandingan antara negeri untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan dari sudut kemudahan asas ini termasuk Sabah dan Sarawak? Ini kerana kita tidak mahu kemudahan asas yang penting ini tertumpu di bandar-bandar besar tetapi di kampung-kampung masih lagi berdepan dengan masalah keperluan asas yang tidak selesai. Minta penjelasan.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Pertamanya yang saya hendak sebut sedikit pertamanya ialah dia hendak berceritakan yang tidak elok sahaja, banyak lubang, banyak semuanya ini.

Jadi sepatutnya pembangkang ini mulakanlah mukadimah itu terima kasih kerana projek-projek yang telah dijalankan. Saya hendak sebutkan ini sebab Rantau Panjang pun tidak terkecuali daripada perancangan dan pelaksanaan kita. Maknanya kita tidak abaikan, apatah lagi negeri Kelantan khususnya Rantau Panjang. Saya hendak sebutkan di sini, saya akan sebutkan dari segi negeri-negeri ini saya akan bagi senarai peruntukan mengikut negeri-negeri tetapi saya hendak tumpukan kepada Kelantan sebab ini soalnya daripada Yang Berhormat Rantau Panjang Kelantan.

Untuk tahun 2012, dari segi negaranya kita ada mempunyai peruntukan jalan perhubungan desa ini RM100.61 juta. Banyak bunyinya itu tetapi kita agih-agihkan negeri dan Kelantan tidak terkecuali. Untuk Kelantan kita memperuntukkan sebanyak RM7.66 juta untuk projek jalan perhubungan desa iaitu merangkumi 52 projek dijalankan di negeri Kelantan untuk 2012. Jadi 2012 itu berkenaannya dan di Rantau Panjang sendiri kita sudah bina sebanyak enam jalan kampung di kawasan Parlimen Rantau Panjang. Banyak itu Yang Berhormat iaitu yang melibatkan belanja jumlah sebanyak RM1.02 juta yang memberikan faedah kepada kira-kira 1,400 orang pengguna. Mana jalan-jalannya itu ada dalam senarai saya ini. Patut tadi terima kasih Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih banyak, terima kasih. Tambah lagi.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Terima kasih, *insya-Allah*. Kita akan biasa diaturkan itu, cuma beresnya belum tentu. Jadi saya hendak beritahu lagi, itu 2012 RM100 juta. Manakala, untuk 2013 Kelantan kita naikkan. Kelantan tahun ini RM7.66 juta, 2013 kita naikkan kepada RM9.6 untuk jalan perhubungan desa di Kelantan. Tidak bersyukur itu. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Negeri itu milik pembangkang kenapa diberi naik? Sekurang-kurangnya diberi turun.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Beri sama BN.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kita akan timbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Maran.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. inilah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berbudi bahasa. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh nafikan, tidak mampu untuk menafikan jasa kerajaan Barisan Nasional kepada rakyat jelata terutama kemudahan luar bandar ini. Kita tidak memilih sama ada negeri mana dan sebagainya. Bahkan macam Yang Berhormat Kinabatangan sebut Menteri saya pun terkilan kenapa beri banyak sangat, beri kepada Maran, Pahang lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di samping jalan peruntukan di bawah KKLW ini ada juga peruntukan lain di bawah ICU yang memperuntukkan jalan-jalan walaupun di bawah luar kementerian ini. Cuma baru-baru ini saya lepas ke negeri Kedah salah sebuah negeri diperintah oleh pembangkang. Minta maaf saya ini *transparent* sahaja kalau kita rosak kita beritahu rosak. Banyak jalan yang tidak diselenggarakan dengan baik. Saya difahamkan kalau tidak silap saya peruntukan yang diberikan setiap tahun lebih daripada RM100 juta. Ini mungkin di bawah ICU dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa jadi begini? Saya difahamkan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kerajaan negeri ini untuk penyelenggaraan jalan ini tidak dihabiskan dan ditinggalkan dan dimasukkan dalam tabung khas yang lain. Apa matlamatnya begini? Sedangkan rakyat, saya pengguna walaupun saya pergi ke negeri Kedah. Saya pengguna juga. Kenapa ini harus berlaku? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih banyak.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Maran. Saya akuilah kenyataan, fakta yang disebutkan tadi soal apa yang berlaku di negeri Kedah. Sebenarnya ini sudah jadi isu di negeri Kedah ini.

Kita bagi elok-elok untuk jalan tetapi projek jalan tidak berjalan tetapi dia masuk pula dalam tabung lain yang ini ada cerita lainlah. Akan tetapi ini sebenarnya hendak menggambarkanlah, inilah cara dia pihak pembangkang memerintah. Bagi elok-elok untuk tujuan itu dia buat yang lain pula.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Jangan tuduh.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tidak ini bukan tuduh. Kita ada fakta dia. Betul kenyataan Yang Berhormat Maran tadi. Oleh sebab itu sebenarnya kejayaan sesuatu projek yang kita buat ini dia berdasarkan kepada kerjasama, sokongan daripada semua pihak. Misalnya macam saya sebutkan tadi soal daripada pejabat daerah dan kerajaan negeri pun memainkan peranan. Kalau itu untuk jalan buatlah jalan, jangan dimasukkan di tabung lain.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita berdebat di luar boleh.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Boleh, tidak ada masalah. Dalam pun boleh, luar pun boleh, sebab ini kenyataannya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Sebab benda tidak betul. Di luar.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kena minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta di luar bukan di dalam.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Dia hendak berdebat dahulu pun kita boleh minta izin Tuan Yang di-Pertua baru hendak bercakap dengan saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Luar dalam pun bolehlah.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kita tidak ada masalah, luar dalam pun tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Jadi pendek cerita yang hendak saya simpulkan, kerjasama ini penting untuk kesejahteraan rakyat tersebut. Baik kerajaan negeri begitu juga macam pembangkang tadi, di Kelantan kita buat daripada RM7 juta naik kepada RM9 juta. Ini tengok keprihatinan kita dan ini kita hendak uar-uarkan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional hendak beri kesejahteraan rakyat di negara kita ini tidak kira di mana mereka berada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta Perdana Menteri menyatakan, perancangan yang akan diadakan oleh kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam seperti pengusaha bas sekolah dan pengusaha bas awam, terutamanya di kawasan bandar-bandar kecil dan luar bandar, yang menghadapi masalah seperti tidak mampu mengganti kenderaan mereka yang telah berusia lama dan mengalami kerugian akibat daripada kos operasi yang tinggi. Sedangkan perkhidmatan berkenaan sangat penting di kawasan luar bandar di mana ramai penduduk masih tidak memiliki pengangkutan sendiri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, SPAD mengambil berat mengenai kepentingan dan keperluan pengangkutan awam dan memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah berkualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong Malim, SPAD sedang menangani isu pengangkutan awam dengan memberikan dana bantuan sementara bas henti-henti, *ISBSF (Interim Stage Bus Support Fund)* dengan izin, bagi memastikan kekerapan perkhidmatan kepada rakyat dan menampung sebarang kerugian oleh pihak pengusaha. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta pada Disember 2011 bagi membantu pengusaha-pengusaha bas henti-henti yang mengalami masalah kewangan untuk menjalankan operasi terutamanya di kawasan bandar dan juga luar bandar.

Setakat ini sebanyak 98 pengusaha bas henti-henti di seluruh negara telah memohon dan menerima bantuan dana ini. Sejumlah RM49.7 juta telah disalurkan dan permohonan dilanjutkan setahun lagi sehingga 2013. Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan tambahan sejumlah RM150 juta yang disalurkan melalui SME Bank melalui Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) dengan pinjaman kadar rendah 4 peratus bagi membantu pengusaha bas sekolah, bas mini dan bas henti-henti. Bantuan ini adalah untuk membantu pengusaha-pengusaha menggantikan kenderaan atau membaik pulih kenderaan sekali gus dapat menampung kerugian akibat daripada kos operasi.

Kerajaan juga memberikan bantuan subsidi diesel RM1.48 seliter kepada bas sekolah, bas henti-henti, bas ekspres dan bas pengantara atau *feeder bus*. Di dalam Bajet 2013, kerajaan telah mengumumkan bantuan rebat tunai RM10,000 dan subsidi kadar faedah 2 peratus ke atas pinjaman penuh untuk menggantikan bas sekolah lama yang berusia melebihi 25 tahun kepada bas baru yang berkapasiti 12 hingga 18 tempat duduk. Skim ini diuruskan oleh BSN untuk tempoh permohonan dua tahun bermula 1 Januari 2013.

Pada masa yang sama SPAD sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengenal pasti isu-isu utama dan dengan penambahbaikan pengangkutan awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri yang dipengerusikan oleh UPEN. Ini bagi memastikan perkhidmatan bas henti-henti dapat disediakan yang mana tumpuan turut diberikan kepada kawasan luar bandar bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh. Terima kasih.

■1050

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap terima kasih dan penghargaan kepada kerajaan kerana telah menyediakan kemudahan-kemudahan dan bantuan kepada pihak pengusaha bas. Akan tetapi, masalah ini masih belum pada saya tidak diselesaikan di peringkat sampai ke asasnya. Ini kerana perkhidmatan ini sangat penting, yang merupakan satu perkhidmatan sosial terutamanya di kawasan luar bandar dan bandar-bandar, pekan-pekan kecil. Terutamanya pihak bas sekolah mereka tidak boleh mengutip tambang yang tinggi kerana penumpang-penumpang mereka adalah pelajar-pelajar.

Sedangkan pihak SPAD kenakan supaya bas mereka kalau sampai usia 30 tahun harus digantikan dengan bas yang baru. Walaupun ada dana disediakan tetapi bas yang piawai kita, saya rasa sangat tinggi piawai, Euro. Jadi saya pun rasa bolehkah kerajaan merancang untuk jangka masa panjang kita buat bas negara kita sendiri, piawai Malaysia, tidak payah piawai Euro. Ini kerana piawai Euro ini, harga sebuah bas kalau tidak silap saya lebih pada RM300,000 atau RM400,000 sebuah bas. Jadi mereka tidak mampu beli bas sedemikian.

Jadi soalan saya ialah sama adakah pihak SPAD sedia menimbang sementara mereka yang masih gunakan bas yang lama, walaupun sudah sampai usia 30 tahun, kalau mereka boleh lulus ujian dipihak PUSPAKOM bermaksud kenderaan ini telah diselenggarakan dengan baiknya maka dibenarkan mereka lanjutkan dan gunakan bas yang sedemikian.

Ini kerana saya dimaklumkan oleh pengusaha bahawa kalau sekatan ini dikuatkuasakan dengan ketat tanpa kelonggaran, maka ramai yang akan terpaksa berhenti daripada industri ini. Jadi saya pun berharaplah kerajaan harus mempunyai satu kaedah yang lebih munasabah, lebih longgar supaya membantu industri ini dari segi jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Perkhidmatan ini satu perkhidmatan sosial, perkhidmatan *national service* dengan izin yang begitu penting. Jadi saya harap pihak kerajaan akan menimbang permintaan ini. Sekian.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Tanjong Malim mengenai bas sekolah. Di seluruh negara ini, di Semenanjung kita ada 14,784 buah bas sekolah, di Sabah dan Sarawak ada 2,748 buah bas sekolah. Kita telah mengenakan satu peraturan, bas tidak boleh melebihi daripada 30 tahun. Akan tetapi, baru-baru ini kita melonggarkan, semua bas yang telah sampai umur 30 tahun kita tambah setahun lagi untuk mereka menukarkan.

Antara 25 tahun ke 30 tahun, terdapat kira-kira 3,000 buah bas. Daripada 14,784 itu, 3,000 yang dalam lingkungan 15 tahun ke 20 tahun.

Saya difahamkan ada negara-negara yang tertentu, bas sekolah ini 15 tahun sahaja. Ada negara 20 tahun sahaja. Malaysia ini cukup baik, kita bagi 30 tahun. Oleh kerana untuk menjaga keselamatan anak-anak kita, itu sebab dalam bajet yang baru-baru ini kerajaan telah memberikan rebat tunai sebanyak RM10,000, subsidi kadar 2 peratus untuk menukar bas 25 ke 30 tahun itu. 30 tahun pun kita tambah lagi setahun.

Untuk melindungi anak-anak kita di sekolah, kerajaan dalam bajet baru-baru ini mengumumkan Skim Perlindungan Insurans Kemalangan Diri, Hilang Upaya Kekal dan Kematian pada semua murid sekolah yang menggunakan bas sekolah. Ada seramai 2 juta orang yang menggunakan bas sekolah iaitu pelajar, dan perlindungan maksimum sebanyak RM100,000, kos premium sebanyak RM40 juta untuk tempoh dua tahun. Semuanya ditanggung oleh SPAD. Ini adalah bagaimana Kerajaan Barisan Nasional menjaga kepentingan rakyat tanpa mengira kaum dan semua umur.

Sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tanjong Malim mengenai piawai EURO dari segi bas, kita ada tiga jenis bas sekolah. Pertama, van. Kedua, kita panggil bas midi dan yang ketiga bas panjang. Kalau mereka menggunakan bas panjang, kemungkinan besar lebih untung kerana pada waktu-waktu cuti sekolah kita membenarkan LPS, adalah satu kaedah yang tertentu yang kita benarkan mereka membawa pelancong ataupun dilakukan untuk pergi ke lawatan-lawatan yang tertentu menggunakan bas sekolah itu sebagai tambahan kepada mereka. Jadi kita ingin menggalakkan supaya bas midi dan bas panjang ini digunakan oleh pengusaha bas sekolah.

Walau bagaimanapun, kita mengambil pandangan dan ingatan terhadap yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tanjong Malim.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita juga tidak nafikan ada sedikit pembaikan dalam sistem pengangkutan awam. Cuma di sini saya teringat bahawa tahun 2010 dulu, kerajaan telah mengumumkan penjimatan sebanyak RM4.7 bilion selepas berlakunya penstrukturan semula subsidi bahan api, dan dikatakan daripada jumlah itu akan digunakan untuk memulihkan perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya bas. Sehingga kini kita tengok, pengangkutan awam terutamanya di luar bandar masih lagi duduk dalam keadaan sedia kala, tidak ada perubahan.

Subbandar ataupun sub-urban juga menghadapi perkara yang sama. Setelah SPAD memainkan peranan mengambil alih sebahagian daripada tugas Jabatan Pengangkutan Jalan, saya hendak tanya berapa lama lagi anggaran kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab ini untuk melihat ada satu penyelesaian atas isu keperluan pengangkutan awam terutamanya bas awam kepada masyarakat luar bandar ataupun suburban. Yang ini yang menjadi tonggak utama atas keperluan pengangkutan awam. Di bandar agak selesa dan walaupun *volume* kenderaan itu tidak munasabah untuk kata tidak untung untuk mereka laksanakan tugas mereka di suburban, saya rasa ada masalah lain dan terutamanya daripada jumlah RM4.7 bilion tadi, berapakah yang disumbangkan atau di peruntukan untuk pemulihan ini? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat terima kasih atas soalan yang dinyatakan. Sebenarnya kita ada dua rancangan. Satu jangka pendek dan satu lagi jangka panjang. Yang jangka pendek yang kita beri dana tadi. Dana tadi kita beri geran, kita bukan bagi pinjaman untuk menyelamatkan.

Banyak syarikat-syarikat bas yang kita selamatkan ini. Johor - 20, Kedah - 5, Kelantan - 1, Melaka - 1, Negeri Sembilan - 8, Pahang - 11, Perak - 19, Pulau Pinang - 2, Selangor - 6, Terengganu - 5, Wilayah - 6. Jumlah 84 syarikat. Sabah - 7, Sarawak - 17. Jumlah 24 syarikat Sabah Sarawak. Semua sekali seluruh Malaysia 108 syarikat. Ini untuk jangka pendek untuk menyelamatkan bas henti-henti atas tujuan untuk membantu masyarakat luar bandar dan juga di pinggir bandar suburban yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota.

Saya ingin menegaskan bahawa apabila ditanya berapa lama lagi, Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara sudah siap. Kita ingin maklumkan bahawa rancangan ini dalam proses untuk dibentangkan dalam Kabinet mungkin pada bulan Disember. Segala perancangan adalah bersepadu termasuk mengenai isu bas sekolah, bas henti-henti dan segala jenis bas yang ada dalam negara kita dan juga tentang pengangkutan awam secara keseluruhannya.

Mudah-mudahan apabila rancangan induk ini telah diluluskan oleh Kabinet, kita boleh membentangkannya, kita boleh melaksanakannya untuk kemudahan dan juga memperbaiki segala pengangkutan awam dalam negara kita.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sekadar menyampaikan hasrat daripada Federasi Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia untuk perhatian dan tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri selaku Timbalan Menteri diberi amanah untuk menjaga SPAD ini.

■1100

Pertama, saya hendak beritahu Yang Berhormat, mereka bekerja sepuluh bulan dalam setahun. Sepuluh bulan dalam setahun di mana kos dan *revenue* dengan izin Tuan Yang di-Pertua adalah tidak seimbang kerana harga yang ditetapkan untuk setiap pelajar adalah dikawal oleh pihak kerajaan. Jadi seperti Yang Berhormat Tanjung Malim bangkitkan tadi, 30 campur satu campur satu yang diberikan oleh SPAD itu adalah satu yang cukup positif tetapi mereka minta kalau kondisi bas sekolah itu masih dalam keadaan baik kerana dikawal selia oleh PUSPAKOM.

Mereka minta supaya dipanjangkan kerana kebanyakan pemandu bas sekolah ini berada dalam sekitar 50 tahun ke 60 tahun. Ini kerana untuk mereka membuat pinjaman baru, mereka sudah tentu tidak dapat dan untuk mereka menjadi penjamin pun mereka tidak mampu kerana itulah pekerjaan mereka yang membawa modal insan untuk kadang-kadang sampai dua atau tiga generasi bagi melahirkan modal – tolong bawa dengan amanah menjaga keselamatan dan sebagainya.

Jadi saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mempertimbangkan keadaan ini termasuk cuti hari Sabtu itu dipanjangkan dalam bulan November kerana pada hari Sabtu itu tidak ramai pelajar yang ke sekolah. Syarat-syarat yang dikenakan oleh bank juga kolateralnya adalah amat ketat yang menyebabkan mereka tidak boleh membuat pinjaman. Jadi di sini saya pohon subsidilah merupakan di antara langkah yang paling baik kepada setiap pemandu-pemandu dan pengusaha bas sekolah ini yang perlu diberikan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Kita memang sebenarnya mempunyai perancangan yang tertentu dan kita juga mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh operator bas sekolah? Antaranya dari segi kewangan dari segi rendahnya tambang. Kalau kita hendak naikkan tambang, ia menimbulkan isu yang lain iaitu isu bebanan kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak bersekolah menggunakan bas sekolah.

Akan tetapi yang kami akan memperketatkan ialah berlakunya operator yang tidak sah, *illegal school bus operators*. Ini yang mengganggu kebanyakan daripada keuntungan pihak-pihak yang mempunyai lesen yang sah kerana mereka ada bas-bas haram yang mengangkut anak-anak kita ke sekolah dan bas-bas haram ini kita akan ambil tindakan supaya bas yang mempunyai lesen yang sah boleh untung lebih. Kita memahami tentang perkara yang ditimbulkan termasuklah pemandu dan pemilik bas sekolah yang berumur untuk membuat *loan* dan juga pinjaman bank. Segala perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tanjung Malim itu diambil perhatian berat oleh pihak SPAD. Terima kasih.

6. Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, pendirian kerajaan terhadap cadangan pembinaan lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai (Lebuh Raya Rakyat) oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Apakah ada sebarang bentuk kerjasama sokongan atau bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan pembinaan lebuh raya tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kerja Raya tidak pernah membatalkan cadangan pelaksanaan projek jalan Kota Bharu-Kuala Krai, Kelantan. Sebaliknya, ia ditangguhkan untuk membolehkan kementerian ini menilai semula dan mencari alternatif yang lebih baik berbanding cadangan skop asal projek berkenaan.

Berdasarkan kepada perancangan semula projek menaiktarafkan jalan Kota Bharu-Kuala Krai, Kelantan akan diberikan pertimbangan dan keutamaan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Mengenai hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk membina sendiri jalan raya baru dari Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak ada halangan dengan inisiatif yang diambil oleh kerajaan negeri. Ini kerana berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, perkara mengenai 'jalan' merupakan antara perkara yang termasuk di bawah Senarai Persekutuan dan juga Senarai Negeri. Ia turut mengambil kira pengumuman oleh Kerajaan Negeri Kelantan sebelum ini bahawa projek Jalan Kota Bharu-Kuala Krai ini akan dibina dan bakal dibuka kepada lalu lintas tanpa melibatkan kutipan tol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya juga bersedia memberi khidmat nasihat dan kepakaran teknikal untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan projek ini. Walau bagaimanapun, sehingga 31 Oktober 2012, Kementerian Kerja Raya masih lagi belum menerima sebarang permohonan rasmi daripada Kerajaan Negeri Kelantan mengenai perkara tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya maklum Yang Berhormat Timbalan Menteri menangguhkan projek itu. Akan tetapi setahu saya ialah cadangan pembinaan lebuh raya ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima sampai ke Rancangan Malaysia Kesembilan masih ada. Akan tetapi timbul Rancangan Malaysia Kesepuluh, ghaib dan tiada. Jawapannya ditangguh. Kenapa projek yang sebegini penting terlalu lama diambil masa untuk mengkaji ataupun untuk melaksanakan, tiba-tiba ditangguh dan tangguh itu lambat pula Rancangan Malaysia Kesebelas baru hendak dilaksanakan sedangkan benda ini terlalu mendesak bagi rakyat Kelantan. Soalan saya sekiranya ada permohonan, kita kongsi bersama untuk melaksanakan lebuh raya ini. Bagaimana pandangan Timbalan Menteri?

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita telah hendak tukarkan skopnya. Dahulu jalan ini dari Kuala Krai ke Kota Bharu pada asalnya memang *elevated highway* dan ianya menelan belanja asalnya RM1.6 bilion. Selepas itu kita mencadangkan semula bagaimana kita ubahkan jajaran jalan ini dan kita memohon tambahan peruntukan supaya ianya boleh dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebenarnya, projek ini telah pun dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebelum ini kita telah pun tertumpu kepada pembinaan jalan di *Central Spine* dan ia termasuk juga akhir-akhirnya akan sampai ke Kuala Krai, ke Kota Bharu. Dari Raub di Pahang sini sampai ke Kota Bharu iaitu *Central Spine*. Kita giat menjalankan projek ini sekarang dan apa yang sebab-sebabnya telah pun dijawab oleh pihak Menteri dalam permohonan, dalam jawapan dasar bulan Oktober ini. Saya tidak ada tambahan, cuma kita tunggu permohonan dari pihak negeri Kelantan supaya kita boleh tengok bagaimana kita boleh bantu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masak sangat jalan tersebut kerana dahulu saya bersekolah di Kelantan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena pandang positif ke atas cadangan projek lebuh raya yang akan dibina oleh Kerajaan Kelantan dari Kota Bharu sampai Kuala Krai. Jadi saya hendak cadangkan supaya kerajaan pusat PKR, bolehlah tutup fail cadangan projek. *I mean* tutup fail di JKR Malaysia, tutup fail cadangan projek daripada Kota Bharu ke Kuala Krai kerana akan dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan. Itu kita pandang positif.

Cuma saya hendak cadangkan, adakah JKR mempertimbangkan supaya naik taraf juga sambungan jalan dari Kuala Krai, Gua Musang sampai ke Lebuhraya Timur-Barat di Kuantan-Kuala Lumpur itu supaya segala masalah trafik yang sangat serius terutama pada musim perayaan. Ini sekali gus saya yakin Tuan Yang di-Pertua dapat meningkatkan kemasukan pelabur-pelabur di kawasan pedalaman dan sekali gus akan dapat mengurangkan penghijrahan masyarakat di pedalaman daripada sana ke luar. Apa pandangan dan pertimbangan Kementerian Kerja Raya? Sekian, terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sebenarnya kita telah pun giat menjalankan memperbaiki jalan *Central Spine* ini. Ini adalah satu jalan yang sangat penting saya tahu dalam perayaan musim-musim yang besar, memang *jam*, 15 jam ke 16 jam saya tahu.

■1110

Dari segi pengangkutan saya difahamkan bahawa Kota Bharu ke Kuala Lumpur tiap-tiap hari ada lapan buah bas berjalan ke jalan ini. Kita cuma lebih baik kita memperbaiki jalan-jalan atau melebarkan jalan supaya ia selamat untuk pengangkutan di kawasan ini.

Memang ada juga niat untuk kita menyambung semula selepas LPT Fasa 2 siap kita akan pergi dengan LPT Fasa 3 sampai Kota Bharu. Ini adalah satu alternatif di mana juga dari Kota Bharu kita boleh pakai Gerik ke Jeli dan Gua Musang untuk keluar ke Kuala Lumpur. Ini adalah alternatif. Kita perlu juga ambil kira. Akan tetapi yang sangat penting kita akan mempertingkatkan usaha kita dalam Jalan Central Spine ini. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk mewujudkan sebuah “Bank Idea Pelan Pembangunan Malaysia” yang dikemukakan oleh seluruh rakyat Malaysia atau institusi pendidikan dengan idea-idea pembangunan seperti lukisan bangunan, model rumah rakyat serta reka bentuk prototaip teknologi yang boleh diguna pakai oleh pihak kerajaan untuk manfaat rakyat dan idea yang diambil atau diberikan ganjaran atau penghargaan tertinggi oleh Kerajaan Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sibuti, kawan baik saya. Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi telah melancarkan laman sesawang *MyIdeas* yang bertujuan untuk menggalakkan dan menghimpun idea-idea untuk setiap lapisan masyarakat dan memanfaatkan idea-idea tersebut, menjadi amalan terbaik dengan objektif untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. *MyIdeas* menjadi platform di mana kreativiti rakyat Malaysia akan diiktiraf dan akan diberikan ganjaran. Idea yang terbaik akan direalisasikan menjadi kenyataan.

Di samping *MyIdeas*, Agensi Inovasi Malaysia telah melancarkan Khazanah Harta Intelek Malaysia (KHIM) di mana data berkaitan dengan harta intelek yang terhasil daripada projek penyelidikan dan pembangunan di universiti-universiti awam dan pusat-pusat penyelidikan awam yang mempunyai nilai komersial dikumpulkan di dalam satu platform yang boleh diakses oleh setiap lapisan masyarakat.

Pangkalan data ini lebih menumpukan kepada mengkomersialkan harta intelek yang terhasil daripada pembiayaan perniagaan. Hasil pengkomersialan harta intelek ini akan menjana kekayaan kepada kerajaan dan negara keseluruhannya selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi.

Maka Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan beliau mengenai Bank Idea Pelan Pembangunan Malaysia mengenai reka bentuk dan juga bangunan-bangunan yang kreatif amat kami alu-alukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar dan melihat bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjanakan transformasi apa juga ekonomi, pembangunan, pelajaran dan sebagainya.

Kita hendak juga lihat bahawa idea, *MyIdeas* ini yang di bawah sains dan teknologi ini boleh dibawa kepada pelajar-pelajar di universiti supaya kita menggalakkan mereka juga yang berada di universiti-universiti di Malaysia ini supaya digunakan untuk memberi idea-idea yang lebih menceraikan masa depan mereka dan masa depan negara. Bagaimanakah pihak kementerian boleh membawa idea ini kepada golongan muda-muda yang ada sekarang ini. Terima kasih.

Dato’ Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, itu memang amat dipersetujui dua pendekatan. Pertama, jangka panjang dan kedua, jangka pendek. Setiap tahun contohnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah menyediakan untuk Kementerian Pendidikan Tinggi melalui universiti RM3.1 bilion untuk R&D sahaja. Okey, itu satu. Yang itu untuk jangka pendek. Para mahasiswa dapat digerakkan untuk R&D iaitu orang muda ini.

Kedua ini untuk transformasi pendidikan yang telah diuar-uarkan sekarang di mana proses pembelajaran, pengajaran dan pedagogi berbeza direvolusikan dengan membenarkan anak-anak kita yang kerdil ini menjana idea dan inovasi di peringkat bawah. Oleh kerana idea ini- contohnya *Samsung* dengan *iPad* ini. Kalau kita tengok dia punya pencipta, mereka melalui dalam pengalaman hidup. Dia tidak mencipta sesuatu di universiti, dia buat sendiri. Macam *thumb drive* datang daripada *Malaysians* tetapi ekosistem tidak benarkan. Dia pergi Taiwan dia buat.

Maka kita mesti benarkan ekosistem dan pendidikan kita mesti ubah. Kalau kita menjurus kepada peperiksaan sepanjang hayat, kita akan jadi *bookworms*, tidak boleh membenarkan pencernaan minda yang inovatif. Itulah fokus. Maka saya rasa hala tuju kita cantik. Cuma kita perlu merealisasikan ini di peringkat akar umbi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling] minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana pemantauan dibuat oleh pihak berkuasa agama terutama JAKIM terhadap aktiviti, program dan dakwah yang dilaksanakan oleh badan-badan NGO Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahimi]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini JAKIM memandang serius mengenai keperluan jalinan dan hubungan kerjasama erat dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO Islam sebagai rakan strategik.

JAKIM mengambil pendekatan kita tidak boleh bergerak bersendirian kerana kerja-kerja dakwah adalah kerja *jamaie*. Justeru, NGO Islam adalah entiti yang penting kerana mempunyai ahli yang ikhlas, dedikasi dan komited dengan usaha dakwah dan serta islah. Mereka perlu diajak supaya berada di saf yang sama supaya usaha kita dapat memberi impak yang lebih mantap dan berkualiti.

Sehubungan dengan itu, bagi memperkemas hubungan kerjasama pintar antara JAKIM dan NGO Islam ini, maka JAKIM telah menubuhkan Sekretariat NGO Islam yang akan menjadi platform ke arah mewujudkan kerjasama pintar dalam program-program dan tugas-tugas dakwah. Terima kasih.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) diasaskan oleh Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail bertujuan untuk menyelaras badan-badan dakwah seluruh negara agar kegiatan-kegiatan dakwah tidak menyimpang dari enakmen-enakmen agama negeri terutama dalam memastikan pegangan dan fahaman Ahli Sunah Waljamaah bagi rakyat Malaysia.

Soalan saya, apakah kerajaan sedar mutakhir ini YADIM telah tidak lagi menjalankan tugas-tugas utama ini bahkan kadang-kadang bercanggah dengan JAKIM sendiri? Lebih-lebih lagi, Pengarah YADIM dilantik oleh lantikan politik. Maka YADIM lebih menonjol dengan kerja-kerja kepentingan kepartian terutama saat-saat hampir pilihan raya. Kedatangan Irshad Manji ke negara ini membawa satu pemahaman yang jauh menyeleweng daripada akidah Islam lebih-lebih lagi dalam konteks Ahli Sunah Waljamaah. Kita tidak nampak peranan YADIM terutama sekali dalam hal ini.

Oleh itu apakah pihak kerajaan merasakan kerja sama pintar yang disebut oleh Yang Berhormat tadi perlu diperkasakan dan mencakupi YADIM kerana YADIM juga menerima *fund* daripada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahimi Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa isu ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini dalam penggulungan. Apa pun Yang Berhormat, apabila kita bercakap tentang dakwah, ia bukan sahaja dilaksanakan oleh pihak YADIM yang melaksanakan tanggungjawab tersebut tetapi dalam JAKIM juga kita mempunyai satu bahagian khas iaitu Bahagian Dakwah. Jadi Bahagian Dakwah ini Yang Berhormat akan dilaksanakan oleh semua pihak dari segi amal ma'aruf dan juga nahi mungkar.

Kenyataan Yang Berhormat adalah bahawa pelantikan-pelantikan tertentu di pihak YADIM yang menampakkan adakan lantikan politik dan sebagainya iaitu mungkin pada sangkaan Yang Berhormat kerana pelantikan tersebut adalah melalui perlembagaan ataupun perundangan yang dibolehkan.

Kalau Yang Berhormat menyatakan soalan tentang Irshad Manji, ia telah pun diambil tindakan kerana peristiwa ini berlaku dalam Wilayah Persekutuan dan kes ini masih lagi di dalam mahkamah. Terima kasih.

■1120

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bila bercakap soal dakwah ini, ia pada keseluruhannya menyeru kepada kebaikan, kepada jalan Allah SWT, itu ringkasnya. Tidak payah ahli ulama besar hendak faham, tok guru apa. Kita orang Islam biasa pun boleh faham. Jadi persoalan saya, apabila bercakap soal hendak menyeru kebaikan, apa tindakan kerajaan JAKIM kah, YADIM kah terhadap bukan sahaja NGO, individu-individu yang buat kerja dakwah ini, parti politik, dewan ulama, yang hari-hari berceramah menyeru bukan kepada kebaikan, kepada kehancuran berdoa hendak menghancurkan, K.O kan orang UMNO. UMNO untuk Melayu Islam.

Ini dakwah yang betul kah ini? Saya hairan walhal Yang Berhormat Baling tidak mampu hendak menegur perkara ini dan juga lagi satu dakwah dari segi kebebasan beragama. Ya lah LGBT, apa semua ini bebas, pluralisme dan sebagainya dibawa oleh individu tertentu dan parti politik tertentu yang menyeru kepada keburukan, bukan kepada jalan Allah. Tok Guru mana pun hendak tegur ini, dewan ulama. Itu yang saya hairan.

Akan tetapi kerajaan pun tidak ambil tindakan, saya pun hairan juga. Tidak tegur. Tok Guru besar di Kelantan, dia kata dia menyeru kepada kebaikan, jalan Al-Quran, Allah SWT, tetapi Al-Quran disebut jangan berpecah belah, jangan engkau berkelahi antara satu sama lain. Perpecahan di kalangan ummah itu menyebabkan ummah itu lemah. Ummah itu lemah, tetapi dia yang pergi langgar. Yang pergi langgar ayat Quran ini siapa? Saya hendak tanya kerajaan, apa pandangan kerajaan terhadap ini. Padahal jelas dalam ayat al-Quran, Surah Al-Baqarah ada sebut tidak ada pun yang membawa kepada perpecahan ini, oh hancurlah ini. Sampai dikatakan orang Melayu UMNO ini, Islamnya sesat, Islamnya songsang. Inilah yang kita hairan ini, dakwah apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah lama menunggu untuk menjawab.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi dakwah apa yang dibawa ini yang kerajaan nampak depan mata, jelas dan nyata tetapi tidak bertindak ini, takut kah? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya tentang tindakan kerajaan. Inilah dakwah kerajaan. Kalau sampai tidak ambil tindakan pun lagi hendak tuduh zalimkah Yang Berhormat, memberi ruang untuk bertaubat, memberi ruang untuk bermuhasabah diri lagi Yang Berhormat. Jadi sebenarnya kita melihat bahawa agama ini Yang Berhormat adalah sebagai cara hidup. Agama ini bukan sekadar kepada perundangan, tetapi agama adalah cara hidup dan agama adalah akhlak yang baik. Sebab itu bagi pihak kerajaan hari ini, tindakan yang diambil adalah untuk mendakwah orang ini supaya sedar dan kembali kepada jalan yang sebenarnya.

9. Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk meletakkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke arah memantapkan lagi fungsi DBP dalam menangani masalah pencabulan Bahasa Melayu.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Dewan Bahasa dan Pustaka sesuai kekal di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia kerana kerajaan menyedari usaha memartabatkan bahasa kebangsaan harus bermula daripada sistem pendidikan. Bagi menangani masalah pencabulan bahasa, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Bahasa Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau program yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan dan mengemukakan syor kepada kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam semua bidang dengan tumpuan utamanya adalah perkhidmatan awam, tempat awam, perdagangan, kewangan dan penyiaran. Salah satu program yang dilaksanakan di bawah jawatankuasa ini adalah audit bahasa yang bertujuan untuk membantu jabatan atau agensi mengenal pasti tahap dan kualiti penggunaan bahasa kebangsaan supaya boleh ditingkatkan dari semasa ke semasa dan audit bahasa ini sudah pun berjalan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan juga melaksanakan Bulan Bahasa Kebangsaan setiap tahun sebagai satu agenda nasional yg digerakkan secara besar-besaran dan meluas di seluruh negara untuk memperkukuh keyakinan masyarakat pelbagai kaum terhadap keupayaan dan potensi bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi dan sosial dan juga bahasa perpaduan selaras dengan konsep 1Malaysia. Selain itu Dewan Bahasa dan Pustaka terus meningkatkan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dipaparkan di tempat awam. Pengiklan diminta mendapatkan pengesahan bahasa yang digunakan pada papan iklan sebelum lesen mempamerkan iklan dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Dari semasa ke semasa, Dewan Bahasa dan Pustaka juga melaksanakan pemantauan dan membuat teguran kepada pihak yang tidak menggunakan bahasa kebangsaan ataupun melakukan kesalahan bahasa. Namun demikian, tugas penting ini tidak seharusnya diletakkan di bahu kerajaan sahaja, khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi perlu dipikul oleh semua rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apakah terdapat sebarang cadangan dalam menangani atau dalam penguatkuasaan undang-undang bagi menunjukkan ketegasan kerajaan dalam menangani isu pencabulan bahasa dan bahasa rojak bagi mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terutama di media-media elektronik dan juga media maya yang digunakan sebagai medium utama terutama bagi golongan muda masa kini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka memang bergiat aktif dalam usaha untuk memantau penggunaan bahasa-bahasa yang tepat, yang betul dan menegur pihak yang menggunakan bahasa yang tidak tepat ataupun bahasa rojak terutamanya di media elektronik ini. Sebab itu pada saya bahawa tanggungjawab ini harus dipikul bersama. Walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai penguatkuasaan tetapi pada kita yang lebih penting ialah dalam soal mendidik dan sebab itu di Kementerian Pelajaran melalui MBMMBI kita berusaha dari peringkat sekolah lagi untuk memastikan anak-anak kita menggunakan bahasa yang tepat.

Bahkan seperti mana yang saya maklumkan tadi bahawa jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga kita berusaha sekarang ini untuk memastikan penggunaan bahasa kebangsaan yang menyeluruh di peringkat perkhidmatan awam. Sebab itu jawatankuasa kecil pelaksanaan bahasa kebangsaan sektor perkhidmatan awam telah pun ditubuhkan dan bermesyuarat setiap bulan pada hari Jumaat di penghujung bulan itu. Kita sudah pun mengeluarkan pekeliling sebenarnya mengenai pelaksanaan bahasa kebangsaan di sektor awam termasuk dalam mesyuarat-mesyuarat, dalam dokumen-dokumen surat-menyurat ataupun perjanjian antarabangsa pun. Kita sudah cukup jelas dengan pekeliling ini, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Limau masak seulas. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, adakah Dewan Bahasa dan Pustaka...

Beberapa Ahli: ...Apa Yang Berhormat Kepong? Limau masak seulas...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Limau masak seulas itu apa Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ikut tata bahasa lah... [Ketawa] Pencemaran. Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memastikan guru-guru bahasa Melayu adalah pada tahap yang tinggi?

■1130

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini bilangan guru bahasa di dalam kementerian ini yang benar-benar bertahap tinggi supaya kita semua di dalam Dewan ini juga dapat menggunakan bahasa dengan betul-betul tepat dan persis? Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Oleh kerana peribahasa Yang Berhormat tadi tidak habis, sebenarnya Yang Berhormat pun kita akan audit juga. Yang Berhormat, terima kasih dengan soalan Yang Berhormat tersebut dan ini amat penting sebenarnya.

Oleh sebab itulah dasar MBMMBI kita adalah cukup jelas iaitu untuk memperkukuhkan bahasa Malaysia ini. Maka, ini adalah merupakan satu prinsip yang cukup jelas iaitu bahawa kita mahu memastikan penggunaan bahasa kebangsaan itu adalah penggunaan yang betul sebenarnya. Oleh sebab itulah kenapa dasar ini diperkenalkan, dan oleh kerana itulah kita memang akan memastikan guru-guru yang mengajar di dalam bahasa kebangsaan ini adalah guru-guru yang terlatih, guru-guru yang benar-benar maksudnya berkelayakan dan berkualiti.

Oleh sebab itu, pada kita, pelaksanaan dasar MBMMBI ini iaitu menggunakan dengan kaedah-kaedah termasuklah ICT dan sebagainya ialah untuk memastikan bahawa bahasa kebangsaan itu benar-benar terbina sebagai suatu kekuatan jati diri kepada rakyat Malaysia dan dengan cara itu kita yakin bahawa hujah yang mengatakan bahawa perpaduan boleh dicapai melalui bahasa ini boleh kita capai di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BINATANG (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Binatang 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd Johari bin Baharum]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 27 November 2012.”

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.34 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012 bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2013 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 64 fasal yang dibahagikan kepada lima bab seperti berikut:

Bab I [Permulaan] - Dalam Bab I "PERMULAAN" terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk rang undang-undang ini iaitu Akta Kewangan (No.2) 2012.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Bab II - Pindaan Kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II Bahagian I yang terdiri dari 36 fasal iaitu fasal 3 hingga 38 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut;

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2, seperti berikut:

- (i) Meminda seksyen 2(1) untuk:
- memasukkan takrifan amanah perniagaan atau *business trust* dan mengemas kini takrifan *company*;
 - mengemas kini rujukan kepada *Central Bank of Malaysia Act 1958* kepada *Central Bank of Malaysia Act 2009*;
 - memasukkan takrifan perkongsian liabiliti terhad atau *limited liability partnership* dan mengemas kini definisi-definisi berkaitan yang

melibatkan perkongsian liabiliti terhad iaitu takrif *partnership* dan *person*; dan

- memasukkan takrifan baru syer perbendaharaan atau *treasury shares*
- (ii) meminda seksyen 2(9) untuk menjelaskan bahawa layanan cukai di bawah subseksyen 107C(4A) (Anggaran Cukai) Perenggan 2A Jadual 1 (Kadar Cukai 2 peratus) bagi syarikat yang mempunyai pegangan modal kurang RM2.5 juta dan perenggan 19A Jadual 3 (Elaun Khas Bagi Aset Bernilai Kecil) adalah tidak terpakai kepada amanah perniagaan; dan
- (iii) memasukkan subseksyen 2(11) bagi memperjelaskan bahawa apa-apa lanjutan rujukan di dalam akta yang berkaitan dengan syarikat seperti syer dan modal syer biasa, pemegang syer dan dividen adalah merujuk kepada unit atau *derivatives units* pemegang unit dan agihan di dalam suatu amanah perniagaan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4B bagi memperjelas bahawa hanya pendapatan faedah yang diperoleh daripada perniagaan pinjaman wang yang dilesenkan boleh dianggap sebagai pendapatan perniagaan di bawah *paragraph* 4(a).

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 6(1)(l) bagi mengenakan cukai ke atas caruman skim persaraan swasta yang dikeluarkan sebelum pencarum mencapai umur persaraan 55 tahun.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 8(1A) berhubung penentuan pemastautin, perkongsian liabiliti terhad dan amanah perniagaan di Malaysia.

■1140

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seksyen ini tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 21A bahawa tempoh asas sesuatu perkongsian liabiliti terhad adalah sama seperti tempoh asas bagi sesuatu syarikat.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 24(5) bagi memperjelaskan bahawa faedah daripada pinjaman yang diberikan dalam menjalankan perniagaan pinjaman wang berlesen dikenakan cukai sebagai pendapatan perniagaan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(3), subperenggan 25(4)(a)(i), perenggan 25(4)(b) dan (c) dan subseksyen 25(b) untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan tafsiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun dalam kes di mana pendapatan seseorang itu berkaitan dengan tempoh yang melebihi lima tahun kebelakangan.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda perenggan 27(2)(b) dan (c) dan subseksyen 27(3) untuk memendekkan tempoh bagi membangkitkan tafsiran bagi tahun-tahun kebelakangan dari lima tahun ke empat tahun bagi pendapatan daripada faedah, diskaun, sewa atau royalti atau apa-apa, pencen anuiti atau apa-apa bayaran berkaitan dengan satu tempoh melebihi lima tahun kebelakangan.

Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34D bahawa suatu potongan bagi kos yang dilakukan oleh syarikat untuk memperoleh syer perbendaharaan yang akan ditawarkan kepada pekerja yang boleh dibenarkan.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan perenggan 39(1)(n) bahawa apa-apa persaraan yang dibayar kepada rakan kongsi oleh perkongsian liabiliti terhad tidak layak mendapat potongan jika ia tidak diperuntukkan di dalam perjanjian perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 44(5E) bahawa syarikat akta perkongsian yang bertukar kepada suatu perkongsian liabiliti terhad dibenarkan untuk membawa ke hadapan kerugian perniagaan yang tidak boleh diserap.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda perenggan 44A(9)(a) untuk mengurangkan tempoh bagi membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dari enam tahun ke lima tahun dalam kes syarikat berkaitan yang membuat tuntutan kerugian yang tidak betul.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) untuk meningkatkan pelepasan cukai dari RM3,000 ke RM6,000 kepada individual, golongan ibu atau bapa yang menandatangani ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional bagi anaknya.

Fasal 18 bertujuan untuk meminda perenggan 48(3)(a) untuk menaikkan pelepasan cukai dari RM4,000 kepada RM6,000 seorang bagi individual yang mempunyai anak berumur 18 tahun ke atas dan melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi. Potongan tambahan yang diberi kepada individual yang mempunyai anak kurang upaya berumur 18 tahun ke atas dan melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi juga dinaikkan kepada RM6,000.

Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 60AA(15A) bahawa kerugian larasan daripada perniagaan dana keluarga suatu pengendali takaful bagi setiap tahun taksiran hanya boleh ditolak daripada agregat pendapatan *statutory* daripada punca dana keluarga sahaja bagi tahun taksiran yang berkaitan. Apa-apa kerugian perniagaan yang tidak dapat diserap daripada punca bukan dari perniagaan dana keluarga tidak boleh ditolak daripada pendapatan *statutory* dana keluarga pengendalian takaful itu.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda subseksyen 60G(6) [Akta 53] dalam takrif "*foreign fund management company*" berbangkit daripada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 60I(4) Akta 53 untuk memperluaskan takrif "*Islamic securities*" kepada mana-mana *security* yang mematuhi prinsip syariah.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda perenggan 65A(a) bahawa apa-apa jumlah yang dipinda atau dibayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi oleh suatu koperasi boleh dibenarkan potongan.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 75B memperuntukkan tanggungjawab pegawai pematuhan dan pengurus amanah bagi melakukan semua tindakan dalam perkara yang dikehendaki di bawah akta bagi pihak perkongsian liabiliti terhad dan suatu amanah perniagaan.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 77 bahawa seksyen itu tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda seksyen 77A bahawa perkongsian liabiliti terhad dikehendaki untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan bagi suatu tahun taksiran dalam tempoh tujuh bulan selepas tarikh penutupan tempoh perakaunannya.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 91 bahawa kuasa ketua pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan bagi suatu tahun taksiran dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran itu melainkan dalam kes penipuan sengaja memungkir atau kecuai.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda perenggan 103(12)(a) bahawa tarikh akhir bagi pembayaran cukai bagi syarikat adalah juga terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda subseksyen 107B(1) bagi menyatakan bahawa peruntukan ini tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Fasal 29 bertujuan untuk meminda seksyen 107C bagi memperuntukkan bahawa perkongsian liabiliti terhad dikehendaki bagi mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar dan membuat bayaran secara ansuran bagi setiap tahun taksiran.

Fasal 30 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 109G yang mewajibkan penyedia Skim Dana Persaraan Swasta memotong cukai sebanyak 8 peratus daripada amaun caruman oleh pencarum yang belum mencapai umur 55 tahun dan membayar amaun tersebut kepada ketua pengarah dalam masa satu bulan selepas pembayaran dibuat kepada pencarum.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda subseksyen 111(2) bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang itu memohon pembayaran balik jumlah cukai yang terlebih dibayar dari enam ke lima tahun selepas akhir tahun taksiran yang berkaitan.

■1150

Fasal 32 bertujuan untuk meminda subseksyen 131(1) bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang itu memohon relif untuk kesalahan atau kesilapan yang berlaku di dalam penyata atau pernyataan daripada enam ke lima tahun selepas akhir tahun tafsiran berkaitan.

Fasal 33 mengandungi beberapa subfasal bertujuan meminda Jadual 1 bagi perkara berikut;

- (i) subfasal 33(a) bertujuan untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin sebanyak satu mata peratusan di setiap banjaran pendapatan bercukai sehingga RM50,000;
- (ii) subfasal 32 menyatakan kadar cukai bagi perkongsian liabiliti adalah 25 peratus yang mempunyai jumlah sumbangan modal melebihi RM20.5 juta;
- (iii) subfasal 33(c) menyatakan kadar cukai yang terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad yang mempunyai jumlah sumbangan modal tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun tafsiran. Walau bagaimanapun, kadar cukai ini tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad yang mengawal atau dikawal oleh syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan syer biasa melebihi RM2.5 juta
- (iv) subfasal 33(d) menyatakan jadual kadar cukai baru yang terpakai kepada koperasi; dan
- (v) subfasal 33(e) memperuntukkan bahawa cukai dikenakan pada kadar 8 peratus ke atas caruman skim dalam persaraan swasta yang dikeluarkan oleh seseorang individu yang belum mencapai usia 55 tahun.

Fasal 34 meminda subperenggan 15(a) Jadual 2 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dan tempoh masa yang dikurangkan.

Fasal 35 bertujuan meminda beberapa perkara dalam Jadual 3 seperti berikut;

- (i) subfasal 35(b) meminda perenggan 27, Jadual 3, berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) berkenaan dengan kuasa Pengarah ke kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa yang dikurangkan;
- (ii) subfasal 35(c) meminda perenggan 38 Jadual 3 bahawa pelupusan aset oleh suatu perkongsian liabiliti terhad atau amanah perniagaan adalah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 Akta, jika, satu perkongsian mempunyai lebih daripada 50 peratus sumbangan modal di dalam perkongsian liabiliti terhad atau dua pemegang unit mempunyai hak yang tidak kurang daripada 50 peratus ke atas baki keuntungan boleh diagihkan atau tidak kurang daripada 35 peratus ke atas apa-apa baki aset boleh diagihkan dalam amanah perniagaan semasa penggulungan;
- (iii) subfasal 35(d) meminda paragraf 38A, Jadual 3, bagi memperjelas bahawa pelupusan oleh syarikat kepada unit amanah adalah tertakluk kepada perenggan 39 dan 40 Akta jika syarikat itu memegang lebih daripada 50 peratus daripada baki keuntungan atau aset unit amanah yang boleh diagihkan semasa penggulungan;

- (iv) subfasal 35(e) memasukkan perenggan baru 61A, Jadual 3 mengenai layanan cukai bagi aset yang dipegang untuk jualan;
- (v) subfasal 35(f) memasukkan perenggan baru 75AA ke dalam Jadual 3 bahawa suatu syarikat atau suatu perkongsian yang bertukar menjadi suatu perkongsian liabiliti terhad dibenarkan membawa lain modal yang tidak diserap untuk digunakan terhadap pendapatan masa hadapan perkongsian liabiliti terhad itu;

Fasal 36 bertujuan untuk meminda subperenggan 15(b) Jadual 4 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) berkenaan dengan kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa yang dikurangkan.

Subfasal 37(a) bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 12C bahawa keuntungan yang dibayar, di kredit atau diagihkan kepada perkongsian-perkongsian liabiliti terhad adalah dikecualikan daripada cukai.

Subfasal 37(b) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 20A bahawa pendapatan suatu penanggung insurans atau pengendali takaful berkenaan dengan pelaporan daripada dana hayat atau dana keluarga dikeluarkan di dalam skim anuiti tertanggung diluluskan Bank Negara Malaysia adalah dikecualikan daripada cukai

Subfasal 38(a), (b), (c), (d), (e), (g), (h) dan (i) bertujuan untuk meminda Jadual 7A berbangkit daripada potongan subparagraf 8(b) dan (d). Berhubung dengan takrif projek yang layak yang dijalankan oleh suatu syarikat dan dalam menggubal perniagaan menternak ayam dan itik daripada sistem reban terbuka kepada reban tertutup.

Subfasal 38(f) bertujuan untuk meminda perenggan 6 Jadual 7A berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 91(1) berkenaan dengan kuasa untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan dalam jangka masa yang dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab II, Bahagian II yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 39 dan 40 bertujuan memperuntukkan peruntukan kekecualian dan pengagihan berhubung dengan pindahan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 39 menyatakan pemakaian peruntukan pengecualian dan pengalihan ini yang mengatasi peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 sekiranya terdapat ketidakselarasan;

Fasal 40 memperuntukkan bahawa mana-mana kerugian yang tidak dapat diserap bagi seseorang untuk tahun taksiran 2012 berkenaan dengan faedah daripada punca perniagaan akan dibawa ke hadapan dan hendaklah ditolak daripada agregat pendapatan statutori orang itu daripada apa-apa punca perniagaan yang lain dalam tahun taksiran 2013. Begitu juga apa-apa elau modal yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2012 berkenaan dengan faedah daripada punca perniagaan akan dibenarkan kepada orang itu untuk mengurangkan pendapatan statutori daripada apa-apa punca perniagaan bagi tahun taksiran 2013.

Bab III - pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab III yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 41 hingga fasal 46 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Pindaan-pindaan adalah seperti berikut;

Fasal 41 menyatakan pindaan ke atas Akta Setem 1949 berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan;

Fasal 42 bertujuan untuk meminda seksyen 8 untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang dilesenkan oleh menteri untuk membayar duti ke atas mana-mana surat cara yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dengan cara mesin *franking post* atau mesin *franking digital* perlu menyimpan rekod yang berhubung dengan pengeluaran lesen itu bagi tempoh tujuh tahun;

Fasal 43 bertujuan untuk meminda Seksyen 9 bagi membenarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad untuk mengkompaun duti ke atas surat cara berkaitan urusan perniagaan.

■1200

Fasal 44 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 60A bahawa satu penalti boleh dikenakan kepada mana-mana pelesen mesin *franking* yang gagal memfranking surat cara dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat cara itu disempurnakan.

Fasal 45 bertujuan untuk meminda subseksyen 22(6) jadual pertama bahawa surat cara berkenaan pemberian barangan di bawah semua prinsip atur cara dikenakan duit RM10.

Fasal 46 bertujuan untuk meminda jadual kedua bagi membenarkan pendaftar mahkamah tinggi membatalkan setem pelekat pada surat cara memorandum jualan bagi memudahkan proses lelongan.

Bab IV - pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab IV yang terdiri daripada lapan fasal iaitu 47 hingga 54 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:-

Fasal 47 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasanya rang undang-undang ini kecuali bagi Fasal 49, 50 dan 52 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014;

Fasal 48 bertujuan untuk meminda perenggan 18(1)(h) bagi mewujudkan satu peruntukan yang bersamaan dengan seksyen 15(a) ACP 1967 yang memperuntukkan pembayar bertanggungjawab untuk merebat pembayaran cukai kepada Ketua Pengarah dan membayar amaun bersih tersebut kepada penerima (orang yang tidak bermastautin) dalam tempoh sebulan dari tarikh beliau membayar atau mengkreditkan penerimaan;

Fasal 49 bertujuan untuk meminda seksyen 39 bahawa kuasa Ketua Pengarah untuk membangkitkan taksiran atau taksiran tambang bagi sesuatu tahun taksiran dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran itu memaikan dalam kes penipuan sengaja, dan mungkin kecuai;

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 50(2) bagi memperuntukkan bahawa jangka masa bagi seseorang untuk membuat suatu tuntutan bayaran balik untuk mana-mana tahun taksiran dikurangkan dari enam ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran yang mana tuntutan berkait;

Fasal 51 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baru 57A bagi memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan jika seseorang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk menyimpan rekod yang mencukupi sama seperti seksyen 119A di bawah peruntukan ACP 1967;

Fasal 52 bertujuan untuk meminda subseksyen 66(1) untuk memendekkan tempoh masa bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai iaitu memohon *relief* untuk kesalahan atau kesilapan berlaku di dalam borang nyata cukai pendapatan atau pun penyertaan bagi suatu tahun taksiran dari enam ke lima tahun selepas akhir tahun taksiran itu;

Fasal 53 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 72A bagi memperuntukkan suatu peruntukan khas berhubung transaksi di antara pihak yang berkaitan khususnya ke atas perkara yang berkaitan dengan penentuan harga pindahan dan permodalan tipis; dan

Fasal 54 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 83(1)(ba) bagi memperuntukkan bahawa undang-undang yang mengawal suatu transaksi di antara pihak yang berkaitan di atas perkara berkaitan dengan penentuan harga, pindahan dan permodalan tipis tertakluk kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 83.

Bab V - pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab V mempunyai sepuluh fasal iaitu fasal 55 hingga 64 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

Fasal 55 bertujuan menyatakan pindaan ke atas Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 berkuat kuasa melalui rang undang-undang ini dikuatkuasakan kecuali bagi:-

- (a) fasal 56 dan fasal 63(c) berkuat kuasa apabila Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 mula berkuat kuasa;

- (b) Perenggan 59(a)(b) dan fasal 60 dan 62 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Fasal 56 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) bahawa perkongsian liabiliti terhad dianggap sebagai orang yang boleh dikenakan cukai dan memberi takrifan kepada perkongsian liabiliti terhad tersebut;

Fasal 57 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 13(c) dan 6(7) bahawa seorang pelupus yang melupuskan aset yang layak dikenakan cukai dikehendaki mengemukakan borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah bahawa pelupusan itu tidak tertakluk kepada cukai serta menyerahkan borang itu kepada pemeroleh dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan itu;

Fasal 58 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 14(5) bahawa kenaikan 10 peratus daripada cukai yang kena dibayar akan dikenakan ke atas pelupus jika pemeroleh gagal untuk memegang dan merebatkan 2 peratus daripada jumlah barisan atau kesemua wang akibat daripada maklumat yang tidak betul atau salah diberi oleh pelupus tersebut,

Fasal 59(a) dan (b) bertujuan untuk meminda subseksyen 15(1) dan (2) bahawa tempoh taksiran atau taksiran tambahan dibangkitkan, dipendekkan dari enam ke lima tahun melainkan dalam kes penipuan sengaja, mungkir atau kecuaiian;

Fasal 59(c) selanjutnya bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 15(4) bahawa tertakluk kepada subseksyen 14(5) kenaikan 10 peratus daripada cukai yang dikena bayar, akan dikenakan kepada pelupus jika pemeroleh gagal untuk memegang dan merebatkan 2 peratus daripada jumlah balasan atau pun kesemua wang akibat daripada maklumat yang tidak betul atau salah diberi oleh pelupus tersebut,

Fasal 60 untuk meminda seksyen 19 bagi memendekkan tempoh masa bagi seseorang memohon *relief* di atas apa-apa kesalahan atau kesilapan yang dibuat dalam suatu penyata bagi mana-mana tahun taksiran dari enam ke lima tahun selepas berakhir tahun taksiran itu;

Fasal 61 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 21B(5) bahawa seseorang pemeroleh tidak dikehendaki untuk memegang atau merebatkan sesuatu amaun kepada Ketua Pengarah jika suatu notis tidak dikenakan cukai diserahkan kepada pemeroleh itu dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai.

■1210

Fasal 62 bertujuan untuk meminda subseksyen 24(3) bahawa jangka masa bagi seseorang untuk membuat suatu tuntutan bayaran balik dikurangkan dari enam tahun ke lima tahun selepas berakhir tahun tafsiran yang mana tuntutan berkaitan;

Fasal 63 bertujuan untuk meminda subperenggan 5(1) Jadual 1 bahawa seseorang pengarah hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi hutang atau cukai yang genap masa oleh suatu syarikat. Fasal 63 selanjutnya bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 5A ke dalam Jadual 1 bahawa seseorang pegawai pematuhan yang dilantik di kalangan pekongsi bagi suatu perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada pegawai pematuhan dilantik mana-mana perkongsian hendaklah secara bersama dan berasingan boleh ditafsir dan dikenakan cukai; dan

Fasal 64 bertujuan untuk meminda perenggan dua Jadual 4 bahawa seseorang yang melupuskan sebahagian daripada aset yang boleh dikenakan cukai boleh menuntut pengecualian tanpa menunggu kesemua bahagian daripada aset tersebut dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Jasin.

12.12 tgh.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan yang telah membuat pindaan ini sebagai satu cerminan kepada komitmen kita dalam menghadapi cabaran pembangunan global selaras dengan hasrat kerajaan yang dilihat begitu komited sekali dalam menjaga hak setiap individu.

Saya teruskan kepada perkara pertama iaitu saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang kedudukan penjualan-penjualan emas yang dianjurkan oleh sebuah syarikat yang diberi nama Geneva. Ini satu daripada skim pengambilan deposit (*deposit taking*). Jadi apakah yang menyebabkan perniagaan ini ditahan? Kenapakah kerajaan mengambil masa yang begitu lama sekali sebelum ianya melibatkan beribu-ribu orang pelabur yang telah melibatkan satu pelaburan yang berjumlah sebanyak RM10 bilion, barulah kerajaan mengambil tindakan. Ini kerana dalam masa yang sama Bank Negara juga tidak ada hak untuk apa-apa perniagaan yang berhubung kait dengan emas, hanyalah boleh menahan mana-mana perniagaan yang ada hubung kait dengan pengambilan deposit yang tidak berlesen. Usaha ini adalah bertepatan supaya pihak kementerian dalam menguar-uarkan garis panduan agar rakyat kita tidak tertipu terutamanya menyertai pelaburan yang sedemikian.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada fasal keempat dengan *limited liability partnership*. Saya menerima baik atas pindaan ini kerana terdapat banyak ruang kosong yang telah dipergunakan oleh peniaga sebelum ini dan mereka telah dapat melarikan diri daripada tindakan undang-undang dan sehingga bebannya pula ditanggung oleh pihak-pihak tertentu sahaja yang dilihat begitu samar sekali. Saya juga ingin bertanya, berapa banyakkah syarikat asing yang beroperasi di Malaysia yang telah terlepas daripada ketidakwujudan fasal ini. Pada ketika ini kita dapat lihat, walaupun negara kita tidak begitu terjejas dengan apa yang terjadi dengan masalah ekonomi global kerana bank-bank kita tidak mempunyai banyak ekuiti daripada luar negara. Jadi kita di antara negara yang terlepas termasuk India, Kanada dan juga Australia.

Jadi seharusnya setakat mana sebenarnya usaha kerajaan dalam memastikan supaya ekuiti-ekuiti ini dapat terus dipertahankan. Dalam masa yang sama, pemindaan akta ini dapat memberikan kerajaan kuasa dalam memastikan tidak ada individu-individu atau peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dapat melepaskan diri secara rasional iaitu melepaskan beban dan tanggungjawab itu dapat selaras mengikut kekuatan pemilikan *share* dalam sesebuah syarikat.

Selepas itu saya pergi kepada fasal 5 yang menjelaskan pendapatan faedah tidak boleh dikenakan cukai sebagai perolehan ataupun keuntungan daripada perniagaan. Pindaan ini dilihat begitu positif sekali dalam usaha kerajaan bagi memastikan supaya 100 peratus akan dapat membantu syarikat-syarikat kecil dan juga sederhana untuk terus kekal dalam arena perniagaan nasional. Ramai daripada kalangan peniaga golongan kecil dan sederhana ini sentiasa tersepit di antara keuntungan yang sedikit. Dengan wujudnya pindaan ini, saya rasa golongan ini akan mempunyai ruang yang lebih luas untuk memberangsangkan lagi ekonomi negara pada masa hadapan.

Selepas itu saya pergi kepada fasal 10 yang menerangkan bahawa faedah juga boleh dikenakan atas urusan yang sama tetapi hanya untuk perniagaan-perniagaan yang berhubung kait dengan pinjaman wang yang dilesenkan. Ini jelas menggariskan bahawa tidak ada mana-mana pihak terlepas daripada tindakan kerana akta ini telah pun diperjelasnya dengan terang.

Seterusnya pada fasal 13. Pindaan ini adalah berlandaskan hasrat kerajaan bagi memastikan supaya kita dapat terus menuju kepada wawasan negara maju dan berpendapatan tinggi. Jadi segala pindaan perkara 13 ini saya yakin akan dapat diterima baik oleh masyarakat dan satu perkara yang boleh mencerminkan komitmen Kerajaan Barisan Nasional dalam membantu rakyat untuk mempertingkatkan pendapatan, seterusnya dapat menuju sebagai sebuah negara maju tahun 2020.

Satu lagi fasal yang harus dipuji ialah pindaan perkara 18 yang memperuntukkan kenaikan bagi penolakan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi seorang individu yang mempunyai anak yang belum berkahwin yang berumur 18 tahun ke atas dan juga anak yang kurang upaya. Pindaan ini juga diguna pakai untuk meneruskan pengajian anak-anak untuk institusi pelajaran tinggi.

Satu lagi pindaan yang menarik ialah pindaan fasal 21 yang bertujuan untuk memperluaskan takrifan *Islamic Securities* kepada mana-mana *securities* yang mematuhi prinsip syariah. Kita sedar bahawa negara kita pada ketika ini adalah satu daripada perbankan Islam yang telah dinaikkan taraf sebagai hab kewangan islamik yang popular di persada antarabangsa dan telah berkembang pada tahap yang tertinggi menjadikan Malaysia pada ketika ini peneraju sistem perbankan Islam di dunia.

Sistem perbankan Islam ini dilihat sebagai satu yang berkembang pada tahap yang tertinggi dan cepat jika dibandingkan dengan tahap bank-bank konvensional. Peningkatan ini dilihat pada kadar dua digit iaitu pada kenaikan 10 peratus pada setiap tahun di negara kita. Pencapaian ini juga adalah komitmen yang telah ditunjukkan oleh kerajaan dalam memperjuangkan ajaran Islam sebagai satu daripada salah satu cara hidup.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memperluaskan produk-produk kewangan Islam ini dengan lebih luas.

■1220

Contoh paling mudah adalah untuk mengeluarkan *Hire-Purchase Act (Hire ACT)* walaupun sudah ada jawatankuasa khas bagi merangka perundangan sewa beli yang halal. Sudah lama sangat *HP1 Act* ini kita simpan dan tidak dipergunakan dan pembelian kereta misalnya walaupun kita telah menandatangani dokumen sewa beli daripada perbankan Islam, tetapi rangka perundangannya masih ditadbir oleh *Hire-Purchase Act* yang bersifat konvensional.

Walaupun Bank Islam ini pada ketika ini adalah satu entiti *business*, setelah 25 tahun wujud, halal haramnya mesti dilihat lebih jauh daripada konteks struktur produk semata-mata. Jadi seharusnya kalau boleh kita dapat perelaskan supaya dapat memastikan supaya perbankan Islam ini bukan sahaja akan dapat diterajui ataupun akan dapat digunakan oleh orang-orang Islam bahkan untuk semua kaum. Satu lagi pindaan yang jelas, komitmen kerajaan dalam mendahulukan rakyat adalah pada pindaan fasal 30 yang memberikan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan kepada pesuruhjaya khas dalam masa 30 hari dari tarikh amaun itu genap masa untuk perlu dibayar.

Fasal 32 juga memberikan ruang untuk seseorang itu memohon bagi *relief* atas kesalahan ataupun kesilapan yang berlaku dalam sesuatu penyata atau pernyataan bagi suatu tahun taksiran. Apakah ini bukan mencerminkan rakyat didahulukan dan memastikan negara kita ini diperintah secara adil dan juga saksama.

Akhir sekali, walaupun kita mempunyai satu sistem pelaksanaan cukai yang mendahulukan rakyat, kita harus sedar bahawa sistem pemantauan dan penguatkuasaan harus di perkasa. Jika kerajaan gagal untuk mewujudkan satu pasukan yang terdiri daripada golongan pakar serta berwibawa, saya percaya hasrat kerajaan yang dilihat murni ini tidak akan mencapai tujuan pindaan-pindaan sedemikian. Peluang juga harus dibuka kepada belia-belia kita yang kini fasih dalam industri teknologi siber dan sebagainya selaras dengan pembangunan sosioekonomi negara kita agar kita sentiasa kekal *competitive* dalam industri kewangan negara.

Saya tertinggal satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua tentang Akta Cukai Pendapatan 1967 ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan. Cukai pendapatan ini bertujuan untuk kepada penderma-penderma yang layak untuk mendapatkan potongan cukai terhadap sumbangan-sumbangan wang tunai kepada mana-mana juga institusi pendidikan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah LHDN. Misalannya, mana-mana juga bantuan ataupun derma yang disalurkan kepada sekolah agama rakyat ataupun sekolah agama pondok ataupun mana-mana juga sekolah tahfiz, adakah jumlah ini juga akan diberikan penolakan?

Seterusnya rang undang-undang ini membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang kita umumkan dalam Belanjawan 2013.

Jadi soalan saya ialah bagaimanakah proses pemantauan oleh kementerian dalam mengenal pasti *syllabus* latihan amali yang disesuaikan bagi memastikan supaya pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan ini dapat dipraktikkan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

12.24 tgh.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peluang untuk menyatakan secara ringkas berkenaan dengan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2012.

Saya faham dan saya yakin bahawa tujuan pindaan ini dibawa adalah untuk memperkemas lagi pentadbiran struktur percukaian negara terutamanya untuk tujuan mempersiapkan negara kita untuk menghadapi cabaran akan datang terutamanya sebagaimana pelan jangka panjang kerajaan untuk menjadikan negara sebagai negara berpendapatan tinggi dan juga transformasi ke arah negara berasaskan negara maju pada tahun 2020.

Namun demikian kita mesti melihat sama ada rancangan itu, sasaran itu dipikul dengan baik ataupun dilaksanakan pentadbirannya secara baik sehingga kini untuk mewajarkan perkara itu dapat dicapai. Saya suka menyatakan bahawa di antara matlamat yang paling utama pindaan-pindaan yang berkaitan dengan cukai pendapatan dan Rang Undang-undang Kewangan adalah untuk melihat cara pentadbiran kita bertambah baik dari tahun ke tahun.

Pada tahun ini kita menyaksikan bahawa kedudukan belanjawan negara kita diurus dengan cara yang sama sebagaimana 15 tahun yang lalu iaitu secara berdefisit dan kita tahu defisit kita pada tahun ini adalah kekal pada taraf ataupun tahap melebihi 4 peratus. Ini adalah memberi gambaran bahawa pentadbiran kerajaan dalam kedudukan yang sangat *struggle* untuk memberi gambaran bahawa mereka mencuba sedaya upaya untuk mengurangkan kadar defisit ini. Kita juga komited untuk melihat isu yang paling mustahak ini di peringkat pentadbiran kewangan negara iaitu melihat bagaimana defisit berjaya disekat, dikekang atau diperbaiki.

Oleh kerana itu, komitmen Pakatan Rakyat adalah untuk melihat sekiranya berlaku perubahan, kita ingin menyekat kadar defisit kita pada kadar yang paling baik untuk menuju kepada kadar seimbang yang pernah kita capai paling terakhirnya pada tahun 1997 yang lalu. Senario ini mungkin boleh berubah dan boleh membawa kepada keadaan yang begitu mudah untuk dilaksanakan sekiranya kita diberi peluang, insya-Allah.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada pasukan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang diketuai oleh Tan Sri Dr. Mohd Shukor bin Hj Mahfar kerana pada tahun ini Lembaga Hasil Dalam Negeri berjaya mengutip dan mengadakan jumlah RM107.8 bilion telah mengambil kira bayaran pulangan ataupun bayaran balik kepada pemegang-pemegang akaun dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri menjadikan antara kutipan tertinggi dalam sejarah. Tahniah kepada mereka.

Walau bagaimanapun, tidak cukup sekadar peranan yang dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri semata-mata. Pihak kerajaan sebagai pemegang amanah untuk menguruskan hasil cukai yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini juga dilihat atau mesti dilihat lebih bertanggungjawab dalam menguruskan polisi serta dasar yang berkaitan dengan pengurusan percukaian negara.

Kita tidak boleh mengetepikan bahawa kita masih lagi terikat dengan kedudukan ataupun pandangan bahawa Malaysia di antara negara yang paling tinggi dilihat berlakunya *illegal illicit outflows* yang masih lagi tidak berjaya kita selesaikan atau kita rumuskan persoalan ini. Di antara kesan lambakan hasil-hasil yang tidak berjaya kita kutip dan kita terjemahkan dalam bentuk cukai melalui negara kita seperti elemen pengaliran wang panas yang tidak berjaya kita manfaatkan juga telah menjadi beban yang besar untuk dibuktikan oleh kerajaan.

Kerajaan juga bertanggungjawab untuk menjelaskan bagaimana boleh berlaku kehilangan hasil yang begitu besar. Bagaimanakah hasil ataupun penemuan yang boleh dibentangkan dalam Dewan ini hasil daripada tertubuhnya pasukan khas yang melibatkan pihak Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Imigresen, Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Peguam Negara. Apakah hasil penemuan tersebut? Apakah langkahnya dan apakah tindakan yang telah diambil sebagai remedi kepada masalah ini?

Saya fikir ini di antara beban bukti yang cukup besar untuk kerajaan bawa dan bentang ke dalam Dewan kerana isu kehilangan hasil telah diiktiraf sendiri oleh kerajaan dan menjadi agenda besar menyebabkan kerajaan terpaksa menubuhkan jawatankuasa dan satu masa dulu dia pernah melibatkan insiden *struggle*, dengan izin, yang menyebabkan kematian anggota-anggota penguat kuasa seperti yang berlaku dalam insiden kematian salah seorang daripada pegawai kastam beberapa tahun dahulu yang sehingga kini masih tinggal dalam bentuk misteri.

■1230

Ini juga di antara perkara yang dilihat berkaitan dengan usaha kerajaan untuk memulihkan isu ataupun menjawab isu kebimbangan seluruh rakyat Malaysia berkenaan dengan kehilangan hasil yang tidak berjaya kita bendung atau kita baiki. Kita juga masih lagi berdepan dengan isu di mana kehilangan hasil ini dikatakan berkaitan dengan aktiviti-aktiviti syarikat-syarikat yang berkepentingan kerajaan.

Salah seorang ahli wakil kerajaan, Ahli Parlimen mewakili Barisan Nasional juga membuat kenyataan secara tegas bahawa beliau juga mengesyaki dan memberi beberapa penerangan yang agak logik bahawa syarikat-syarikat yang berkepentingan kerajaan telah berfungsi sama ada secara terancang atau tidak untuk bersekongkol menjadikan bahawa kehilangan hasil ataupun mengalirnya hasil ke luar negara tanpa dapat dibendung ini berpunca daripada punca GLC atau GLIC.

Ini tidak juga ada satu pembentangan ataupun keterangan yang perlu dibawa sepatutnya di dalam Dewan, mengatakan kerajaan telah mengambil tanggungjawab mengambil langkah yang sewajarnya kerana ini adalah isu negara. Saya fikir sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab sepatutnya isu ini dibentangkan melalui kertas putih di Dewan yang mulia ini mengatakan kerajaan telah mengambil pendirian, sikap serta tindakan dan ini adalah laporan hasil daripada penyiasatan tersebut.

Kalau dulu isu berkenaan kehilangan hasil yang melibatkan BMF yang berlaku di Hong Kong yang juga berkait dengan kes kematian seorang pegawai bank, Allahyarham Abdul Jalil pada ketika itu. Kerajaan juga telah mengambil sikap membentangkan kertas putih, memberitahu apa yang sebenarnya berlaku dan mengemukakan gesaan untuk penyiasatan secara terbuka walaupun mengambil masa beberapa dekad sehingga sekarang dan kos penyiasatannya sudah tentu berlipat ganda melebihi daripada jumlah hasil pertama yang hilang.

Ini telah menjadi satu penanda aras. Sepatutnya apabila satu dasar ataupun satu kedudukan yang agak rumit untuk kita rungaikan, kerajaan perlu tampil mengambil tanggungjawab pikul beban ini untuk mengemukakan penerangan. Kenapa perkara ini berlaku, bagaimana strategi untuk mengatasinya? Sudah tentu kerajaan adalah badan atau institusi yang diberi tanggungjawab oleh rakyat untuk mencari kebenaran itu. Bukan untuk memutar belit, mencuba sedaya upaya untuk menutup dan akhirnya terus hilang.

Saya tahu dan saya ingat. Saya rasa semua orang ingat bahawa bekas pemimpin-pemimpin negara juga mengambil kesempatan atas kealpaan rakyat Malaysia. Selalu dikatakan bahawa orang ataupun rakyat Malaysia, penduduk Malaysia ini sebahagian besarnya mudah lupa. Jadi atas dasar mudah lupa ini maka pendekatan diambil, *approach* diambil untuk tujuan melengah-lengahkan sehingga lupa terus.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Pohon penjelasan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya meminta penjelasan Indera Mahkota kerana Indera Mahkota agak pakar dalam bidang cukai dan ahli yang mempunyai tauliah dalam bidang percukaian ini. Apa yang disebut oleh Indera Mahkota ialah kebimbangan daripada pihak rakyat Malaysia terutama kehilangan banyak sumber pendapatan negara yang sepatutnya boleh dikutip melalui sistem percukaian yang efisien.

Ini termasuklah sistem percukaian kepada syarikat-syarikat GLC, Kerajaan Persekutuan yang saya rasa kadang-kadang pulangan daripada syarikat-syarikat GLC ini tidak memadai ataupun mungkin ada unsur-unsur yang tidak kena dalam pengurusan percukaian daripada pihak GLC tersebut supaya pulangan itu lebih maksimum kepada pihak kerajaan.

Akan tetapi yang ingin saya bangkitkan ialah berkaitan cadangan dan pandangan Indera Mahkota tentang satu pembentangan kertas putih kepada Parlimen Malaysia sekiranya berlaku penyelewengan, sama ada dalam GLC ataupun dana-dana yang dikeluarkan oleh kerajaan. Saya ingin merujuk kepada pandangan daripada Dewan Undangan Negeri Selangor ketika bertubi-tubi oleh pembangkang dalam Kerajaan Negeri Selangor supaya membentangkan kertas putih berkaitan dengan isu Talam. Itu satu isu yang kecil di peringkat Kerajaan Negeri Selangor tetapi pinjaman kepada NFC sebanyak RM250 juta berlaku penyelewengan dan sebagainya tetapi tidak dibentangkan pun kertas putih macam mana untuk hendak kutip balik atau isu ini berlaku?

Jadi saya minta penjelasan Indera Mahkota tentang kehilangan wang yang sepatutnya dibentangkan kertas putih kepada Parlimen, apa pandangan Indera Mahkota? Mohon penjelasan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Kuala Kedah. Kertas putih ini patutnya bawa kebaikan pada orang yang membentangkan kerana ia menggambarkan ketelusan. Sebab itu mana-mana kerajaan, baik negeri atau Kerajaan Pusat atau kerajaan sesuatu negara takut pada pembentangan kertas putih ini. Maksudnya mereka ini tidak *transparent* atau mereka ada sesuatu yang berhajat untuk disembunyikan. Sepatutnya maksud kertas putih, *white paper presentation*, dengan izin adalah bermaksud orang yang membentangkan itu mempunyai hajat ataupun niat murni untuk membentangkan segera apa penemuan atau apa yang berlaku untuk tujuan merungkai atau menyelesaikan masalah. Bukan untuk menutup masalah.

Sebab itu saya katakan kerajaan sekarang, kerajaan hari ini punya kedudukan yang baik atau peluang yang baik sekiranya kerajaan kemukakan Kertas Putih berkenaan dengan kehilangan hasil negara yang menjadi kebimbangan semua peringkat. Saya rasa ini ada kebaikan. Dia boleh bawa kebaikan kepada pemerintah sekarang tetapi malangnya nampak gaya macam belum bersedia ataupun mungkin takut untuk berbuat demikian kerana barangkali ialah mungkin ada sesuatu yang tidak mampu untuk didedahkan ataupun dilihat atau ia sudah tentu satu perkara untuk disembunyikan sekiranya mampu.

Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak katakan bahawa pihak pengutipan cukai, pihak berkuasa yang bertanggungjawab menjalankan undang-undang cukai telah mencuba sedaya upaya dan sehabis mungkin, sehabis daya. Mereka tidak boleh bekerja ataupun berbuat di luar bidang kuasa yang telah diikat ataupun diberikan kepada mereka. Saya yakin setakat ini mereka telah memainkan peranan tetapi kerajaan yang mentadbir, yang mencadangkan undang-undang, yang meluluskan undang-undang patut melihat perkara ini melebihi daripada paras yang sedia ada.

Tanpa kita dalam Dewan ini merumuskan undang-undang, tidak mungkin pegawai di Lembaga Hasil Dalam Negeri boleh melaksanakan peraturan itu. Sebab itu saya kata kenapa kerajaan ataupun kerajaan semasa masih lagi tidak mahu melihat isu ini yang perlu disegerakan, dilaksanakan segera, cara menutupnya, menyelesaikan dan mencadangkan beberapa peraturan untuk menyelesaikan masalah ini.

Sebagai contoh, kita masih lagi menumpukan kepada aspek percukaian yang melihat rakyat Malaysia ini secara termainya untuk kita jadikan sebagai pembayar cukai utama. Tidak kira bangsa, tidak kira agama, tidak kira kedudukan sosial. Walaupun banyak negara di dunia ini telah pun mengasingkan kluster itu dari sudut kategori sosial.

Sebagai contoh kepada golongan yang mempunyai pendapatan melebihi satu tangga pendapatan. Sebagai contoh kepada golongan yang paling kaya dalam sesuatu negara, banyak negara dunia ini telah mencadangkan undang-undang untuk meletakkan paras lantai. Golongan ini tidak lagi boleh membayar cukai bawah daripada kedudukan yang terendah, menjadikan undang-undangnya orang yang paling kaya dalam negara itu tidak mungkin untuk terlepas daripada tidak membayar cukai langsung.

Ini undang-undang yang dilihat mengutamakan aspek kehilangan hasil. Mana mungkin satu negara itu melihat orang yang kaya, golongan yang terkaya dalam negara itu boleh menggunakan undang-undang cukai untuk keluar sebagai orang yang tidak perlu membayar cukai. Maksudnya dengan banyak pengecualian, dengan cara kaedah melihat insentif dan sebagainya diolah sebegitu rupa sehingga mereka ini tidak perlu membayar cukai. Ini sekali lagi melihat sistem itu telah mengikat kuasa yang perlu dimainkan oleh rakan-rakan kita dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mereka tidak boleh bertindak melangkaui kuasa ini.

■1240

Saya boleh namakan banyak tokoh yang berada dalam negara Malaysia yang terkeluar sebagai individu yang tidak lagi perlu membayar cukai kerana banyak insentif yang digalakkan, diwujudkan, dicadang dan dipinda dalam Dewan Parlimen kita yang mulia ini beberapa tahun yang lalu ataupun mungkin berbelas tahun yang lalu untuk tujuan memberi mereka satu kemudahan sehingga mereka ini tidak terbebani oleh aspek cukai. Baik dari segi syarikatnya, konglomeratnya, perniagaannya dan sebagainya, mereka akhirnya dilihat sebagai golongan yang ditumpukan, sebagai golongan yang dianak-emaskan oleh kerajaan. Syarikat-syarikat besar mereka keluar sebagai syarikat yang sebagai hidup dalam syurga *tax*, istilahnya dikata *tax heaven*, dengan izin. Memang benar. Walaupun ada beratus juta *tax* yang perlu dibayar tetapi akhirnya mereka berjaya menggunakan kaedah pengecualian, insentif dan sebagainya yang kita juga luluskan dalam Dewan ini untuk menjadikan mereka ini paling minimum atau mungkin tidak perlu langsung membayar cukai.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, golongan pertengahan dan golongan bawahan yang teramai dalam negara kita telah dijadikan golongan yang ditumpu untuk kita raih cukai dan peras mereka. Saya tidak suka menggunakan perkataan peras tetapi undang-undang telah menjadikan mereka ini adalah *cluster* kelompok yang terpaksa diikat dengan perundangan cukai. Untuk mereka, diberi faedah pengecualian yang sedikit pun memerlukan satu proses yang lama dan rumit serta panjang.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah maksud Yang Berhormat Indera Mahkota tadi mereka-mereka yang langsung tidak boleh terlepas daripada mata dan juga kuku cengkaman pengutip-pengutip cukai termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang langsung tidak boleh lari langsung kerana segala pendapatan mereka didokumenkan sedemikian rupa berbanding dengan orang-orang yang berada dalam *tax heaven* tadi yang mempunyai ruang yang cukup banyak untuk melepaskan diri? Maknanya pegawai-pegawai kerajaan ini teraniayalah. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul, sebab itu saya kata pengalaman saya mengatakan dedikasi petugas-petugas atau pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat terutamanya dalam sektor percukaian ini memang teruk. Betul, saya mengakui mereka menjalankan tugas dengan baik dan mereka tidak mempunyai ruang, betul, tidak mempunyai ruang untuk bertindak atas kedudukan mereka sendiri dan budi bicara mereka, tidak. Mereka terikat kepada undang-undang. Undang-undang ini dibuat oleh kerajaan. Kerajaan paksa mereka untuk melaksanakan undang-undang ini. Penumpuan yang kita beri sekarang ini nampak gaya seolah-olah macam kita menganak emaskan golongan yang kaya dalam negara kita dan kita memangsakan golongan yang terkebawah atau golongan pertengahan dalam negara kita.

Sebagai contoh yang jelas dekat sini, tadi Yang Berhormat Jasin menyebut tentang seksyen 44(6) iaitu pengecualian cukai terhadap jumlah kewangan yang disumbangkan pada institusi yang diluluskan di bawah seksyen 44(6) tadi. Memang betul itu adalah tujuan untuk membina tempat-tempat awam dan sebagainya untuk bidang pendidikan dan sebagainya kepada institusi-institusi tersebut.

Memang ini satu kebaikan tetapi seksyen ini telah dimanipulasikan oleh institusi besar, dan kita mencadangkan banyak peruntukan dalam tahun ini sahaja untuk diguna pakai oleh institusi besar, konglomerat dan juga GLC ataupun mungkin syarikat-syarikat yang berkepentingan, sama ada awam ataupun berkepentingan swasta yang punya asas keuntungan daripada pihak asing juga yang mempunyai ekuiti dalam syarikat tersebut mengguna pakai subseksyen ini yang diperuntukkan ini untuk tujuan sekali gus menunjukkan nama baik mereka dan mendapat pengecualian cukai.

Tumpuan kita sekarang ini mewujudkan seksyen tersebut adalah untuk membantu masyarakat terbawah dalam negara kita untuk tujuan mendapat kemudahan tetapi dimanipulasikan. Apakah seriusnya kita kalau kita ambil kira kerajaan menumpukan kepada memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat besar selama 10 tahun, 12 tahun dengan *pioneer status* lima tahun, tidak cukup, mempercepatkan elaun pelaburan modal, tuntutan elaun, semuanya untuk melayan syarikat-syarikat besar dan kebanyakan syarikat besar ini sebenarnya berkepentingan asing, bukan kepentingan tempatan pun.

Adakah syarikat besar ini memikirkan bahawa satu kelompok masyarakat di sebuah tempat itu kerjanya menghirup udara yang kotor, yang boleh mendatangkan masalah kesihatan kepada mereka? Dia tidak fikir perkara itu. Apa yang dia fikir ialah dia mahu beroperasi segera kerana kerajaan beri layanan cukai yang baik, pengecualian cukai yang baik, duti pengecualian yang baik dan mereka hendak menjalankan operasi segera kerana menjalankan operasi segera untuk mendapat untung, untung yang dikecualikan cukai. Rakyat biasa yang di bawah ini yang duduk di kawasan itu hirup udara tidak baiklah, kesan kesihatan tidak baiklah, mampus pi lah. Maksudnya seolah-olah begitu dan kerajaan kita, kepimpinan kita sekarang nampaknya menumpukan kepada aspek melayan syarikat ini sedangkan cukai pun tidak dapat diraih, kita beri 10 tahun pengecualian.

Jadi atas perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Kewangan itu merujuk kepada cukai, saya dengan keras mengatakan ini adalah keputusan percukaian yang silap, yang kita bagi. Rakyat diberi habuk dan diberi masalah kesihatan, syarikat itu diberi layanan yang baik dan keuntungannya dikecualikan cukai. Jadi kita dapat apa? Rakyat dapat habuk, kerajaan tidak dapat apa-apa. Selama 10 tahun dan dilanjutkan lagi dua tahun, dipanggil elaun insentif pelaburan yang dilanjutkan dua tahun lagi. Jadi macam mana kita duduk dalam Dewan ini boleh hendak duduk diam sahaja? Saya tidak boleh setakat duduk di kerusi tanpa hendak bercakap apa-apa. Saya tidak sanggup, saya tidak sanggup untuk setakat duduk dan tidak berkata apa-apa atas premis ini, saya tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan bawakan beberapa cadangan mewujudkan Malaysia sebagai hab sektor pelaburan subsektor halal perbankan, kita buat Malaysia sebagai hab industri permotoran, banyak pengumuman hab industri berasaskan petroleum dan gas. Semuanya bersekali dengan penawaran insentif-insentif. Kalau kerajaan boleh umumkan Kuala Lumpur sebagai hab hiburan malam yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan, sudah tentu ada insentif yang diberi di sebalik perisytiharan hab tersebut.

Ingat tidak kita dua tahun lepas Perdana Menteri mengumumkan Kuala Lumpur hendak dijadikan sebagai hab hiburan malam yang terutama. Mesti ada insentif yang hendak diberi. Siapa yang pergi dekat hab hiburan-hiburan malam ini, siapa hendak pergi? Takkan orang kampung? Takkan rakyat miskin? Takkan pegawai-pegawai kerajaan yang setakat gaji RM5,000 ke bawah hendak pergi berhibur di Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur dijadikan hab hiburan malam. Tentu ada insentif yang diberi kepada penawaran-penawaran atau pengisytiharan hab ini.

Kerajaan mengumumkan Tuan Yang di-Pertua- tengah main golf, terfikir fasal golf, okey, umumkan pengecualian penuh kepada cukai eksais kereta *buggy*. Macam mana? Macam mana kita boleh berdiam diri? Datang umum macam itu. Siapa yang hendak beli kereta *buggy* ini? Adakah orang kampung hendak beli kereta *buggy* hendak menyeberang sungai pergi hantar anak sekolah? Tidak logik. Kereta *buggy*, kereta *buggy* ini apa? Kereta katakkan? Kereta golf.

Jadi perkara-perkara ini saya ambil kesempatan untuk bangkitkan supaya kalau benarlah kita ada ruang untuk membuat pindaan, biarlah pindaan ini menjurus kepada membaiki keadaan. Defisit 15 tahun defisitnya, kehilangan hasil tidak dibaiki. Insentif-insentif untuk perumahan rakyat masih lagi kabur. Minggu lepas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengumumkan dalam Dewan ini yang kerajaan sebenarnya tidak boleh melaksanakan insentif sebagaimana diumumkan, tidak ada. Insentif apa? Dikata pengecualian kepada kos faedah yang dibayar oleh pembeli-pembeli rumah yang terbengkalai kerajaan tidak boleh hendak hapuskan benda ini, tidak boleh. Sedangkan pengumuman diberi seolah-olah macam rakyat mendapat manfaat,

Kita umumkan pengecualian kos faedah, pengecualian pendapatan faedah kepada syarikat-syarikat yang menjalankan kerja untuk menyiapkan rumah terbengkalai. Kita bagi insentif pada siapa?

■1250

Pemaju, kontraktor, pihak perbankan. Rakyat yang beli rumah macam mana? Tak ada pengecualian. Menteri telah mengumumkan kerajaan tidak berupaya untuk menghapuskan, memberi pengecualian kepada kos faedah pinjaman perumahan walaupun rumah itu tak wujud. Terbengkalai. Rakyat kena bayar. Insentif pengecualian diberi kepada syarikat, pemaju perumahan, pihak perbankan.

Ini saya kata polisi yang melayan golongan kaya dalam negara kita tetapi memangsakan rakyat Malaysia. Sekarang kerajaan tidak berani mengumumkan betul atau tidak GST tidak akan dilaksanakan. Masih lagi main wayang kulit. Sembunyi belakang, seolah-olah macam tak nak buat tetapi sebenarnya nak buat. Perdana Menteri, orang tanya kata nak buat tetapi selepas pilihan raya. Selepas pilihan raya! Bila kita tanya kenapa nak buat GST. Sistem GST ini percukaian paling baik sekali. Yang Berhormat Pasir Salak pun tak setuju GST. Dia cakap masa ceramah dia di luar, dia kata tak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, saya nak habiskan tetapi Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk] Setuju! Jadi tolonglah. Saya rasa kalau kerajaan tak mahu buat pun gesaan dan banyak negara telah mulakan mengambil kira keadaan semasa, kita mungkin akan berhadapan dengan masalah gelombang kedua krisis ekonomi dunia. Barangkali ada nampak tanda-tandanya. Banyak negara telah mengambil sikap membuat persediaan untuk membuat persediaan awal. Antara persediaannya merumuskan balik, menstrukturkan semula undang-undang percukaian negara buat sementara.

Kalau ekonomi kita baik, kita pulihkan balik dan datanglah semula undang-undang lama atau undang-undang yang melihat perlu diperketatkan atau diperkemas undang-undang kutipan hasil itu tetapi buat sementara ini banyak negara telah merumuskan. Sebagai contoh mereka mencadangkan alternatif *minimum tax*. Maksudnya minimum tadi, yang kaya tak boleh bayar rendah daripada itu supaya hasil negara kita kekal pada satu paras. Tak boleh menjunam jatuh.

Rakyat yang miskin sudah tentu tidak boleh menyumbang kepada cukai kerana pendapatan tidak bertambah maka kita tak boleh juga melihat golongan yang kaya ini terlepas begitu sahaja. Dari mana sumber pendapatan negara kita nak kutip nanti? Jadi, segera kita umumkan undang-undang atau peraturan yang baru seberapa segera yang boleh. Malangnya tahun ini tak ada nampak gayanya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh nak penjelasan?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekejap-sekejap bolehlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekejap.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekejap sahaja. Sedikit-sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebut tadi pasal kedudukan ekonomi. Ya lah, ada berkait dengan ekonomilah dan sebagainya supaya *tax regime* itu sesuai dengan keadaan ekonomi bukan? Itu maksudnya kan? Jadi, saya nak tumpang tanya. Apa perbezaannya keadaan ekonomi Malaysia dengan keadaan ekonomi di Eropah dan juga di Amerika? Berapa pertumbuhan ekonomi Malaysia dan berapa di sana? Boleh tolong bagi angka-angkanya?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey. Saya katakan tadi angka itu kalau nak tepat, duduk berhampiran Menteri itu. Selang dua sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Indera Mahkota jadi Menteri pula.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya pun fikir begini. Menteri ada, biar Menteri yang jawab. Kalau saya jawab nanti, Menteri kecil hati pula. Saya cuma nak katakan begini. Persiapan itu perlu dibuat kerana Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan sudah banyak kali sebut. Menteri Kewangan II pun sebut. Timbalan Menteri Kewangan dua orang, dua-dua sebut kata kita harus membuat persiapan menghadapi kemungkinan krisis kewangan yang bakal melanda negara kita. Ini disebut berkali-kali. Yang Berhormat Pasir Salak patut dengar itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, saya nak tanya Yang Berhormat sedar tak bahawa keadaan ekonomi kita pertumbuhannya lebih baik daripada negara-negara lain di Barat? Kita 5 peratus. Di Barat baru 1 peratus, minus pun ada. Itulah kehebatannya. Yang Berhormat Indera Mahkota tak berani nak sebut ini... *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau tahu, sudah tak payah nak tanya lagi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak tengok berani kah tidak?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebenarnya di Pasir Salak sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada beranikah tak berani?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak! Sebenarnya begini. Kerajaan sedang rasa takut sekarang. Sebab apa? Janji kerajaan. Pengumuman rakyat negara berpendapatan tinggi yang perlu kita laksanakan segera dalam masa tiga tahun dari sekarang tetapi ada syarat. Pertumbuhan negara mesti dicapai 6 peratus setiap tahun tanpa gagal, tiga tahun berturut-turut. Setakat ini satu tahun pun tak pernah sampai 6 peratus sekarang. Apa yang ada 4.3 peratus...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Satu masa 8 peratus lebih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Pindaan, pindaan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada 8 peratus lebih. Ada satu masa.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Satu masa itu bila?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahun 80-an.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tahun berapa? 90-an? Semasa Yang Berhormat Permatang Pauh jadi Menteri Kewangan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahun 2000, ada tengok tak...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Permatang Pauh jadi Menteri Kewangan, bolehlah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, selepas 1987. Lepas 1998.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Masa itu Yang Berhormat Pasir Salak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dia tak ada sini. Kalau ada saya nak tanya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ah! Tak apa. Nanti dia ada kita tanyalah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya malas nak cakap banyak-banyak masalah masa dia jadi Menteri Kewangan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey, okey. Yang Berhormat Pasir Salak pun pakar ekonomi tetapi sayang tak boleh jadi Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nanti kalau saya cerita. Kita nak jaga air muka kan?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau nak cerita banyak itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tak apa nanti...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masalah ekonomi waktu itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Nanti masa Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Salak cerita.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi tender terbuka. Langsung bagi Syarikat Wibawa apa semua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa bila? Saya tak mahu cerita benda ini. Benda lepas sudah. Apa yang lepas, lepas. Kita melihat ke hadapan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Nanti ceritalah. Nanti cerita. Okey, okey. Terima kasih, terima kasih banyak Yang Berhormat Pasir Salak.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jangan diungkit, terburai semua nanti.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Okey, satu perkara terakhir yang mustahak selain daripada GST tadi, saya kata kita masih lagi tidak jelas siapa yang akan melaksanakan. Saya dengar kawan-kawan di Lembaga Hasil Dalam Negeri pun merungut. Kerajaan belum buat keputusan sama ada pihak Kastam Diraja Malaysia atau Lembaga Hasil Dalam Negeri nak buat, belum lagi membuat keputusan sedangkan kita sudah laburkan beratus juta ringgit persiapan untuk *infrastructure system* melaksanakan GST tetapi kita masih belum buat keputusan. Kementerian mana yang akan melaksanakan perkara ini untuk tujuan penyelarasan?

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kebetulan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada dalam Dewan. Saya rasa lebih baik saya cakap masa beliau ada. Saya minta dan saya kemukakan rayuan yang datangnya daripada rakyat yang berpendapatan sederhana telah pun menandatangani membeli rumah tetapi terbengkalai. Mereka tak mahulah berarak datang ke Dewan Parlimen. Tak mahu. Mereka ini orang yang ada maruah juga tetapi mereka rasa teraniaya kerana mereka telah membeli rumah tetapi rumah tak wujud, yang ada semak sahaja dan mereka terpaksa juga membayar *installment* berserta dengan kadar faedah.

Jadi mereka mengemukakan rayuan. Saya panjangkan rayuan ini kerana ini saya rasa paling asas untuk dikemukakan dalam Dewan. Kalau Menteri sudah kata tak boleh buat apa-apa, saya kemukakan lagi sekali permohonan mewakili mereka yang mereka perlu dikecualikan kos faedah kerana rumah terbengkalai dan tak wujud. Sekiranya kalau kerajaan memberi dua kali jawapan tidak mampu nak buat, saya berpendapat kerajaan Pakatan Rakyat bersedia untuk menghapuskan kadar faedah... [*Tepuk*] Perkara itu senang untuk dibuat, kos faedah atas rumah terbengkalai itu. Patut sokonglah. Yang Berhormat Pasir Salak patut sokong.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pulau Pinang itu, semua Melayu sudah keluar daripada Pulau Pinang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini rumah perumahan rakyat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak ada rumah yang mereka mampu beli. Semua sudah keluar.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kos...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Semua ini, Pulau Pinang nak jadi *Singapore* nombor dua, tahu tak?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kos yang kena bayar

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inilah kejayaan Pakatan Rakyat, Keadilan, PAS apa semua, sokong DAP jadikan Pulau Pinang itu *Singapore* nombor dua.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tengok marah. Tengok! Saya bercakap benda yang baik, marah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Orang Melayu keluar masa zaman UMNO, BN lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Indera Mahkota habiskan Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, saya nak habiskan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bab politik tak payah masuk.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul, betul. Saya rasa tak perlulah marah. Saya rasa perlu sokong kerana menyokong untuk memberi kebaikan kepada orang atau rakyat Malaysia yang teraniaya. Pasir Salak pun banyak, yang beli rumah terbengkalai. Lepas itu kena bayar kos faedah...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rumah mana di Pasir Salak ini?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Rumah di mana?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Takkanlah orang Pasir Salak duduk di pokok. Dia duduk atas rumah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, tak. Projek mana?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mestilah ada perumahan. Takkan tak ada di Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha! Tak ada, main sebut sahaja. Projek mana?... *[Disampuk]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Indera Mahkota itu, banyak lagi pengundi-pengundi yang bising.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Takkanlah tak ada pembangunan di Pasir Salak? Tak logik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka kata kenapa Yang Berhormat Indera Mahkota ini tak ada buat apa untuk rakyat di sana? Mereka nak tukar sudah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Rumah itu banyak di sana. Rumah banyak. Oleh sebab itu saya kata patutnya kita sokong. Sokong untuk gesaan supaya kerajaan kecualikan kos faedah ini. Betul-betul ini memang orang kata terang dan jelaslah. Tak ada satu lagi *argument* untuk mengatakan tak perlu untuk kita kecualikan kedudukan. Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan adalah agak mustahak juga untuk kita katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Habiskan, sudah jam 1.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Oh! Jam 1. Ya, untuk kita kata bahawa kerajaan mestilah berikrar untuk memperbaiki sistem pengurusan kewangan dan pengutipan cukai dalam negara kita. Saya berharap dalam ruangan Jawatankuasa tadi kita boleh berbincang secara *detail*. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Booking* dulu Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Kuala Selangor.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Ya,
silakan Yang Berhormat Tangga Batu.

2.33 ptg.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk terlibat sama dalam Rang Undang-undang Kewangan yang secara spesifik kalau boleh, kita bawa kepada penambahbaikan di dalam sistem penyampaian perkhidmatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Rata-rata kita mengetahui bahawa salah satu daripada punca hasil negara yang dianggap sebagai pendapatan secara sistematik yang boleh kita gunakan sebagai pengurusan dan pentadbiran dalam konteks pembangunan ekonomi, sosial dan juga keseluruhan spektrum di negara ini, yang telah meletakkan punca kepada penjana gerak kerja dan aktiviti sama ada di peringkat hulu atau hiliran secara langsung ataupun terbitan, berpunca daripada kecekapan dan keberkesanan pentadbiran serta pengurusan bahagian hasil dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa satu senario di negara luar, negara Amerika umpamanya. Antara yang paling digeruni oleh rakyat di Amerika adalah apabila mereka mendengar tentang IRB ini. Rakyat Amerika tidak hairan mendengar FBIkah, CIAkah tetapi apabila dia mendengar *Inland Revenue Board* ataupun *department* untuk datang menyergah mereka, untuk menyerbu rumah mereka, kediaman mereka, mereka akan menjadi cukup kelam-kabut.

Akan tetapi sebaliknya di negara kita ini, taraf sedemikian masih lagi belum dapat dilabelkan ataupun imej itu masih lagi belum diposisikan di dalam minda rakyat bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri ini mempunyai satu tugas yang cukup besar, peranan yang cukup berat di dalam memastikan kesinambungan, kelicinan pentadbiran dan pengurusan ekonomi dan kewangan negara. Mungkin kita ada, untuk SPRM mungkin ada sedikit-sedikitlah. Apabila kita mendengar nama SPRM, kita gerun dan sebagainya, setakat ini. Akan tetapi untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri, belum lagi dapat dirasai secara *intangible* Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengharapkan ada satu *establishment* ataupun gagasan untuk membina satu sistem yang cekap dan berkesan yang boleh menjamin standard piawaian kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh LHDN ini. Antaranya Tuan Yang di-Pertua ialah rata-rata kalau kita menyemak di peringkat pelanggan-pelanggan yang menerima perkhidmatan daripada agensi ini, rata-rata secara persepsi mereka akan mengatakan, "*Siapa yang pandai auta, boleh lepas daripada sistem dan juga penguatkuasaan yang ada*". Siapa yang pandai putar-belit akaun, menyembunyikan keuntungan sebagai perbelanjaan kepada syarikat, mereka akan boleh lepas daripada pelbagai beban membayar cukai dan sebagainya.

Jadi di sana sebenarnya, saya ingin membuka perkara ini kepada pihak lembaga supaya melihat secara rapat sebenarnya siapa yang tidak pandai mengurus dan mentadbir kewangan ini secara kreatif, menjadi sasaran kepada pihak lembaga untuk mendapat mengutip hasil negara dan sebagainya. Bukannya saya mencadangkan supaya mencari ruang bagaimana untuk kita memberikan satu tanggapan bahawa orang yang pandai, cekap menguruskan kewangan secara kreatif boleh lepas daripada membayar cukai dan sebagainya.

Saya cuma mencadangkan supaya dibina suatu sistem yang cekap oleh lembaga ini supaya apabila sampai ke peringkat penyediaan perkhidmatan kepada pengguna, pelanggan dan juga kumpulan sasaran, tidak kira sama ada mereka orang kaya, sama ada mereka orang sederhana, orang besar ataupun orang kecil, mereka akan diaplikasikan peraturan dan sistem yang sama. Semua pihak tidak akan terlepas.

Prinsip pengukuran lembaga, pegawai-pegawainya, ejen-ejennya di bawah sana tidak mengenal siapakah konsultan ataupun jururunding-jururunding yang mengira keuntungan ataupun kerugian bagi sebuah syarikat perniagaan itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya supaya sistem itu dibina berpandukan kepada sistem-sistem antarabangsa.

Seterusnya, saya ingin mencadangkan juga kepada pihak Kementerian Kewangan supaya melihat bagaimanakah satu proses yang standard boleh diadakan untuk sistem pembayaran zakat, supaya dapat diselaraskan dengan membina mekanisme di peringkat kebangsaan.

■1440

Pada ketika ini kita mendapati pembayaran zakat dikontrol, dikawal, dipantau secara dekat oleh agensi-agensi di bawah kerajaan negeri. So bagaimana kalau sistem pembayaran zakat ini, proses pembayaran zakat di peringkat kerajaan negeri ini boleh diselaraskan di peringkat kebangsaan? Silakan Yang Berhormat Baling.

Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan zakat, apakah Yang Berhormat boleh bersetuju kita mengubah? Secara bentuk perkiraan, walaupun zakat itu 2.5 persen, itu dasarnya tetapi boleh tidak kita mencari suatu pengurusan pentadbiran zakat ini sendiri dari segi perkiraan, supaya perkiraan zakat itu diformkan sebagai perkiraan *income tax*.

Sebab masalahnya sekarang ialah apabila seseorang membayar zakat tidak disamakan dengan perkiraan *income tax*, jadi dia sudah membayar zakat tetapi *income tax* yang selebihnya lagi kena bayar. Jadi bagi kita orang Islam ini seolah-olah membebankan, jadi dua kali bayaran.

Sebagaimana yang saya difahamkan, formula telah pun dilakukan oleh Majlis ataupun Jabatan Agama Islam Perlis dan juga Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan. Dua buah negeri ini daripada seluruh negara telah membuat perkiraan sedemikian. Oleh itu, orang yang membayar zakat di Perlis, orang yang membayar zakat di Kelantan, saya difahamkan selepas dia membayar zakat, dia sudah mencuci tangan, tidak sibuk lagi dengan persoalan-persoalan *income tax*. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Itu sebab saya membawa tajuk ini supaya rang undang-undang ini boleh mengambil kira sekali bagaimana kecukupan perkhidmatan dan pengurusan zakat ini diselaraskan dengan cukai pendapatan dan perlu ada satu mekanisme pengawalan secara langsung di peringkat pusat, supaya tidak wujud perbezaan kualiti perkhidmatan di antara negeri-negeri.

Umpamanya di negeri Melaka, pengalaman saya membayar zakat kepada Pusat Zakat Melaka, mereka hanya menggunakan *stand alone, computer system* yang tersendiri, yang hanya dapat disambungkan secara rangkaian dengan pihak *income tax* melalui *hard copy*. Mereka tidak ada satu sistem integrasi ataupun sistem yang bersepadu di antara pihak Jabatan Zakat Negeri Melaka dengan pihak cawangan *income tax* sama ada di peringkat negeri ataupun peringkat kebangsaan.

Antara hasrat saya adalah dalam kaedah kita untuk menyelaraskan kesemua perkhidmatan kewangan ini, sama ada ia berbentuk pembayaran cukai ataupun pembayaran zakat, ia perlulah memerhatikan dalam sudut yang sama, apakah hasil, apakah produk ataupun perkhidmatan yang diperlukan. Jadi seperti sekarang, kerajaan persekutuan, pesara-pesara ataupun pekerja-pekerja kerajaan, perkhidmatan awam ditawarkan pemotongan cukai secara berkala. Pada masa yang sama, kalau boleh kita juga memerlukan satu lagi kaedah iaitu potongan zakat berkala itu diintegrasikan dengan potongan cukai berkala dan kepada orang yang statusnya beragama Islam, mereka sekali gus tidak akan dikira ataupun tidak akan diarahkan untuk melakukan pengisian borang-borang cukai pada setiap penghujung tahun.

Jadi, itulah sebabnya apabila kita bercakap tentang konsistensi, ia tidak perlu membeza-bezakan. Apa yang penting dalam kaedah yang sama seorang rakyat yang layak membayar cukai ataupun membayar zakat itu merasakan mereka membayar, mengorbankan sebahagian daripada pendapatan mereka mengikut syariat dan pada masa yang sama mematuhi undang-undang kerajaan dalam kaedah menyediakan perkhidmatan kewangan yang berkesan. Sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan potongan berjadual itu, sama ada potongan berjadual cukai pendapatan ataupun zakat. Pertamanya dari segi potongan berjadual cukai, saya rasa tidak ada masalah. Boleh katakan sangat cekap. Bagi potongan zakat pendapatan, kalau di Johor, saya hendak merujuk di Johor, selama ini Jabatan Agama, Bahagian Zakat di Johor telah pun memperkenalkan potongan zakat berjadual lebih daripada lima tahun yang lalu. Ini kerana ia melibatkan keluarga kita dan sebagainya.

Pengalaman di Johor berjalan lancar dan *Alhamdulillah* Yang Berhormat Tangga Batu, setakat ini – pertamanya, saya hendak sebut potongan berjadual tidak ada masalah, sistemnya cekap dan selama ini apabila penyata itu dimasukkan dalam penyata zakat tadi, penyata potongan berjadual dimasukkan dalam penyata pendapatan yang kemudian dimasukkan dalam penyata atau borang cukai pendapatan, nampaknya sekian lama tidak ada masalah dan pihak jabatan yang berkaitan dengan cukai pendapatan tidak pernah cerewet malah mereka sangat efisien, mereka memberikan kerjasama sepenuhnya, tidak mempersoalkan sama ada zakat ini lebih atau kurang, ia tidak pernah mempersoalkannya, tidak ada masalah.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tangga Batu, adakah perkara ini berlaku di negeri-negeri lain? Kalau di Johor tidak ada masalah, adakah di negeri lain ada masalah? Jadi kalau katakan ada masalah, boleh merujuk di Johorlah. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya kira isu yang sama, memerlukan satu penyelesaian yang konsisten bagi semua negeri bagi tujuan penyelarasan. Satu lagi Yang Berhormat Menteri, kalau perasan zakat ini adalah cara paling mudah untuk kita mengenal pasti tahap kekayaan seseorang itu dengan kaedah 1/40 ataupun 2.5 peratus. Kalau kita mendapati seseorang itu membayar zakat RM25,000 setahun maknanya kita sudah tahu dia adalah seorang jutawan, seorang yang mempunyai wang ataupun simpanan pada nisab dan haulnya, RM1,000,000. Jadi sekali gus kita telah mengetahui berapa ramai kah orang kaya dalam satu wilayah itu, sama ada di peringkat negeri atau di peringkat daerah.

Contohnya kalau di Melaka, disemak daftar zakat tahun 2011 umpamanya, didapati lebih daripada 100 orang yang membayar zakat pendapatan sebanyak RM25,000. Maka sudah pasti negeri Melaka mempunyai 100 orang jutawan atau lebih. Jadi ini kaedah yang paling mudah untuk kita mengenal pasti kekayaan di sesebuah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira cukup untuk saya bercakap tentang zakat jika digabungkan dengan cukai pendapatan bagi menambah kecekapan dan keberkesanan dan pengurusan kewangan negara.

Perkara seterusnya yang saya bawa ialah baru-baru ini kita telah mendengar satu berita yang cukup heboh diperkatakan iaitu bagaimana sebuah organisasi yang pada sekumpulan masyarakat telah melakukan perniagaan secara sah dengan pendaftaran syarikat, kebenaran izin untuk melaksanakan aktiviti perniagaan mereka Yang Berhormat Pokok Sena. Akan tetapi tiba-tiba telah diberkas oleh agensi Bank Negara dan mendapati sebahagian besar daripada kumpulan rakyat yang terlibat telah melaburkan jutaan malah ratusan jutaan ringgit. Ini sama seperti kes Pak Man Telo suatu ketika dahulu.

Baru-baru ini kita dapat mendengar di dada-dada akhbar, media cetak dan elektronik serta media baru tentang bagaimana taksubnya sekumpulan pelabur-pelabur yang telah melabur di dalam dagangan emas secara fizikal membeli emas itu ataupun secara pembelian saham. Lebih daripada 120,000 orang telah terjebak di dalam perniagaan ini.

■1450

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh manakah mekanisme yang ada di kementerian pada kerajaan sama ada di Bank Negara yang boleh mengesan kegiatan-kegiatan perniagaan yang mencairkan lebih ratusan, malah hampir berbilion ringgit dalam kaedah penjualan pembelian emas secara fizikal dan secara saham? Bagaimanakah ini boleh berlaku sedangkan kita mempunyai kaedah pengesanan dan pemeriksaan yang saya kira cukup cekap lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan sejumlah wang yang amat besar? Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan perkara Yang Berhormat bangkitkan ini iaitu *gold trading*, kita sudah mendapat penjelasan oleh pihak Kementerian Kewangan bagi pihak Bank Negara yang mengatakan bahawa pihak Bank Negara tidak mengambil tindakan berhubung dengan perkara ini sehinggalah sampai kepada tahap di mana terlalu ramainya dan terlalu besarnya pelaburan dan kewangan yang terlibat, ia mencecah berbilion ringgit.

Di sini setujukah Yang Berhormat bahawa kalau kita katakan bahawa pendeposit ataupun orang-orang yang terlibat beratus ribu ini, mereka ini tidak bersalah. Mereka ini tidak tahu sama ada syarikat tersebut melakukan perniagaannya mengikut undang-undang atau tidak, berlesen atau tidak. Mereka terpedaya. Jadi bagaimana sepatutnya kita melihat masalah mereka ini, yang mereka ini terpedaya dan tidak bersalah? Banyak wang mereka sekarang ini hilang dengan sebab pembekuan perniagaan ini, yang bersalah kalau kirakan ialah syarikat itu. Tindakan mesti diambil kepada syarikat itu kalau syarikat itu bersalah.

Akan tetapi yang saya ingin persoalkan ialah bila kita dengar dahulu penjelasan daripada Menteri Kewangan, pihak Bank Negara mengatakan bahawa kerajaan tidak dapat mengambil tindakan pada peringkat awal kerana hendak melihat bagaimana perjalanan perniagaan itu dan sehinggalah mengambil masa yang begitu lama serta melibatkan begitu banyak wang dan begitu ramai mangsa, baru pihak Bank Negara mengambil tindakan. Dalam keadaan begini, bersetujukah Yang Berhormat kalau kita katakan *the honest is on the part of Bank Negara to take action as early as possible*, dengan izin.

Kalau dia sudah *mendetect* atau mendapati perkara ini berlaku di peringkat awal, kenapa perlu hendak tunggu lama sehingga menjadi begitu besar, *complicated*, baru hendak ambil tindakan. Saya berasa ini satu perkara yang pihak Bank Negaralah sepatutnya ada ambil tanggungjawab sedikit jugalah. Bukan sedikit tetapi banyak, ambil tanggungjawab bahawa sebenarnya Bank Negara sudah lalai dalam perkara ini. Takkan benda ini berlaku di tengah-tengah masyarakat dengan jelas dan nyata, beratus ribu orang yang terlibat, berbilion wang yang terlibat, benda ini tidak nampak, tidak dengar, tidak lihat?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Pasir Salak, minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau dia lihat dan dengar, dia patut ambil tindakan seawal mungkin untuk mengelakkan begitu ramai mangsa, begitu banyak wang yang terlibat dalam hal ini. Saya rasa kita dalam hal ini kena konstruktif, terpaksa memberikan teguran kepada Bank Negara dalam perkara ini. Setujukah Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Tangga Batu, sedikit.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Itu betul-betul *line* saya, dia masuk dan dia ambil. Kalau nada saya sudah bercakap pun, macam itulah lebih kurang Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bila saya bercakap, Yang Berhormat Taiping tidak teruja. Apabila Yang Berhormat Pasir Salak cakap, dia teruja. Jadi silalah.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta mencelah, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, apabila saya setuju dengan apa yang dikatakan - buat pertama kali saya setuju dengan apa yang dikatakan, cuba dihujahkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Tangga Batu, tahukah siapakah yang merasmikan Geneva ini dalam aktiviti untuk melabur dalam aktiviti emas? Saya masih ingat lagi kenyataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang senyum kambing sekarang itu, dia pernah katakan wang yang terlibat itu lebih daripada RM10 bilion.

Siapa yang melancarkan? Apabila saya mencari maklumat, saya mendapati pelancar serta perasmi kepada syarikat tersebut iaitu Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir. Apakah penjelasan? Mengapakah pemimpin negara diperalatkan untuk skim-skim seperti ini? Saya harap supaya kerajaan dapat memberikan satu penjelasan.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerajaan jelas. Saya boleh tumpang untuk beri sedikit buah fikiran. Kita mesti lihat sesuatu itu dalam konteks yang positif. Nampak masalah, kita kalau boleh tukarkan ia kepada peluang.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat mantan Perdana Menteri cukup baik untuk mendarjatkan serta memartabatkan emas sebagai mata wang. Akan tetapi saya yakin bukan di bawah kawalan beliau jika di hiliran itu berlaku kegiatan-kegiatan yang di luar norma-norma, proses-proses panduan dan sebagainya.

Akan tetapi apa yang merunsingkan kita Tuan Yang di-Pertua, mengapa ia telah menjadi begitu berat sampai ke satu tahap tidak dapat diurus? Kalau haiwan itu mati sudah jadi bangkai, sudah berulat, baru kita dapat baunya sedangkan di peringkat awal ribuan ekor lalat telah mengurung bangkai itu, tetapi kita buat tidak tahu. *A thousand flies cannot go wrong* Tuan Yang di-Pertua iaitu menyambut kenyataan Yang Berhormat Pasir Salak. Jadi kehairanan kita ialah di manakah kalau dikatakan *education*, pendidikan yang diajarkan kepada ejen-ejen, pegawai-pegawai menguatkuasakan supaya dapat memberikan satu ketetapan penyediaan perkhidmatan kewangan yang cekap dan berkesan? Di manakah pengetahuan mereka tentang *the engineering office*, sistemnya? Di manakah pengetahuan, kepakaran mereka tentang penguatkuasaan supaya perkara ini tidak melibatkan masa.

Apabila sudah terlibat lebih 160 ribu orang, berbilion ringgit, sudah terhantuk baru tengadah, ia benar-benar menampakkan ketidakcekapan dan ketidakberkesanan dalam kita menyediakan perkhidmatan runding, nasihat, tunjuk ajar, pendidikan, penguatkuasaan dan sebagainya. Ini bukan jumlah yang sedikit, yang lebih teruk daripada itu Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh pihak kementerian hari ini dapat memberikan satu penjelasan apa berlaku kepada pelabur-pelabur ini?

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Salak bahawa mereka tidak berdosa melaburkan ratusan ribuan ringgit yang hari ini tertunggu-tunggu yang boleh menerbitkan masalah sosial yang lain, yang boleh membayangkan akan berlaku ketidakseimbangan pengurusan kewangan, tidak ada tutupan fail dan sebagainya. Di manakan wang itu sekarang? Mungkin mereka yang memegang jongkong-jongkong emas itu secara fizikal berasa selamat walaupun saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, emas yang dipegang itu lebih murah harganya daripada pasaran hari ini.

Akan tetapi untuk mengelakkan kerugian yang besar, mereka tidak sanggup tunggu. Bila harga emas naik, mereka jualkan sahaja emas itu secara terbuka di kedai-kedai emas, *gold smith* dan sebagainya. Akan tetapi apa berlaku kepada mereka yang melabur yang mengharapkan pulangan bulanan tetapi emas secara fizikal itu tidak ada pada mereka.

■1500

Apakah jaminan pihak kementerian yang hendak cari salah memanglah kalau kita katakan salah semua pihak akan mengatakan dia salah. Menuding jari akan berlaku di mana-mana. Akan tetapi yang lebih penting ialah bagaimana kita menyelesaikan masalah ini supaya ia tidak boleh menjadi masalah negara yang boleh membawa kepada ketidaktenteraman dan ketidakamanan negara Tuan Yang di-Pertua. Jadi harapan saya supaya pihak kementerian supaya dapat menganjurkan satu penyelesaian ke arah melunaskan masalah ini terhadap kumpulan rakyat yang terkena agenda-agenda tersendiri pihak-pihak individu yang saya tidak dapat namakan. Nama syarikat pun saya tidak sebut Tuan Yang di-Pertua kerana saya tidak pasti kerana banyak syarikat yang terlibat dalam aktiviti penjualan ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya menerima satu lamaran daripada seorang, yang ini saya sebutkan namanya. Namanya Malik bin Hussain. Kalau nada bahasa Inggeris datang daripada benua Afrika yang memberitahu saya mungkin kerana saya baru hadir di *UNESCO Convention* baru-baru ini tentang pendidikan. Akan tetapi memberitahu saya yang wang saya berjumlah lebih RM6 juta tersekat. Wang saya USD6 juta. Kalau ditukar duit Malaysia tidak tahulah, tersekat dan tidak dapat dikeluarkan yang memerlukan sedikit sumbangan daripada saya supaya wang itu dapat dilicinkan dan dapat diserahkan kepada saya. Oh, banyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mana dia dapat nombor telefon saya, saya pun tidak tahu mana dia dapat e-mel saya. Kalau e-mel ini Tuan Yang di-Pertua lagi teruk. Ada satu e-mel memberitahukan salah seorang daripada Ahli Parlimen menghadapi kemalangan di negara Jerman dan memerlukan bantuan kewangan daripada saya. Ini pun berlaku, bila saya *chat* dengan Ahli Parlimen tersebut sihat dan selamat Ahli Parlimen tersebut di Sarawak. Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya hendak ceritakan tadi ialah bila saya mengarahkan saudara-mara menelefon balik nombor itu mereka menjawab, menjawab yang mereka memerlukan deposit sebanyak RM3,000 untuk melicinkan pengurusan tuntutan wang tersebut. Wang itu daripada mana datangnya, daripada salah sebuah sistem di dalam Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendukung agenda kemanusiaan. Mungkin mereka mengenal pasti saya *President World Assembly of Youth*, banyak buat aktiviti kebajikan dan mereka mengatakan boleh menuntut wang tersebut. Bila kita lihat lagi satu langkah selepas menandatangani RM3,000 mereka mengatakan terpaksa membeli tiket penerbangan ke Geneva dan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua secara langkah demi langkah. Saya mengenal ada mereka yang terkena secara dekat bila menuntut satu persatu apa yang diarahkan. Bayar RM3,000, dia bayar RM3,000. Pergi ke Geneva, dia pergi ke Geneva. Kemudian bawa balik dokumen ke Malaysia sehingga dapat membawa balik sebuah peti yang berisi wang kononnya.

Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, peti itu bila dia hendak buka ada *secret code* dan memerlukan kod itu perlu lagi bayaran USD10,000 dan sebagainya. Bila sudah buka peti itu, dalam peti itu ada peti duit lagi Tuan Yang di-Pertua dan hendak buka peti itu ada satu lagi kunci dan anak kunci itu nilainya lebih USD10,000. Kegiatan ini berlaku dan ada mereka yang terkena. Cukup bijak orang yang terkena itu. Cukup bijak dan kita dapati mereka yang terkena itu ada ijazah ekonomi, ada PhD dan sebagainya. Kegiatan ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, tetapi seolah-olah tiada satu tindakan penguatkuasaan supaya menghentikan ini daripada berlaku. Saya percaya ada di antara kita di dalam Dewan ini yang masih lagi menerima SMS berbentuk tawaran seperti itu. Betul. Ya, ramai yang kata betul.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa ini berlaku? Apakah kita tidak cukup dewasa di dalam mengenal pasti serta mencari punca kepada kegiatan yang sungguh tidak ada integriti ini. Saya difahamkan orang yang terkena itu yang buka sampai jumpa wang di dalamnya Tuan Yang di-Pertua, tetapi wang itu perlu pula dicuci pula dengan bahan kimia dan nilai bahan kimia itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu botol ubat itu harganya USD5,000...

Seorang Ahli: Dialah itu.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jangan tuduh, kita dengar cerita kita berkongsi. Saya tidaklah sebijak itu untuk...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan tuduh, simpati.

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, simpati. Jangan tuduh saya. Saya berkongsi rakan yang benar-benar terkena dengan jejak ini. Jadi mengapa ini berlaku?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan *member* ya?

Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Bukan *Member of Parliament...* [Ketawa] Saya boleh pastikan rakan itu bukan salah seorang ahli di dalam Dewan ini. Di luar Dewan ini tetapi seorang kawan yang kita kenal cukup bijak, cukup pandai dan cukup mengetahui kitaran ekonomi, cukup tahu perkara-perkara seperti ini. Mengapa perkara ini berlaku Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, apakah kita tidak mempunyai kebijaksanaan di dalam hal ini sehingga pihak-pihak ini jika kita kenali bermula dengan hanya beberapa orang kumpulan yang datangnya dari Afrika yang menganjurkan perkara-perkara ini sehingga ramai rakyat kita yang terjebak kerana keuntungan pantas ataupun inginkan pulangan yang cepat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya bawakan hari ini. Saya menyokong rang undang-undang ini untuk kewibawaan pengurusan kewangan negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

3.06 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut perbincangan kawan sebentar tadi dengan menyatakan betapa kami juga merasakan perlu dipertingkatkan dari segi prestasi dan juga *efficiency* keberkesanan, perkara-perkara yang bersabitkan kewangan dan pengurusan kewangan di negara kita ini telah pun disebutkan beberapa perkara yang dibahaskan.

Saya mungkin hanya mahu menyinggung beberapa hal sahaja dalam bab-bab pindaan kepada akta. Mungkin saya bawa dahulu Akta Petroleum, kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Meneliti perkara ini Tuan Yang di-Pertua, tentunya kita memahami akan peranan yang memberikan cukai ataupun pengecualian cukai, insentif dan juga *investments incentives*, elaun-elaun cukai, *tax allowance*. Saya memerhatikan terdapat dalam hal ini dalam pembentangan Belanjawan 2013 yang lalu oleh Menteri Kewangan. Tiga aspek di sana, satu 100 peratus dengan izin *income tax exemption* untuk jangka waktu 10 tahun. Kedua 100 peratus, dengan izin, *investment tax allowance* juga untuk 10 tahun, dan ketiganya 100 peratus *income tax exemption on statutory income* untuk tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita memahami betapa hari ini kita bergelut dengan antara lainnya permasalahan struktural dan juga beberapa *fundamental* dalam urusan kewangan dan ekonomi negara dan kebergantungan kita kepada pendapatan hasil langsung daripada *oil and gas*, dengan izin, sudah sampai kepada paras 40 peratus, maka dalam suasana itu juga kita memahami dan kita kerap berbahas di sini, di Dewan yang mulia ini tentang memperkenalkan apa yang dikatakan sumber-sumber *revenue* ataupun pendapatan atau mungkin *revenue base* yang baru, antara lainnya menyebutkan tentang pengenalan GST itu sendiri. Namun dalam perbincangan pada akta ini saya mendapati bahawa ada dua perkara yang mungkin kita kena bezakan Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang terdahulu daripada ini kita telah berbahas tentang *marginal oil field*, saya telah pun berbahas tentang perkara tersebut dengan pengenalan RS dipanggilkan di RSC. *The sharing contract* itu, *Risk Sharing Contract* saya- kita pun sudah berbahas tentang perkara ini yang mungkin saya tidak mahu mengulangi betapa dalam pencerakinan *Risk Sharing Contract* itu berbeza dengan kontrak yang terdahulu. Saya dapati dan telah saya sebutkan perkara-perkara yang dikritik ataupun diberikan sedikit komentar yang negatif tentang bagaimana *Risk Sharing Contract* itu memberikan *advantages* ataupun insentif yang agak keterlaluan kepada pihak-pihak yang mendapat kontrak-kontrak *marginal oil field* itu Tuan Pengerusi.

Namun dalam hal ini, dalam perkara yang saya sebutkan ini dengan saya sebutkan tiga bentuk insentif, *tax allowance*, *income tax exemption* dan sebagainya tadi, saya mahu melihat perkara ini daripada perbezaan dua syarikat. Dua syarikat yang satunya syarikat-syarikat yang mengusahakan cari gali, *exploration* seperti Petronas, Shell, Exxon dan mereka ini sebenarnya mendapat pulangan yang lumayan. Kalau di *strike* dengan izin, mereka akan dapat pulangan yang cukup lumayan. Tentunya mereka perlu mengambil risiko dalam melakukan dan untuk mereka melakukan *exploration* yang seperti ini.

Lalu untuk memberikan mereka *tax exemption* dan sebagainya ini, kalau betul fahaman saya, maka ia satu yang saya kira adalah cukup tidak munasabah. Ada pun untuk menjadikan negara kita ini sebagai *oil & gas*, *O&G hub*, munasabah kalau syarikat-syarikat dalam kumpulan kedua, syarikat-syarikat yang memberikan yang bergiat dalam aktiviti hulu, yang bergiat dalam aktiviti *services*, *consulting* mahupun perkhidmatan, *equipment*, perolehan dan yang memberikan *service* kepada kumpulan pertama tadi, saya kira ada munasabahnya. Supaya cukai-cukai ini diberikan kepada mereka memandangkan inilah dia kegiatan-kegiatan yang bakal akan menjadikan dan menjana, yang akan bakal menyuntik apa yang dikatakan sebagai rangsangan kegiatan-kegiatan *oil and gas industries*. Aktiviti-aktiviti yang dikatakan hiliran ini, *downstream activity*. Jadi oleh kerana itu, perkara ini tidaklah semudah itu kalau kita bagikan secara borong.

Lalu saya merakamkan di sini betapa perkara ini perlu dihalusi begitu kerana kita bercakap hari ini tentang, seperti mana sahabat saya Yang Berhormat Indera Mahkota di awal tadi telah memperincikan, kita kehilangan banyak sumber-sumber pendapatan kita termasuklah bukan sahaja di peringkat pusat, tetapi juga di peringkat negeri.

Baru-baru ini peringkat negeri Selangor, di Dewan Undangan Negeri Selangor didedahkan betapa dalam kerajaannya yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional yang memimpin Selangor yang lalu telah memberikan 25 bidang tanah yang pada pemerhatian dan penelitian itu akhirnya juga dijual dengan begitu murah dan diberikan kepada parti-parti komponen Barisan Nasional. Banyak lagi perkara-perkara yang melibatkan kegiatan yang sepatutnya kita menjana pendapatan, tetapi tidak nampak, tidak disudahi dengan menjana pendapatan kerana kita tidak meletakkan polisi itu.

Disebutkan tadi kalaulah yang dikatakan pungutan itu dibuat oleh pegawai-pegawai daripada...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya cuma hendak minta penjelasan ataupun ulasan Yang Berhormat Kuala Selangor. Nampak gayanya ini adalah peluang kepada pihak kerajaan untuk membawakan pindaan-pindaan untuk menutup apa segala masalah yang telah pun berlaku. Kita tahu ulasan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi dengan jelas mengatakan di peringkat negeri pun telah terdedah beberapa kelemahan sebelum pada ini, baik dari segi struktur ataupun kaedah percukaianya, setem dutinya ataupun barangkali CKHT atau cukai keuntungan atas tanah berkenaan dengan penjualan dan pembelian tanah yang berlaku di peringkat negeri sebelum daripada pentadbiran hari ini. Jadi nampak gaya macam kerajaan tidak mahu mengambil peluang untuk memperbaiki keadaan itu.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, penelitian saya dalam pindaan rang undang-undang ini tidak memasukkan apa perkara yang selama hari ini dituntut atau diperlukan dan sudah tentu yang spesifiknya tidak ada langsung pindaan berkenaan dengan memperbaiki keadaan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan negeri yang sebelum pada ini yang pernah diulang oleh kerajaan sebelum pada ini bawah pimpinan kerajaan negeri di bawah UMNO Barisan Nasional di Selangor. Ini tidak ada nampak gayanya.

Jadi betul kah kalau saya katakan, kerajaan terlepas peluang untuk membawa pindaan untuk memperbaiki atau menutup lompang-lompang masalah itu tidak dibawa langsung dalam rang undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Indera Mahkota. Saya minta perkara itu diberi huraian dan penjelasan oleh Menteri yang bertanggungjawab kerana jelas perkara itu sangat diperlukan. Akan tetapi seperti mana Yang Berhormat Indera Mahkota sebutkan tadi, tidak diambil peluang perkara-perkara itu diselesaikan dalam pembentangan perkhidmatan Rang Undang-undang Kewangan ini. Saya terus menyebutkan di sini juga, kalaulah *financial services* ini ada hubung kaitnya dengan ekonomi walaupun ia tidak langsung ada *collaborationnya* begitu tetapi dalam hal cukai, sekali gus subsidi yang dua komponen yang merupakan *stabilizing measures* dalam *microeconomics*.

Ertinya, maknanya sama ada kerajaan mahu cukai ataupun diberikan pengecualian cukai, ditambah cukai, dikurangkan cukai, keseluruhan perkara itu adalah polisi-polisi dasar. Polisi-polisi atau dasar-dasar kebijakan yang ditentukan oleh *government of the day*, dengan izin. Lalu, apa yang dipungut oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan segala badan-badan penguat kuasa adalah perkara yang menjadi penentuan yang dibuat oleh kerajaan. Kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan yang *the executive*. Lalu di sini juga saya mengambil peluang untuk menyebutkan perkara yang dibangkitkan oleh – Yang Berhormat Pasir Salak sudah tidak ada sudah. Atau dia tidur sudah?

Jadi Yang Berhormat Pasir Salak contohnya, menyebutkan tadi membuat perbezaan, membuat perbandingan bahawa kita memacu pertumbuhan yang begitu baik 5.2 peratus pertumbuhan GDP dalam suku yang terakhir, suku ketiga baru-baru ini. Sekali gus membuat perbandingan dengan negara-negara yang hari ini katanya dalam keadaan krisis. Memang betul, negara-negara seperti ini tetapi pertumbuhan-pertumbuhan ini sahaja tidak boleh dijadikan ukuran kerana OECD *countries* ataupun negara-negara maju ini Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa mereka tidak mempunyai *growth* yang begitu tinggi.

Developing economy macam kita, macam China, macam Greek, Brazil, Rusia, India, China, kita sendiri, kita memacu pertumbuhan yang memang rancak dan pantas. Akan tetapi, *for those* negara-negara yang seperti Eropah, Amerika, Jepun, mereka tidak lagi mengalami ataupun melalui pertumbuhan yang begitu pesat dan rancak *because there have come to* keluk yang begitu.

Apa yang lebih penting daripada itu saya kira, dalam urus tadbir kewangan negara Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk menghasilkan kelancaran dan keberkesanan yang pada akhirnya persoalan cukai dan juga persoalan pendapatan sekali gus sebab kita bercakap tentang persoalan cukai. Ia juga langsung mengheret ataupun membuat kesan ataupun memberi impaknya kepada persoalan pendapatan.

Dalam persoalan pendapatan jugalah, di situlah kita berpeluang untuk memastikan bahawa cukai-cukai kita itu sifatnya progresif. Saya menyambut baik rang undang-undang ini dari segi yang pengenalan *Real Property Gains Tax* (RPGT), *limited liability* dari segi koperasi-koperasi yang saya kira munasabah pindaan-pindaan yang dibuat.

■1520

Namun, apa yang mungkin saya ingin sebutkan dalam perbahasan di peringkat dasar ini Tuan Yang di-Pertua ya, adalah betapa dalam hal pengenalan cukai, insentif, pengecualian, pengenalan, mengurangkan atau menambahkan cukai ini, akhirnya kita mesti juga hubung kaitkan dengan persoalan pendapatan rakyat. Malangnya, dalam pencerakinan *Government Transformation Program* (GTP), dalam pencerakinan *Economic Transformation Program* (ETP) dan termasuklah juga NEM atau *New Economic Model* ataupun Model Ekonomi Baru itu, perbahasannya di situ hanya menyinggung persoalan GNI per kapita.

Saya memerhatikan bagaimana Kerajaan Barisan Nasional telah menetapkan lonjakan apa yang dikatakan sudah untuk kita keluar daripada perangkap modal ataupun perangkap *middle income trap* itu, dengan izin, maka kita terus bercakap tentang pertumbuhan yang mahu dipacu puratanya enam tahun sehingga tahun 2020 dan menjana GNI per kapita yang kini sudah RM23,700 ataupun USD6,700 itu pada tahun 2009 ke paras GNI per kapita USD15,000 ataupun bersamaan dengan RM48,000 pada tahun 2020.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa penggunaan GNI per kapita untuk membayangkan apa yang ada dalam denyut nadi rakyat di akar umbi, parameter ini adalah sangat tersasar kerana ia tidak membayangkan apa yang merupakan *household income* atau lebih tepat lagi kalau kita bandingkan GNI per kapita dengan apa yang disebutkan sebagai *the average income per capita household member*, dengan izin, ia merupakan satu angka yang punya perbezaan yang cukup ketara.

GNI per kapita kalau kita sebutkan tahun 2009, kalau saya ambil daripada *Statistic Household Income and Basic Amenities Survey Report 2009* yang berada di *Department of Statistic*, Jabatan Statistik, GNI per kapita adalah pada paras RM23,700 tahun 2009. Pada tahun yang sama Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *average income per household*, purata pendapatan isi rumah setiap keluarga adalah hanya pada paras RM11,208 sahaja. Sekali gus menunjukkan bahawa parameter yang kita guna untuk memacu GNI per kapita adalah tidak membayangkan apa yang ada pada pendapatan rakyat, isi rumah setiap orang, per kapita setiap kepala dan ini amat jelas memerlukan kita merombak balik supaya- bukan merombak balik tetapi menegaskan parameter mana yang lebih penting supaya di samping itu, yang lebih penting adalah persoalannya adalah persoalan *inequality*, persoalan kesenjangan, persoalan jurang, perbezaan antara kaya dengan kelompok-kelompok *rich and super rich* yang perbahasan itu dibawa oleh Yang Berhormat Indera Mahkota.

Kalau mengambil *taxes* ataupun mengambil skim ataupun mengambil rejim percukaian, perlu dilihat kembali dan dirombak kembali. Ia berbeza dengan apa yang dikatakan kelompok kaya dan kelompok yang kurang berada. *They have not or have least* dengan izin. Lalu dengan itu Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini adalah cukup penting kerana saya bawa perbahasan ini sedikit waktu dahulu apabila mengangkat isu yang ditegur oleh Yang Berhormat Sri Gading semacam saya ini tidak suka orang Melayu kaya kerana menyebutkan tentang CEO Tabung Haji dan juga tentang CEO Sime Darby yang pada tahun kewangan yang berakhir Jun 2012 yang lalu, didapati bahawa telah pun secara jelas dan nyata perkara itu ada laporannya dalam *The Edge* bahawa CEO ini menerima ganjaran bonus dan gaji pada tahun *financial year ending June 2012* sebanyak RM5.2 juta. Yang Berhormat Pokok Sena mempertikaikan tentang Tabung Haji yang tahun lalu mendapat peningkatan gaji daripada RM75,000 kepada RM85,000 dan bonusnya RM200,000.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya membangkitkan isu ini di dalam peringkat dasar ini? Di sinilah letaknya kepentingan untuk- apabila kita bercakap tentang cukai, kita mesti juga bercakap dalam rangka dan kerangka yang lebih besar, bukannya hanya sekadar apa yang disebutkan sebagai minimum *wage*, gaji lantai itu. Saya mahu perkara ini diteliti dalam pendekatan ataupun dalam kerangka apa yang akhirnya disebutkan sebagai *the fair wages*. Ini sekali gus membawa pertikaian tentang persoalan *labor law* ataupun pemburuan, gaji upahan yang seluruhnya bercakap juga tentang persoalan kewangan.

Di sinilah terus terusan kita bercakap tentang perkara-perkara besar, GNI per kapita, pertumbuhan 6 peratus sampai tahun 2020 untuk menjadikan negara kita satu negara yang punya apa yang dikatakan *high income*, keluar daripada kepompong dan perangkap *the middle income trap*.

Akan tetapi kalau kita balik kepada perkara-perkara yang lebih asas, apa yang menjadi dapatan ataupun pendapatan rakyat- tidak bercakap tentang *disposable income*, baru bercakap tentang *income* sahaja lagi. *Disposable income* meletakkan rakyat tahu bagaimana perit hidup mereka tatkala apabila apa yang dibawa pulang, pendapatan dalam poket, pendapatan yang ada di saku mereka, *that is disposable income* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Lalu pertikaian-pertikaian seperti ini yang kami kerap bangkitkan daripada pihak sebelah sini adalah cukup penting untuk persoalan bagi akhirnya, *happiness index* bagi akhirnya apa yang dikatakan sebagai *the level of satisfaction* ataupun *the happiness index*, *quality of life*, hidup bermaruah dan bukan hanya memberikan pada musim-musim tertentu *one-off*, BR1M 1.0, BR1M 2.0 tetapi pada pendapatan *disposable income* rakyat masih pada takuk yang sama kerana kita bercakap tentang GNI per kapita. Rakyat tidak faham pun. Apa yang rakyat faham adalah apa yang ada dalam poket mereka, apa yang ada pada sisi mereka dan apa yang mereka bawa pulang.

Kembali kepada persoalan Sime Darby dan juga Tabung Haji tadi. Begitu juga kepada yang lain, kepada syarikat-syarikat perladangan dan juga yang lain. Persoalannya adalah mengapa hanya seorang atau dua sahaja yang diberikan ganjaran yang begitu lumayan yang sekali gus akan mengekalkan kesenjangan dan *disparity* pendapatan yang akan lahir di sana apa yang dikatakan *income inequality*. Kita tidak bercakap lagi tentang *wealth inequality*. Kita tidak bercakap tentang *the various asset classes of wealth*. Kita hanya bercakap tentang pendapatan dan pendapatan itu juga kerajaan ini tidak mahu secara punya *political will to address the issue head on* untuk bercakap tentang *fair wages*.

Selama-lamalah, terus-terusan kalau kita hanya bercakap tentang retorik yang agak besar-besar tentang NEM, ETP, EPP, kita hanya bercakap tentang projek-projek EPP yang besar-besar, yang 131 jumlahnya dan kita kurang sedar bahawa projek-projek tersebut adalah juga projek-projek yang memerlukan *government spending* pada perbelanjaan 15 tahun dalam defisit, kita sudah tidak berupaya untuk berbelanja besar lagi. *Enough of pump priming*. *Pump priming* betul diperlukan, *anti cyclical measures* perlu dalam keadaan ekonomi lembap, tetapi kita telah berbelanja besar sama ada *in the good time or in the bad time*, dalam keadaan ekonomi *boom* dan juga ekonomi *burst*.

Justeru dengan itu, kita hari ini sedang menanggung hutang Kerajaan Pusat kepada paras RM502 bilion. Selama 15 tahun kita berbelanja besar *and we could ill afford* dengan izin, kita tidak lagi punya keupayaan untuk berbelanja besar, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerana apa? Ini kerana kita telah secara dengan izin, *reckless* mengurus kewangan negara.

■1530

Kita bercakap tentang cukai, kita bercakap tentang subsidi akhirnya apa yang menjadi penting adalah sejauh mana kita dapat mengangkat hidup rakyat, *the happiness index*, *the quality of life*, hidup bermaruah rakyat. Bukan hanya memihak kepada kroni yang terus-terusan kita berikan di atas padang yang tidak sama rata dalam sistem monopoli yang kita amalkan, tidak wujud di sana *genuine entrepreneurs*. Apa yang kita *create* adalah *fat cats* iaitu kucing-kucing gemuk. Bukan *tigers* yang ketika *tigers* itu, kalau kita lihat pada tahun 1997, inilah dia, *the fat cats* yang lahir daripada sistem *rentier* ataupun sistem monopoli dan kroni itu, mereka tidak dapat bertahan.

Sudah sampai waktunya Tuan Yang di-Pertua supaya urus tadbir kewangan negara ini diurus dengan baik, diurus dengan *prudent* dengan membawa sama ada struktur *reform* dalam sistem percukaian, mahu pun apa jua yang lain kalau kita bercakap tentang subsidi. Subsidi itu mestilah sifatnya progresif dan bukan regresif.

Lalu dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin memberikan peluang kepada kawan-kawan yang lain untuk berbahas seterusnya. Akan tetapi saya kira perkara ini jarang-jarang untuk dibahaskan begini.

Maka saya minta Menteri atau Timbalan Menteri supaya memberikan penjelasan kerana ini adalah sekali gus memberikan kesan kepada denyut nadi penderitaan hidup rakyat yang khususnya dalam kelompok *the lower income group*. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Ledang.

3.31 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita merujuk kepada Rang Undang-undang Kewangan ini, dia lebih fokus kepada pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Tidak banyak isu-isu lain yang timbul sangat kecuali untuk diselaraskan dengan segala ucapan yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan bajet yang telah kita luluskan.

Sudah tentu saya yakin matlamatnya sangat penting bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan daripada cukai yang dikenakan ataupun sengaja mengenakan cukai bagi tujuan untuk meningkatkan pendapatan negara. Akan tetapi lebih kepada untuk yang pertamanya, mengurangkan ketirisan ke atas pembayar-pembayar cukai di seluruh negara.

Mungkin ada ruang-ruang tertentu yang boleh dilarikan ataupun dielak oleh pembayar-pembayar cukai kerana sekarang bukan sahaja peguam pandai, banyak kes-kes tertentu apabila bawa ke mahkamah peguam pembela lebih banyak menang kes daripada pendakwa. Itu adalah satu perubahan yang berlaku bukan sahaja dalam negara kita malah seluruh dunia kerana ketepatan ataupun kepetahan hujah bersandarkan kepada banyak ruang dalam sesuatu undang-undang yang tidak lagi sesuai dengan zaman sekarang. Maknanya ada ruang-ruang tertentu yang boleh seseorang itu dapat mengelak daripada menerima hukuman.

Begitu juga dalam profesion *accountancy* atau perakaunan. Ada ruang-ruang tertentu, dalam audit pun ada ruang-ruang tertentu yang tidak lagi sesuai dengan zaman sekarang kerana manusia semakin kreatif. Jadi, saya yakin tujuan utama rang undang-undang ini adalah lebih kepada untuk mengurangkan ketirisan terhadap cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh pembayar-pembayar cukai.

Jadi saya melihat rang undang-undang ini penting kerana sudah tentulah pendapatan negara akan meningkat daripada pengurangan ketirisan cukai yang sepatutnya dibayar oleh pembayar cukai. Saya tidak nampak kalau rang undang-undang ini bertujuan untuk menyusahkan misalnya peniaga ataupun rakyat Malaysia ataupun bukannya bertujuan untuk menghukum atau menyusahkan satu kumpulan sahaja tadi disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota. Seolah-olah pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan lebih terikat dengan peraturan pembayar cukai kerana semua pendapatan mereka adalah dalam genggaman, pengetahuan kerajaan. Itu satu perkara. Kalau saya merujuk kepada ucapan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota itu tadi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Salah itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sekejap ya. Maknanya saya tidak nampak seolah-olah hanya hendak menjurus kepada satu kumpulan tertentu. Tidak.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh celah?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rakan Yang Berhormat Ledang saya puji kerana Yang Berhormat Ledang cuba untuk menghidupkan semula isu itu. Bagus. Cuma apa yang saya katakan tidak seperti yang diulas oleh Yang Berhormat Ledang.

Maksud saya undang-undang itu dirumuskan di dalam Dewan ini. Pihak kakitangan kerajaan, Lembaga Hasil Dalam Negeri terutamanya, mereka hanya menjalankan tugas selepas Dewan ini meluluskan sesuatu undang-undang ataupun akta, mereka terikat kepada perkara itu. Keadaan semasanya ialah mereka terpaksa melaksanakan undang-undang cukai lebih kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Sedangkan yang tinggi dan atas, golongan yang terbanyak menerima pendapatan itu banyak yang terlepas kerana undang-undang kita memberi mereka kelebihan dan memberi kita insentif, pengecualian dan sebagainya. Sebagai contoh kata sepuluh tahun. Lembaga Hasil memang tidak boleh buat apa kerana mereka telah diberi melalui undang-undang.

Jadi persoalannya, saya hendak tanya Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Ledang bersetuju ataupun tidak yang undang-undang ini diteruskan dengan cara macam ini walaupun kita bermasalah tentang *revenue* dan pendapatan negara kita makin berkurang kerana cukai kita ini sudah tahap maksimum. Kita hendak kutip macam mana lagi pun agak susah kerana Lembaga Hasil terpaksa menjalankan prinsip undang-undang ini sebagaimana yang diluluskan.

Orang yang dapat melarikan diri ini bukan golongan yang makan gaji macam kita semua. Tidak. Mereka yang tidak bayar ini golongan korporat yang besar, pelabur asing yang kita beri insentif. Ini yang kita hendak pinda supaya mereka ini tidak dilihat sebagai golongan yang tidak payah bayar cukai ataupun bayar cukai sedikit sahaja, bukan sepatutnya. Itu saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Ledang, kebetulan Yang Berhormat Ledang buat ucapan sekarang. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya bersetuju dengan apa-apa pendekatan ataupun peraturan, undang-undang baru, akta baru yang menjurus kepada dapat mengutip cukai daripada mereka yang sepatutnya membayar cukai. Saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Indera Mahkota bahawa seolah-olah satu pihak sahaja lebih terikat dengan undang-undang. Mereka tidak berkesempatan mengelak cukai, kita setuju.

Walau bagaimanapun, saya sebut tadi rang undang-undang ini tidak sesekali hendak mengetatkan ataupun hendak menggenggam. Maknanya seolah-olah tertumpu kepada mereka-mereka yang bergaji ini, tidak berniaga terutama pegawai-pegawai kerajaan yang memang pendapatan mereka daripada gaji dan mereka tidak boleh lari daripada membayar cukai. Itu maksud saya, maksud saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang yang memberi peluang saya mencelah dalam perkara ini. Saya amat tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ledang bahawa peniaga-peniaga yang jujur, yang serius dan menjaga kepentingan negara tidak akan menyusahkan oleh pindaan ini.

Masalah Yang Berhormat Ledang bangkitkan tadi adalah mengenai dengan kutipan cukai pendapatan. Sama ada Yang Berhormat sedar ataupun tidak bahawa banyak syarikat-syarikat asing dari luar datang ke negara buat *business* bukannya hendak buat *business* yang serius tetapi menggunakan tempat kita untuk *money laundering* dan juga melalui cukai. Dari negara kita dan menyalurkan wang ini, dihantar balik ke negara mereka.

■1540

Seperti ada satu contoh saya hendak berikan sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa ada satu *group* namanya Neway Karaoke Group dari Hong Kong. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sedar akan perkara ini. Neway daripada Hong Kong datang ke sini menubuhkan banyak karaoke di sini dan saya dapati banyak bukti bahawa mereka telah melarikan cukai lebih daripada RM32 juta dan dihantar balik ke Hong Kong. Sampai sekarang tidak dikesan oleh LHDN kita dan mereka buat satu *listing*, satu syarikat lagi juga Neway Karaoke juga di Hong Kong. Kalau hendak bukti saya boleh bagi bukti. Saya harap pegawai-pegawai sini kalau datang saya boleh bagi. Kita boleh dapat satu cukai pendapatan untuk negara. Jangan hendak tutup sebab berkemungkinan mereka ini yang banyak pengaruh atau besar pengaruh mereka.

Kedua sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, wang dana asing juga masuk ke negara. Sama ada kementerian juga perlu mengadakan satu akta untuk mengawal dana asing yang masuk ke negara untuk tujuan-tujuan politik atau untuk tujuan *to change the mind set of the people* untuk matlamat yang telah mereka adalah *regime change* sama ada kita perlu satu akta juga, satu pindaan untuk mengawal keadaan. Perkara ini adalah penting. Kita tidak mahu apa-apa perubahan yang dibuat oleh negara dipengaruhi oleh kuasa asing ataupun digunakan oleh agenda-agenda asing. Ini yang penting. Kalau kita hendak ubah negara, kita ubah sendiri.

Kita tidak perlu dapat bantuan dana atau bantuan lain dengan senyap perlu dapat bantuan dana atau bantuan lain dengan senyap atau *out more secretive*. Bolehkah Yang Berhormat beri pandangan dan juga kalau boleh masukkan dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju dan sudah tentu akan masuk dalam ucapan saya. Akan tetapi ada dua isu, yang pertamanya ialah tentang tanggungjawab membayar cukai.

Keduanya ialah mudah sebut, kata tadi tentang pengaliran duit haram. Saya pernah bertanya kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri mengatakan kepada saya bahawa semua pendapatan rakyat Malaysia tidak kira daripada sumber mana sekali pun, kalau salah saya minta maaf. Akan tetapi saya tanya kepada pegawai berkenaan semua rakyat Malaysia yang berpendapatan tertentu maknanya melebihi daripada had yang dibenarkan mestilah membayar cukai tanpa mengira daripada sumber pendapatan mereka. Sama ada merompakkah, judikah semuanya ini mengikut pegawai berkenaan.

Kalau saya bersalah saya minta maaf. Akan tetapi inilah kenyataan salah seorang pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang bercakap dengan saya. Katanya semua rakyat Malaysia bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan. Soal duit itu halal atau haram, itu soal nombor dua. Kalau didapati bahawa seseorang itu telah memperoleh pendapatan daripada sumber yang haram, yang tidak betul, itu adalah tanggungjawab jabatan lain biasanya polis untuk mengambil tindakan dan menjadi tanggungjawab Bank Negara untuk melaporkan, ini juga pihak Bank negara melaporkan kepada pihak lain yang berwajib seperti polis. Yang Berhormat Wangsa Maju sudah keluar ini, itulah jawapan saya.

Oleh yang demikian, saya merujuk kepada rang undang-undang ini bahawa kita mesti lihat dari sudut yang baik daripada pindaan yang dicadangkan dibuat ini seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan bajetnya. Saya mengambil contoh fasal 17, bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(k) Akta 53 untuk meningkatkan potongan peribadi bagi individu daripada RM3,000 kepada RM6,000 berkenaan dengan amaun yang didepositkan oleh individu itu bagi anaknya ke dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan seterusnya. Maknanya ada potongan di situ. Ini satu perkara yang baik. Begitu juga fasal 18, lebih kurang sama tetapi bagi anak kurang upaya. Maknanya kita melihat kepada sesuatu yang positif yang baik untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kami menerima taklimat daripada pihak JPA tentang pencen. Satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang disebut oleh pegawai berkenaan ialah ramai di kalangan warga di Malaysia yang tidak mendaftarkan anak mereka sebagai anak kurang upaya, kerana anak-anak kurang upaya ini Tuan Yang di-Pertua layak menerima pencen daripada ibu atau bapanya yang sudah meninggal dunia sehingga anak yang kurang upaya ini meninggal dunia.

Akan tetapi apa yang berlaku dalam Malaysia ini ada keluarga yang mungkin segan ataupun terlupa ataupun tidak kisah mendaftarkan anak mereka untuk menyatakan bahawa anak mereka ini kurang upaya. Apabila ibu bapa mereka meninggal Yang Berhormat Pokok Sena, maka anak kurang upaya ini tidak lagi menerima pencen daripada ibu bapa mereka yang meninggal kerana tidak didaftarkan.

Jadi di sini fasal 18 ini, saya yakin sekali gus *insya-Allah* akan mendaftarkan anak-anak yang kurang upaya pertamanya bukan sahaja ibu bapa berkenaan layak menerima potongan cukai pendapatan, malahan juga apabila ibu bapanya atau mereka setelah berpencen, pencennya akan diterima oleh anak yang kurang upaya selagi mereka masih hidup. Ini satu perkara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita melihat perkara positif di sini daripada perkara-perkara yang lain sebab satu pihak mengatakan seolah-olah kita ini berada pada tahap yang sangat sukar maka kita perlu mengutip cukai yang lebih tetapi kita pandang juga yang positif. Saya setuju sebenarnya, setuju sangat kalau Lembaga Hasil Dalam Negeri mencari jalan untuk mengutip lebih banyak cukai daripada cukai yang sepatutnya dikutip seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi.

Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga harus melihat bahawa rang undang-undang ini penting untuk membela. Pertamanya individu atau keluarga yang sepatutnya mendapat pelepasan cukai atas sebab-sebab tertentu misalnya anak kurang upaya, simpan duit dalam SSPN.

Kalau boleh saya hendak cadangkan juga kalau boleh bukan sahaja simpan duit dalam Skim Pendidikan Nasional, saya hendak syorkan apa-apa simpanan di institusi bank misalnya bagi tujuan masa hadapan pelajaran kalau boleh ada sistem berkenaan ataupun mungkin dalam Tabung Haji kerana mungkin ada satu ruang ataupun ada satu akaun khas untuk masa hadapan pelajar. Itu saya hendak cadangkan supaya dikembangkan perkara itu.

■1550

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kebbaikannya ialah saya fikir kita menjurus kepada satu keadaan yang lebih adil di mana cukai yang dikenakan supaya satu-satu pihak itu tidaklah berlebihan kerana salah kira atau salah tafsiran. Patut dicukai, dicukai tetapi yang tidak patut dicukai Yang Berhormat Pokok Sena oleh kerana Yang Berhormat Pokok Sena tengok saya daripada tadi kan, wajar tidak dicukai dan yang penting, Lembaga Hasil Dalam Negeri memudahkan pembayar-pembayar cukai ini untuk pembayar cukai dapat rasa legalah daripada membayar cukai kerana saya yakin kebanyakan pembayar cukai merasa mereka dibebani sedangkan mereka sepatutnya tidak membayar cukai, hanya mereka tidak dapat hendak *justify* dengan izin, bahawa mereka tidak sewajarnya bayar cukai atas sebab-sebab tertentu. Ini satu perkara. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

3.50 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidaklah banyak sangat saya hendak berbahas. Saya ucapkan terima kasih dan saya bersetuju dengan pendapat-pendapat yang diberikan oleh kawan-kawan tadi, termasuk Yang Berhormat Ledang yang baru tadi pasal disyaratkan untuk didaftar anak kurang upaya. Bukan anak orang kuat UMNO. OKU, orang kuat UMNO... [Ketawa] Ada juga anak orang kuat UMNO yang sudah senior, yang dia tidak cacat dia dapat macam-macam, dia tidak daftar pun dia dapat macam-macam, projek. Itu tidak payah daftar.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga harus membincang persoalan-persoalan yang disebut rakan-rakan saya, Yang Berhormat Indera Mahkota dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor tadi berkaitan dengan persoalan kehilangan cukai yang berlaku dalam negara kita ini. Oleh kerana kalau negara juga mengalami kehilangan cukai, bermakna bahawa kita juga akan mengalami kekurangan program kebajikan untuk rakyat termasuk kepada orang kurang upaya dan anak-anak kurang upaya itu sendiri dan ini yang harus dilihat.

Oleh sebab itu kita tidak mahu nanti bahawa kalau kehilangan cukai yang sepatutnya kita peroleh daripada sumber-sumber cukai yang sedia ada ini, akhirnya menyebabkan rakyat yang akan menanggung beban seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, bahawa bagaimana ada syarikat-syarikat yang diberikan pelepasan cukai tetapi rakyat hanya dapat habuk. Maknanya mereka mendapat pelepasan cukai tetapi rakyat dicikaikan. Jadi ini sudah tentulah sesuatu yang menggambarkan ketidakadilan yang berlaku dalam sistem percukaian di dalam negara kita ini.

Oleh sebab itu saya bangun ini Tuan Yang di-Pertua, kerana saya ingin mendapat penjelasan tentang bagaimana syarikat-syarikat itu akan dapat memperoleh pelepasan cukai. Adakah kerajaan sendiri yang akan memberi ataupun mereka terpaksa memohon untuk diberikan pelepasan cukai dan apakah syarat-syarat yang seharusnya diberikan kepada mereka? Sebab saya melihat bahawa ini sesuatu yang tidak memperlihatkan bahawa sesuatu yang jelas tentang syarikat-syarikat yang layak untuk mendapat pelepasan cukai. Sebab saya bimbang bahawa nanti akan ada syarikat-syarikat yang ada hubungan dan ada kaitannya dengan kepentingan-kepentingan tertentu maka mereka juga akan diberikan pelepasan cukai.

Oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan apakah syarikat yang mendapat konsesi untuk AES ini, syarikat yang mendapat konsesi AES ini untuk selama lima tahun ini iaitu Beta Tegap dan juga ATES Berhad ini juga mendapat pelepasan cukai?

Oleh sebab saya bimbang bahawa- sebab saya takut nanti bahawa kerajaan juga akan mempertimbangkan permohonan mereka atas alasan kononnya bahawa pengagihan dibahagi dua, kutipan saman itu, kutipan denda itu dibahagi dua antara pihak syarikat dengan pihak kerajaan.

Lalu oleh kerana dilihat mereka ini membantu kerajaan, kerajaan tidak perlu mengeluarkan apa-apa modal. Lalu kerajaan kata kita berilah pelepasan cukai kepada syarikat-syarikat ini, sedangkan bagi saya, seperti disebut oleh Yang Berhormat Indera Mahkota tadi bahawa mereka kalau dapat pelepasan cukai, itu satu, keduanya mereka buat sapu duit rakyat.

Saya bertanya bahawa syarikat-syarikat yang dapat ini, yang dapat konsesi AES ini contohnya ATES Sdn Bhd. Syarikat ini modal yang dibenarkan ialah RM5 juta tetapi modal berbayarnya RM310,000 tidak sampai 10 peratus pun. Maknanya ini syarikat tidak ada duit, makna tidak sampai 10 peratus dia dibenarkan modal berbayar dibenarkan ialah RM5 juta, tapi yang dia bayar hanyalah RM310,000, tidak sampai 10 peratus daripada modal yang dibenarkan. Ini menunjukkan bahawa mereka hanya menunggu untuk mendapat projek-projek seperti ini seperti mana pemasangan kamera AES ini untuk mereka mengaut keuntungan bagi kepentingan mereka. Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak mengesahkan bahawa apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi memang benar. Ini kerana di bawah lampiran 15 dalam belanjawan kita memang ada diperuntukkan untuk elaun modal. Maksudnya diberi pengecualian kepada tuntutan elaun modal, disegerakan untuk syarikat-syarikat kawalan keselamatan termasuk dalam untuk pemasangan sistem litar tertutup, pengawasan video, alat keselamatan, ke penggera serta alat-alat yang termasuk dalam *global positioning system* iaitu seperti AES itu memang pakai semua sistem itu. Ini jelas syarikat yang mengguna pakai teknologi ini telah pun dicadangkan oleh Perdana Menteri untuk tujuan mendapat pengecualian. Memang betul, saya sahkan yang diberitahu oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu ada dalam laporan ini. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Maknanya kalau mereka mendapat pelepasan cukai itu, maknanya mereka- saya katakan bahawa konsesi ini suatu yang sangat mendera rakyat. Mereka mendapat pelepasan cukai, kita kena bayar cukai lagi, kemudian kita kena bayar lagi saman itu dikutip oleh mereka. Jadi bagi saya bahawa dua kalilah dia untung, dua kalilah rakyat terdera dalam soal ini.

Baik, saya hendak balik kepada ATES Sdn Bhd. Syarikat ini syarikat yang tidak ada duit malah kalau dilihat bahawa kerugian terkumpul Syarikat ATES Sdn Bhd ini, kerugian terkumpulnya ialah RM781,133. Maknanya itu kerugian-kerugian terkumpul. Jadi syarikat ini syarikat rugi. Jadi dia mengharapkan keuntungan itu daripada mana? Daripada projek AES ini, pemasangan kamera ini. Makna kutipan saman ini, dia mengharapkan bahawa dia dapat menyelamatkan balik keadaan kerugian ini.

Kemudian liabiliti keseluruhannya ialah RM1.448 juta. Jadi saya katakan bahawa ini suatu yang sangat tidak wajarlah, apabila syarikat ini syarikat yang rugi, syarikat yang menghadapi masalah kewangan kemudian dia pula mendapat pelepasan cukai daripada pihak kerajaan. Kemudian dia pula berpeluang untuk mengutip keuntungan yang begitu lumayan di samping mendapat pelepasan cukai. Maknanya dia mempunyai keuntungan yang berganda-ganda untuk kepentingannya.

Baik, isunya ialah siapa Syarikat ATES ini? Syarikat ATES ini ada tiga pemegang *share holdemya* iaitu Angsana Tiara Sdn Bhd, Traffen Force Sdn Bhd, Commercial Circle Malaysia Sdn Bhd. Baik, Angsana Tiara Sendirian Berhad ini Tuan Yang di-Pertua, dia punya *director* ialah Tan Sri Mohamed Azman bin Yahya *directomya* iaitu salah seorang daripada *board of director* Khazanah Nasional, bekas orang kuat Dana Harta satu ketika dahulu. Beliau sekarang ini masih kekal sebagai *board of director* Khazanah Nasional dan beliau juga merupakan *board* dalam MAS, masih kekal *board* dalam MAS dan juga dalam Ekuiti atau Ekuinas dalam Plus Highway, dalam Scomi, dalam Sepang International Circuit dan banyak lagi syarikatlah. Itu yang saya sebut ialah syarikat-syarikat kerajaan yang beliau menjadi *director*.

■1600

Akan tetapi, Angsana Tiara Sendirian Berhad ini ialah syarikat peribadi dia, bukan syarikat berkaitan dengan kerajaan. *Shareholder* di dalam syarikat tersebut ialah Tan Sri Azman bin Yahya ini memegang sebanyak 66.60 peratus syer. Tan Sri Azman Yahya ialah Danaharta dulu dan sekarang ini merupakan *board*, lembaga kepada Khazanah Nasional. Dia memegang 66.60 peratus syer dalam Angsana. Angsana pula memegang di dalam ATES Sdn Bhd. Tan Sri Azman Yahya ini, syarikat miliknya ini memegang syer di dalam ATES Sdn Bhd sebanyak 67.74 peratus syer, dalam ATES Sdn Bhd. Maknanya syarikat ini syarikat yang rugi, syarikat yang menghadapi masalah liabiliti dan sebagainya. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap persoalan ini.

Keduanya ialah saya hendak sebut berkaitan perkara yang sama ialah berkaitan dengan Traffon Force Sdn Bhd iaitu pemegang syer yang kedua besar, 19.35 peratus di dalam ATES Sdn Bhd ini. Director Traffon Force Sdn Bhd ini ialah Chee Chwee Cheong dan Chee Chwee Cheong ini juga merupakan seorang yang memegang syer sebanyak 16.67 peratus. Tuan Yang di-Pertua, Chee Chwee Cheong ini ialah juga merupakan *Director* di dalam Ethos Capital One Sdn Bhd. Ethos Capital Sdn Bhd, Ethos Consulting Sdn Bhd, Ethos Sdn Bhd dan Ethos Solution Sdn Bhd.

Ethos Capital ini juga mempunyai syer yang cukup banyak, lebih kurang 0.08 peratus. Kemudian di dalam Ethos Capital dia ada 7.65 peratus, dalam Ethos Sdn Bhd dia ada 30 peratus. Cuma saya hendak sebut bahawa Ethos ini mempunyai hubung kait pula dengan Datuk Mohd Omar bin Mustapha Ong yang merupakan *partner* di dalam Ethos. Omar Mustapha Ong ini ialah merupakan salah seorang daripada *director* dalam AirAsia, Petronas dan juga mempunyai syarikat yang lain iaitu Symphony House Berhad.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi saya membangkitkan persoalan ini ialah kerana isu hal yang berkaitan dengan AES ini Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang sangat-sangat besar yang perlu diberikan penjelasan oleh pihak kerajaan. Saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah AES ini diberikan- maknanya Perdana Menteri hanya melihat kepada kepentingan dua orang iaitu Tan Sri Azman Yahya bagi mewakili kepentingan-kepentingan politik tertentu dan juga Mohd Omar Mustapha Ong. Jadi saya percaya bahawa Yang Berhormat mungkin tidak boleh jawab, tidak apa. Saya tidak bimbang kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab tetapi saya minta Perdana Menteri perlu jelas dalam Perhimpunan Agung UMNO. Dia perlu jelaskan di dalam Perhimpunan Agung UMNO kepada perwakilan-perwakilan UMNO tentang isu AES dan juga isu orang kuatnya.

Bagi saya bahawa Omar Mustapha Ong orang kuat dia. Kalau tidak, dia tidak lantiklah jadi *board* dalam Petronas. Begitu juga dengan Tan Sri Azman Yahya yang merupakan *board* di dalam Khazanah Nasional yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Jadi sebab itu, bagi saya bahawa mohon penjelasan yang kalau pun tidak boleh dijelaskan oleh pihak Menteri Kewangan pada hari ini, kita minta bahawa Perdana Menteri menjelaskan kepada Perhimpunan Agung UMNO untuk masyarakat dapat perkara yang lebih jelas tentang kedudukan ini.

Saya sudah kata sebelum ini bahawa dalam perbincangan di peringkat Kementerian Pengangkutan bahawa macam mana syarikat-syarikat ini daftar selepas dia dapat. Kemudian dia pula mengalami masalah-masalah kewangan tertentu, kerugian yang saya katakan tadi. Jadi saya katakan bahawa ada ketidaktelusan dalam pemberian ini yang akhirnya kita melihat bahawa ia betul-betul satu projek bukan untuk hendak menyelesaikan masalah mengurangkan kemalangan jalan raya, hendak mengurangkan kadar kematian, rupanya ialah hendak menyelesaikan masalah syarikat yang ada hutang. Kemudian diberikan pelepasan cukai, kemudian diberikan peluang-peluang untuk mengambil wang rakyat melalui kutipan saman AES dan sebagainya.

Jadi, saya kira bahawa sesuatu yang perlu dilihat oleh kerajaan tentang kepentingan rakyat yang harus diutamakan bukan sahaja syarikat-syarikat yang perlu diberikan layanan tetapi saya minta bahawa pelaksanaan AES ini mesti ditangguhkan dengan segera kerana timbul berbagai-bagai, daripada hari demi hari ini timbul macam-macam cerita.

Sebelum ini saya timbul cerita, hari ini timbul pula Tan Sri Azman Yahya, timbul pula Ethos, Omar Mustapha Ong. Jadi terlalu banyak perkara yang sangat meragukan kita. Jadi kemalangan tidak kurang, yang kenyang depa. Jadi ia bukan mengurangkan kemalangan jalan raya tetapi ia mengurangkan hutang syarikat, menyelesaikan hutang syarikat ini. Bukannya menyelesaikan masalah kadar kemalangan jalan raya, tetapi ia menyelesaikan masalah hutang syarikat ini.

Jadi saya minta sekali lagi ditangguhkan. Tidak apalah kalau Perdana Menteri hendak umum dalam Perhimpunan Agung UMNO, hendak ambil imej tetapi yang pentingnya rakyat dapat. Saya setuju, saya rela, tidak ada apa masalah kalau Perdana Menteri hendak ambil *mileage* politik dalam Perhimpunan Agung UMNO ini untuk mengumumkan bahawa ditangguhkan AES ataupun paling tidaknya saman yang telah dikeluarkan untuk 14 kamera yang sudah dipasangkan, mesti dibatalkan kerana kerajaan sendiri mengatakan bahawa ini merupakan tempoh percubaan. Tidak apalah, umumlah dalam Perhimpunan Agung UMNO, perhimpunan mana pun, tidak apalah, umumlah.

Apa yang pentingnya bagi saya bahawa kepentingan rakyat itu mesti diutamakan dan yang pentingnya juga ialah selain daripada pengumuman penangguhan dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, ialah memperjelaskan apa yang saya bangkitkan tadi bagaimana syarikat yang mempunyai masalah kewangan, yang mengalami kerugian, syarikat ini pula ada kaitan dengan kepentingan-kepentingan yang dianggap orang yang rapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu-satu yang sangat perlu dijelaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya.

4.08 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa perkara pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ucapkan tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana kutipan cukai meningkat sebanyak 27 peratus pada tahun yang lalu.

Kedua, saya ingin sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri. Memandangkan 11.5 juta sahaja pekerja Malaysia, daripada 11.5 juta ini, 6.6 juta sahaja yang berdaftar dengan LHDN dan pembayar cukainya hanya 1.7 juta yang bayar cukai. Kadang-kadang saya melihat dalam masyarakat kita yang 1.7 juta bayar cukai ini adalah yang berdaftar. Ramai lagi orang-orang kaya melihat daripada cara hidup mereka, kereta yang mereka pakai, rumah mereka dan sebagainya, ramai lagi yang belum membayar cukai. Saya rasa ramai lagi rakyat Malaysia sepatutnya membayar cukai.

Sebagai rakyat, saya merasakan bahawa tanda patriotisme kita adalah di dalam kita membayar cukai. Sekiranya kita enggan ataupun kita melarikan diri daripada membayar cukai, kita bukanlah rakyat yang patriotik. Inilah nilai yang ditanam kepada rakyat Malaysia daripada kecil bahawa *you should be proud if you are a tax payer*. Barulah kita boleh mempersoalkan kerajaan, kegunaan duit-duit yang dikutip ini.

■1610

Saya bila berbincang dengan rakyat jelata, bila bercakap mengenai cukai, masing-masing mengelat ataupun enggan membayar cukai mengatakan- mungkin yang tidak layak itu satu perkara. Akan tetapi ramai yang mengatakan bahawa kalau cukai yang kita bayar ini, persepsi mereka, tanggapan mereka, pengamatan mereka, tidak digunakan dengan sebaik mungkin. Mereka melihat bahawa duit-duit kutipan ini, yakni cukai yang dikutip ini, dibelanjakan dengan tidak telus. Banyak kontrak yang diberi secara rundingan terus dan cakap-cakap ini berlegar di kalangan peniaga-peniaga, usahawan-usahawan dan pemilik-pemilik syarikat.

Baru-baru ini saya didatangi oleh seorang usahawan Melayu di dalam bidang perubatan, menjual alat-alat perubatan dan sebagainya kepada Kementerian Kesihatan. Dia sebenarnya dah tak tahu kepada siapa nak dicurahkan. Dia kata, "YB, boleh saya datang? Saya nak share dengan YB. Saya tak tahu kepada siapa lagi. Saya tahu YB tak boleh nak buat apa tetapi dengarlah." Cerita dia, tak tahulah ini Menteri boleh siasat betul atau tidak tetapi saya percaya. Ini kerana dia baru datang daripada satu mesyuarat pembelian ambulans daripada Kementerian Kesihatan telah diberi secara rundingan terus dan di belakangnya ada orang politik.

Dia kata, “YB, kurang-kurangnya kalau kita buat cara tender terbuka, kerajaan boleh menyelamatkan satu ambulans RM30,000 hingga RM50,000.” Jadi daripada situ, rasa terkilannya kenapa kerajaan perlu membayar dan ambulans ini pula katanya adalah spesifikasi tahun 2007, sekarang dah tahun 2012. Ambulans ini nak pakai 2013 dan spesifikasi yang diberi itu adalah spesifikasi lama. Ambulans ini pula bukan yang dipasang di Malaysia.

Sepatutnya mengikut peraturan, perlu dibeli daripada yang dipasang di Malaysia. Kita ada syarikat yang dipunyai oleh orang Malaysia yang memasang ambulans ini. Akan tetapi mereka tidak ada peluang untuk masuk tender untuk membekalkan kepada Kementerian Kesihatan kerana projek ini diberi secara runding terus, *direct nego*. Jumlah ambulansnya kalau tak silap saya, dikatakan 200 buah ambulans.

Jadi di sini, rakyat rasa kecewa bila kerajaan melakukan perkara-perkara yang begini, tidak telus. Pada masa yang sama, kita mengatakan kita nak rakyat kita, bumiputera terutamanya, untuk berkecimpung di dalam perniagaan, mendirikan syarikat-syarikat sendiri, mengukuhkan syarikat-syarikat sendiri. Akan tetapi sebenarnya yang bunuh syarikat bumiputera adalah kerajaan sendiri, kerajaan yang bertunjangkan UMNO Barisan Nasional kerana beri kepada orang-orang yang ada kaitan politik. Bayangkan apabila ini berlaku, akhirnya duit rakyat yang digunakan. Jadi rakyat rasa perlu apa saya membayar cukai kerana duit ini ataupun kutipan ini tidak digunakan dengan sebaik mungkin.

Di Selangor Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008 apabila Pakatan Rakyat mengambil alih negeri Selangor, kutipan zakat lebih kurang RM200 juta ke RM250 juta sahaja tetapi kini kutipan zakat ialah RM400 juta. Ini menunjukkan kepercayaan kepada ketelusan kerana zakat sekarang ia tidak lagi memberi mereka banyak disoal. Kalau ada rakyat yang kompelin tidak dapat zakat, maka Ahli-ahli Parlimen, ADUN-ADUN dan sebagainya akan mempersoalkan zakat. Kenapa seseorang yang layak daripada segi asnaf tak dapat zakat.

Jadi bila ketelusan ini ditunjukkan, koperasi-koperasi ataupun syarikat-syarikat membayar zakat. Walaupun zakat itu wajib tetapi saya nak cerita, mungkin jangan digunakan pula lepas ini, bahawa ada rakyat yang akan mengubah di mana dia membayar zakat melihat kepada ketelusan zakat itu sendiri. Pada satu masa dahulu mungkin ada yang bayar di Kelantan atau perlu bayar di Kedah dan sebagainya tetapi bila dia tengok mungkin telus di negeri-negeri lain, dia akan bawa.

Ada yang bayar kepada Perlis kerana Perlis memberi kebebasan kepada pembayar zakat yang sebahagian daripada zakat itu dia boleh, walaupun dia bayar kepada pusat zakat negeri masing-masing tetapi dia ada say. Dia boleh menentukan sebahagian daripada zakat itu kepada siapa dia nak beri. Ini kerana zakat itu sebenarnya boleh diberi kepada sesiapa yang ada di dalam asnaf. Akan tetapi sekarang oleh kerana kita ada undang-undang, enakmen-enakmen di mana zakat hanya boleh dikutip oleh pihak berkuasa negeri masing-masing, maka rakyat rasa ini hak dia nak bagi zakat kepada siapa. Akan tetapi oleh kerana ada enakmen ini, kecuali ada pengecualian macam Perlis, dia bagi sedikit kebebasan.

Kita bayar berapa ribu, dia kata okey berapa ribu ini awak boleh bayar kepada siapa yang awak nak bayar. Jadi makna dia, rakyat nak ada rasa melihat *good governance*. *Good governance* ini baru kepercayaan itu diberi kepada kerajaan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Raja, boleh saya mencelah sikit?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Alamak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang diPertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Zakat ini salah satu yang diwajibkan kepada orang Islam yang sampai had, masa, jumlah yang tertentu, berdasarkan hukum Islam. Jadi, saya minta janganlah dipolitikkan, janganlah. PAS ini, semua nak dipolitikkan. Tolonglah, hukum hakam Islam.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang bayar zakat, bukan pasal kerajaan negeri tersebut. Ini pusat kutipan zakat ini daripada Barisan Nasional memerintah Selangor lagi dah dikemaskinikan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey, terima kasih. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, janganlah. Minta maaflah PAS, semua hukum hakam kita nak politikkan. Tolonglah, berhentikan perkara-perkara yang seperti ini.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Apa masalahnya? Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya cuma nak beri satu analogi, yakni bila ada kebolehpercayaan kepada kerajaan negeri, pada Kerajaan Pusat, maka rakyat dengan mudah memberi, rakyat dengan senang hati tahu bahawa wang yang diberi, dibayar, tidak disalahgunakan. Kalau dibayar kepada Kerajaan Pusat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kota Raja, tak ada orang salah gunakan. Zakat ini terpulang kepada asnaf. Asnaf bukan soal kerajaan, soal hukum hakam Islam.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, yang bayar peguam dulu apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soal hukum hakam Islam. Soal siapa kerajaan, kita akan bayar kerana apabila kita telah sampai ke tahap kita wajib membayar zakat, kita bayar zakat. Bukan soal kerajaan, jangan politikkanlah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tak apa, kejap lagi Yang Berhormat Sri Gading boleh bangun dan bercakap. Tidak politikkan tetapi menunjukkan kebolehpercayaan rakyat negeri Selangor kepada kerajaan negeri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kemudian saya nak sebut lagi satu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya tak nak bagi jalan dah. Saya nak sebut lagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini Ledang, Ledang. Tolong, Ledang Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Di mana ketelusan kerajaan itu boleh menyelamatkan wang rakyat. Di negeri Selangor, ketelusan dalam beberapa projek.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kota Raja, penjelasan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sekejap, sekejap. Lepas saya bagi tahu, takut saya lupa fakta dia.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Okey.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ketelusan Kerajaan Negeri Selangor apabila membuat tender terbuka, sebanyak 63 projek dibuat secara tender terbuka telah boleh menyelamatkan RM102 juta. Ini menunjukkan bahawa apabila kita membuat urus tadbir, *good governance*, dengan sendirinya, *insya-Allah* rakyat akan lebih terbuka untuk membayar cukai. Kalau kita turun ke bawah kita tanya, rakyat kata buat apa bayar cukai, asyik masuk poket orang lain sahaja. Itu saya sebut sebagai contoh bahawa *good governance*, persepsi *good governance* itu sangat penting kepada rakyat untuk membayar cukai.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh sikit Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penghujahan Yang Berhormat Kota Raja sebentar tadi. Saya kalau memerhatikan 63 projek menyelamatkan RM102 juta yang kurang lebih, kalau kita dapat *savings*, kalau betul-betul *savings* ini dalam perolehan dan dalam pemberian kontrak secara tender terbuka.

On average performance dan prestasi Selangor, menyelamatkan 20 peratus daripada urus tadbir perolehan dan pemberian kontrak ini. Yang Berhormat Kota Raja, kalau kita sambungkan atau kita panjangkan kepada Kerajaan Pusat, maka kalau dengan RM200 juta sahaja, *there will be a savings*, dengan izin, sebanyak RM40 bilion. *This is serious* kalau kita lihat daripada sudut bagaimana dana dapat diselamatkan. Kalau kita benar-benar mengendalikan tadbir urus dengan *good governance* itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Selangor di atas huraian itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya nak pandang daripada sudut yang positif tentang hasil zakat meningkat tadi. Ini adalah seruan daripada pihak jabatan zakat bahawa mereka yang berniaga atau mendapat pendapatan daripada satu-satu wilayah digalakkan malahan hampir-hampir jatuh hukum bayar zakat di situ.

■1620

Kalau dahulu, Tabung Haji dia tidak bayar zakat di Johor. Tabung Haji dahulu tidak bayar zakat di Selangor, dia hanya bayar zakat di Kuala Lumpur. Akan tetapi sekarang tidak. FELDA juga bayar zakat di Selangor, FELDA bayar zakat di Johor. FELDA bayar zakat di Kelantan dan seterusnya mengikut tempat. Ini kesan daripada seruan demi seruan. *Alhamdulillah*, juga berlaku di Selangor. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Jabatan Zakat Selangor di bawah Jabatan Agama kerana berjaya menguruskan zakat sehingga meningkat seperti yang Yang Berhormat Kota Raja sebutkan tadi. Akan tetapi diiktiraf juga apa-apa tindakan yang di buat oleh Jabatan Agama, khususnya dalam soal mencegah maksiat, dalam soal pengawalan penceramah-penceramah yang tidak bertauliah dan sebagainya. Kita mesti mengiktiraf.

Nombor dua Yang Berhormat Kota Raja, ya lah dahulu saya banyak pengalaman bab tender terbuka ini atau sebut harga terbuka. Banyak juga silap matanya. Tender terbuka, sebut harga terbuka tetapi di jabatan berkenaan sudah ada pakat. Pakat-pakat. Okey, tender terbuka tetapi boleh dapatkannya dengan syarat bagi subkerja pada orang ini. Jadi, pada saya, terbukakah atau tidak terbukakah, atau pun *direct nego*, mesti menepati ciri-ciri atau pun spesifikasi tender itu sendiri. Maknanya, kalau *direct nego* pun tidak apa, asalkan harganya bersesuaian.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Faham, faham.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi, janganlah buat satu analogi RM42 juta dan sebagainya, Tidak ada, tidak ada!

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, terima kasih Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Figure* ini siapa-siapa boleh cipta.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Ledang, terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ledang. Saya setuju tentang tender terbuka boleh disalahgunakan. Malah saya sendiri bising apabila saya mendapat berita-berita mengatakan ada *kautim-kautim* ini daripada orang yang buat sebut harga dengan kontraktor.

Saya biasa juga bekerja di Kementerian Kesihatan. Kadang-kadang spesifikasi yang dipakai itu adalah spesifikasi syarikat yang dia sudah awal-awal *make up their mind*. Tender terbuka itu hanya satu sandiwara, satu wayang kulit. Apabila ini berlaku, kita lihat bahawa *kautim*, tidak *kautimnya*, mana-mana ada setuju, tidak setuju. Kalau dalam Kementerian Kesihatan senang sahaja. "*Okay, doctor you buy this, I send you for a conference*". *Alright. You* beli yang ini, *you* ada *commission*. Ada Yang Berhormat sekalian. Ya, saya setuju bahawa ia perlu telus. Itu sebabnya ketelusan *is the keyword*.

Ketelusan, *direct negokah*, apa kah, ia perlu telus. Kalau sebuah ambulans berapa, *what is the market price?* Apa *specs* yang menyebabkan kita dapat harga yang begitu mahal dan sebagainya. Saya tidak ada apa-apa yang saya hendak. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Ledang.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ramai pula. Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Raja. Saya rasa apa juga hujah yang memperlekehkan tender terbuka, tidak boleh digunakan untuk menutup keperluan tender terbuka ini. Tidak bolehlah pula kalau ada kelemahan di situ, kita kata *direct nego* lebih baik. Jadi, ini satu perkara yang tidak wajar.

Kita juga mengambil satu analogi Yang Berhormat Kota Raja. Kalau sesuatu NGO atau pun persatuan yang hendak membuat urusan-urusan membantu masyarakat Palestin. Misalnya, kalau mereka tidak berwibawa, tidak telus, tidak ada orang hendak bagi, tidak akan bagi sumbangan. Begitu jugalah yang dibawa oleh Kota Raja dalam konteks pengumpulan zakat. Orang boleh bagi zakat kepada jabatan, orang boleh beri zakat secara *direct* kepada asnaf-asnaf. Akan tetapi apabila dia tahu zakatnya dikendalikan dengan baik oleh jabatan, maka lebih ramai yang akan memberi kepada jabatan. Jadi, saya sangat menyokong pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Raja. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya hendak bergerak sedikit kepada tentang cukai pendapatan. Walaupun tahun ini Perdana Menteri telah mengumumkan ada penurunan 1 peratus dalam cukai pendapatan peribadi, persendirian. Saya melihat kepada satu aspek, saya tidak tahu sama ada rakyat Malaysia boleh menerima ini atau tidak. Kita mengenakan cukai hanya satu kadar yang *flat*, yang sama.

Orang *super richkah*, orang *hyper richkah*, sama dengan kakitangan kerajaan yang mungkin pendapatannya hanya beberapa ribu sebulan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada, ada cadangan, ada kajian yang dibuat di mana kadar cukai itu mestilah berkadar dengan *net income* atau pun pendapatan bersih seseorang itu. Jadi, orang kaya bayar lebih, orang yang kurang kaya, bayar kurang sedikit. Apakah minda LHDN dalam perkara ini?

Saya juga ingin bertanya tentang pelaksanaan GST dan kita sekarang ini sudah kena *sales and service tax*. Kita tahu setiap perkara masuk ke kedai makan, restoran dan semua sudah dikenakan. Kita sudah baca GST ini dua kali dah. Bilakah GST ini atau pun tunggu lepas pilihan raya ini, bila BN mungkin akan dibuat. Akan tetapi *insya-Allah*, kalau Pakatan menang, dia tidak akan buat lagi. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri, dalam BR1M 1.0, ada rumah...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kota Raja, sedikit.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kenapa popular sangat hari ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tentang GST. Begini Yang Berhormat Kota Raja, kami belum kata hendak setuju. Kita sedang mempertimbangkannya sebab banyak elemen-elemen perlu dilihat. Akan tetapi kita juga harus melihat tentang baik dan buruknya. Kita tidak boleh kata terus buruk sebab kalau di Asia Tenggara yang tidak ada GST ini cuma negeri mana? Cuma negeri Brunei, kita faham Brunei dan negara Myanmar sahaja.

Kemboja ada GST, Vietnam ada GST. Akan tetapi kita kena tengok yang pentingnya sama ada GST dan bukan GST ialah tidak ada ketirisan dalam pembayaran cukai. Itu paling penting sekali. Jangan tolak atau sangka buruk terus.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, kami Pakatan tidak kata kami tidak setuju terus. Kita hendak beberapa syarat dipenuhi dahulu. Di antaranya ialah pendapatan rakyat itu perlu dipertingkatkan dahulu. Kita tidak mahu rakyat daripada kumpulan rendah, berpendapatan rendah, terpaksa membayar GST dan membebankan mereka. Itu sahaja. Kita tidak menolak terus. Kita tahu GST ialah *tax* yang diguna pakai oleh kebanyakan negara. Akan tetapi kita harus membuat persiapan dan rakyat perlu diberi penjelasan dan pelaksanaannya adalah pelaksanaan adil.

Selagi kerajaan tidak dapat menunjukkan bahawa perkara ini telah dilaksanakan, maka saya ingat selagi itu rakyat tidak boleh menerima GST. Mengenai BR1M tadi Yang Berhormat Menteri, saya masuk sedikit. Saya hendak penjelasan, adakah BR1M ini diberi kepada ketua rumah atau kepada individu-individu? Saya ada beberapa rekod pengakuan daripada sesetengah isi rumah, emak dapat, ayah dapat, anak dapat. Jadi, adakah ini pelaksanaannya? Pelaksanaan BR1M itu sendiri sama ada menepati kepada sasaran.

Kalau kita kata sebab biasa pula rakyat datang kata, 'Suami saya dapat BR1M, saya tidak dapat'. Saya kata, 'Ini adalah untuk isi rumah'. Dia kata, 'Dia belanja seorang-seorang, dia tidak bagi kepada saya.', kata si isteri. Jadi, bila begitu alasan yang diberi oleh individu-individu ini, maka saya pun mungkin inilah pelaksanaannya. Di mana diberi kepada semua individu-individu yang berpendapatan rendah dan tidak bekerja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan dasar untuk Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2012. Seperti yang saya telah katakan, rang undang-undang ini adalah untuk membolehkan pelaksanaan langkah pencegahan yang lebih umum dalam Bajet 2013 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi jawapan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu berapa banyak syarikat asing yang mendapat manfaat sebelum wujud Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap ini?

■1630

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Akta LLP diwujudkan, mana-mana syarikat asing yang mahu menjalankan perniagaan di Malaysia perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Akta LLP ini diwujudkan bagi memberikan alternatif baru untuk menjalankan perniagaan di Malaysia selain daripada berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Setakat 31 Oktober 2012, terdapat 4,477 syarikat asing berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965.

Yang Berhormat Jasin ada tanya adakah derma yang diberi kepada sekolah agama rakyat atau sekolah tahfiz juga layak mendapat potongan cukai. Untuk makluman Yang Berhormat, derma kepada sekolah agama rakyat boleh mendapat potongan di bawah subseksyen 44(6) jika diluluskan iaitu derma boleh diberikan bagi tabung pembinaan atau derma untuk operasi dan pengurusan sekolah agama.

Yang Berhormat Indera Mahkota tanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah kehilangan hasil cukai secara tidak terancang. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap negara menghadapi masalah *tax gap*, dengan izin. *Tax gap* bermaksud perbezaan di antara cukai yang patut dikutip dengan cukai yang sebenar dikutip atau dengan izin, *the different between how much taxes that ought to be collected and what actually is collected*. *Tax gap* di negara-negara maju ialah 10 peratus hingga 15 peratus. *Tax gap* di negara-negara sedang membangun ialah 20 peratus hingga 25 peratus. Memang Malaysia juga menghadapi *tax gap* 20 peratus. Pindaan akta-akta percukaian di bawah rang undang-undang ini adalah salah satu langkah untuk mengurangkan *tax gap* dan mengurangkan kehilangan hasil cukai. Setiap tahun kerajaan meminda Akta Cukai untuk tujuan ini.

Yang Berhormat Indera Mahkota telah mencadangkan agar kerajaan menghapuskan semua kos faedah pinjaman perumahan bagi semua pembeli projek perumahan terbengkalai. Untuk...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum berpindah pada topik lain.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Topik mana?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekarang fasal kos faedah keuntungan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Belumlah, saya jawab dahulu. Kasi saya jawab dahulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak, sebelum ini Yang Berhormat ada sebut tadi ada *tax gap*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya bangkitkan tadi bukannya aspek penaksiran.

Apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan itu saya faham, itu aspek penaksiran. Maksudnya kalau sesebuah syarikat perniagaan atau perseorangan ditaksir secara macam itu, itu sahaja yang perlu dibayar.

Saya bangkitkan tentang kenapa kerajaan kita membuat polisi lebih memberi pengecualian, memberi insentif, memberi galakan dan sebagainya yang sifatnya itu terlalu melangkaui jangkauan percukaian, sebagai contoh beri sepuluh tahun, 15 tahun dan sebagainya? Ini secara terang-terang menyebabkan kita kehilangan hasil kerana polisi tapi kehilangan hasil disebabkan oleh manipulasi sistem cukai itu perkara berlainan. Itu sudah dikira sebagai *tax evasion* ataupun *omission*.

Itu perkara yang lain. Itu masih boleh diperbaiki. Yang ini kita tidak boleh buat apa-apa kerana kerajaan telah pun cadang dan luluskan insentif-insentif itu kepada syarikat-syarikat asing terutamanya. Ini saya maksudkan dan ini menyebabkan nilai hasil yang kita kecualikan, kita lepaskan itu terlalu tinggi dan inilah yang menjadi isu besar sekarang kerana aspek kehilangan hasil negara kita dilihat berpunca daripada keputusan kerajaan sendiri beri pengecualian dan sebagainya sedangkan negara lain Tuan Yang di-Pertua, sedang merumuskan polisi untuk memperketatkan hal ini.

Sebagai contoh yang ringkas sahaja, Kerajaan China sendiri pun telah memperketatkan usaha untuk hilang hasil. Kerajaan China sanggup untuk kenakan duti ataupun bayaran atas kos visa sahaja daripada RM60 kepada RM400 sekarang. Tujuannya apa? Tujuannya hendak mengelakkan daripada kehilangan hasil kepada negara China. Kalau hendak pergi juga, pergilah tapi bayar mahallah. Mereka sanggup buat polisi untuk mengurangkan kehilangan hasil negara. Akan tetapi kita ini tawarkan lebih banyak, lebih banyak kepada orang asing untuk dapat pengecualian ataupun mengurangkan cukai yang mereka kena bayar. Dalam masa yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita cekik rakyat kita supaya bayar lebih. Ini persoalannya. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Mengenai isu insentif cukai yang diberi, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini insentif cukai dipertimbangkan dan diproses di dalam Jawatankuasa Mengenai Pelabur di MIDA. Wakil dari Kementerian Kewangan, MITI, LHDN, EPU, Bank Negara dan MIDA akan pertimbangkan permohonan syarikat. Setiap permohonan akan diproses dengan teliti. Oleh itu, syarikat hendaklah memberi justifikasi atas permohonan iaitu dengan menyatakan saiz pelaburan, perwujudan peluang pekerjaan, nilai eksport dan kesan berganda kepada ekonomi. Insentif cukai hanya diberi kepada industri yang menawarkan nilai tambah yang tinggi dan diberi tertakluk kepada syarikat menjalankan aktiviti atau menghasilkan produk yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Yang Berhormat Indera Mahkota mencadangkan agar kerajaan menghapuskan semua kos faedah pinjaman perumahan bagi semua pembeli projek perumahan terbungkalai. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam menangani projek perumahan terbungkalai yang mendapat pembiayaan daripada institusi-institusi perbankan, Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan susulan dan berurusan dengan institusi-institusi perbankan berkaitan untuk memastikan rayuan peminjam-peminjam yang terbabit diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Institusi-institusi perbankan berkenaan secara amnya akan memberi fleksibiliti kepada para peminjam bagi kes-kes projek terbungkalai seperti berikut:

- (i) memberi pertimbangan ke atas pelupusan sebahagian faedah tertunggak;
- (ii) menghentikan tindakan undang-undang untuk peminjam yang bersetuju untuk menyusun semula atau menjelaskan baki tertunggak untuk akaun pinjaman mereka;
- (iii) membenarkan pembayaran semula secara berperingkat;
- (iv) melanjutkan tempoh pembayaran;
- (v) mengurangkan amaun ansuran bulanan;
- (vi) pelupusan faedah bagi peminjam yang membuat penyelesaian penuh atau pembayaran sekali gus; dan

(vii) mengurangkan kadar faedah pinjaman yang dikenakan.

Selain daripada fleksibiliti di atas, pengecualian duti setem ke atas surat cara perjanjian pinjaman bagi tujuan pembiayaan tambahan dan surat cara pindah milik asal akan diberi kepada pembeli asal rumah terbengkalai apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Ini akan meringankan lagi beban kewangan pembeli-pembeli rumah yang terbabit.

■1640

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dimaksudkan dalam cadangan tadi kerana saya berdasarkan kepada cadangan kerajaan yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan. Dikatakan untuk tujuan perumahan terbengkalai ini, kerajaan cadang kerana melihat aspek ketidakadilan ini kerajaan cadang untuk mengecualikan kos faedah. Pendapatan kos faedah dan dicadangkan kepada kontraktor penyelamat dan juga dicadangkan kepada syarikat institusi kewangan yang menaja tadi. Akan tetapi kepada pembeli rumah itu tidak ada. Di tangan saya sekarang ini memang ada cadangan itu disebut. Kepada kontraktor penyelamat. Maksudnya kontraktor.

Potongan dua kali ke atas bayaran faedah dan semua kos yang terlibat. Maknanya dua kali. Kalau dua kali diberi kepada kontraktor, tidak mungkin tidak boleh diberi satu kali kepada pembeli rumah yang teraniaya kerana mereka terpaksa bayar rumah yang tidak wujud atau tidak ada kerana terbengkalai. Bukan itu sahaja, mereka terpaksa membayar kos faedah atas pinjaman. Ini yang saya minta supaya diberi pertimbangan. Sudah dua *level* kementerian. Satu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya akui dan saya ucap terima kasih kerana Menteri sendiri kata kerajaan tidak mampu buat. Tidak apa. Sekarang Timbalan Menteri Kewangan kata perkara ini seolah-olah macam telah diberi kepada pembeli rumah terbengkalai.

Saya baca ini. Di tangan saya ada. Memang layanan diberi kepada kontraktor sampai dua kali potong. Kepada institusi kewangan, pengecualian duti setem atau surat cara kepada siapa? Kepada pemilik tanah iaitu pemaju perumahan dan juga kepada institusi perbankan yang memberi pinjaman. Dalam isu ini, saya katakan lagi sekali, tujuan saya bangun untuk sebut perkara ini ialah untuk minta dipertimbangkan kepada pembeli rumah dan bukannya pemaju dan bukannya kontraktor. Golongan ini kita sudah tahu sudah dapat pengecualian. Tidak mungkin mereka rugi punya. Ini kerana yang beli rumah itu ialah rakyat biasa. Sebab itu saya minta lagi sekali kalau betul-betul.

Okey, kali terakhir. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak mahu buat, cakap tidak mahu buatlah. Jangan buang masa kita banyak kali ulas perkara yang jadi panjang-panjang. Pokoknya satu. Kerajaan setuju atau tidak kecualikan kos faedah atas pembeli rumah yang rumah itu terbengkalai? Itu sahaja soalan. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Indera Mahkota ini selalu *repeat*. Saya sudah dengar. Cukup, cukup! Saya sudah dengar. Macam itu rekod. Rekod banyak kali.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tidak buat, tidak buat. Tidak buat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Memang seperti yang telah dibentang dalam Bajet 2013, kita memberi insentif pertama kali untuk kontraktor yang menyelamatkan skim yang terbengkalai. Ini adalah kerana bukan banyak kontraktor hendak campur tangan dalam skim seperti itu. Saya pun biasa sebagai kontraktor saya tahu. Bukan senang untuk mereka hendak buat balik skim yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat tadi ada satu cadangan. Saya akan panjangkan cadangan itu kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan. Okey, cukup?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun kata hendak panjangkan juga. Jadi panjang sana, panjang sini. Tidak ada apa.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Cukuplah. Duduk, duduk. Yang Berhormat Indera Mahkota ada bangkitkan isu. Kalau kerajaan beri banyak insentif cukai kepada syarikat, kutipan hasil cukai akan terjejas dan defisit akan berterusan. Oleh itu perlu memperkenalkan *Alternative Minimum Tax* (AMT).

Untuk makluman Yang Berhormat, AMT ditakrifkan sebagai satu kadar cukai minimum yang dikemukakan kepada mereka yang menikmati insentif cukai dan oleh itu tidak perlu bayar cukai. Kerajaan juga telah membuat kajian sama ada perlu memperkenalkan AMT di Malaysia. Walau bagaimanapun, didapati AMT adalah tidak sesuai diperkenalkan atas sebab-sebab berikut:

- (i) menjadikan sistem percukaian semasa lebih kompleks;
- (ii) menyusahkan pembayar cukai untuk mematuhi peraturan cukai. Ini disebabkan pembayar cukai hendaklah menyediakan pengiraan cukai dalam dua format berasingan untuk menentukan jumlah cukai yang perlu dibayar;
- (iii) meningkatkan kos pematuhan cukai bagi pembayar cukai;
- (iv) meningkatkan kos pentadbiran cukai LHDN; dan
- (v) pelabur asing bersaing untuk mendapatkan FDI.

Kalau ada AMT, FDI akan alihkan kepada negara-negara yang tiada AMT; dan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh saya tanya sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri beralih...

Dato' Donald Lim Siang Chai: Berikutnya:

- (vi) insentif cukai hanya diberi selepas kerajaan membuat *cost benefit analysis* yang komprehensif. Insentif cukai diberi untuk:
 - (a) mendorong industri strategik sebagai contoh MSC;
 - (b) mengimbangkan pembangunan kawasan iaitu kawasan melalui koridor seperti *East Coast Economic Region* (ECER) seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang;
 - (c) mengurangkan pengangguran; dan
 - (d) mempercepatkan perpindahan teknologi.

Yang Berhormat ada tanya agensi yang akan melaksanakan GST jikalau ada dilaksanakan. Agensinya adalah Kastam Diraja Malaysia pada masa ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah topik. Boleh, ya?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sebelum berpindah kepada GST tadi. Cadangan AMT itu bukan saya kata, saya pun faham AMT dilaksanakan di negara-negara maju. Saya tidak kata minta suruh dilaksanakan *exactly* macam itu. Tidak! Kita perlu mengambil kira keperluan dalaman. Saya yakin Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dapat penerangan daripada pegawai-pegawai yang bertugas, yang berfungsi sebagai pengutip ataupun pelaksana sistem cukai ini. AMT yang dimaksudkan ialah apabila sesuatu perniagaan.

Saya tidak pernah merujuk kepada individu. Ini kepada perniagaan *conglomerate* ataupun juga syarikat-syarikat korporat yang berada dalam negara kita kerana mereka inilah penyumbang cukai yang orang kata *sustainable tax* kepada negara kita. Golongan ini. Itu memang kita faham. Apa yang saya bangkitkan ialah kadang-kadang mereka ini boleh sampai tidak payah bayar cukai langsung sebab kita bagi macam-macam kepada mereka.

Ini adalah tidak adil kerana Timbalan Menteri pun tahu orang perseorangan yang makan gaji sebagai pegawai kerajaan atau sebagainya, mereka ini satu sen pun tidak boleh ada insentif atau pengecualian walhal mereka kena bayar dulu pun. Sebelum taksiran dikeluarkan, mereka sudah kena potong setiap bulan. Maka dari segi pematuhannya Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang makan gaji dalam negara kita terutama pegawai kerajaan, mereka ini lebih patuh berbanding dengan syarikat korporat ataupun syarikat-syarikat luar atau sebagainya.

Ini kerana AMT inilah kita cadangkan untuk menyebabkan mereka ini jangan lebih bawah daripada itu. Bukannya hendak kata hendak menyusahkan mereka. Bukan tujuannya menyusahkan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya rasa mereka boleh laksanakan lebih mudah kerana ada sistem ini. Tidak bolehlah rendah daripada yang sepatutnya. Kalau tidak semua orang tidak payah bayar cukai. Itu maksud saya. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat Indera Mahkota ada bertanya mengenai kes di bawah *task force* yang telah ditubuhkan oleh AG, LHDN, Bank Negara Malaysia, kastam, Polis Diraja Malaysia dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat *task force* ditubuhkan sampai sekarang, jumlah kes yang disiasat adalah 148 kes dan jumlah kutipan adalah sebanyak RM240 juta. Yang Berhormat Indera Mahkota ada bertanya sistem untuk pengendalian cukai LHDN. Untuk makluman Yang Berhormat, LHDN sudah mempunyai sistem untuk mengenal pasti kes-kes pengendalian cukai.

■1650

Setiap tahun lebih kurang 20 peratus pembayar cukai telah diaudit dan taksiran tambahan dibangkitkan dan penalti dikenakan ke atas pengendalian cukai. Yang Berhormat Tangga Batu ada bertanya tentang bayaran zakat. Untuk makluman Yang Berhormat, zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sementara cukai pendapatan di bawah Kerajaan Persekutuan. Jika kadar zakat sama dengan cukai pendapatan maka semua cukai pendapatan menjadi hasil kerajaan negeri jika mereka membayar zakat. Oleh sebab itu, kita mesti menimbangkan had peratusan supaya Kerajaan Persekutuan boleh dapat pendapatan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Kuala Selangor bertanya rasional pembelian insentif cukai kepada industri *oil and gas* misalnya *marginal field*. Untuk makluman Yang Berhormat, insentif cukai yang menarik perlu untuk menarik pelabur dalam kawasan-kawasan *marginal field* melibatkan perbelanjaan modal atau *capex* yang lebih tinggi berbanding kawasan-kawasan biasa. Risiko juga tinggi, tanpa insentif cukai yang menarik kawasan-kawasan *marginal field* tidak akan dimajukan.

Yang Berhormat Pasir Salak dan juga Yang Berhormat Tangga Batu ada bertanya mengenai isu...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit Timbalan Menteri. Saya tidak bertanya tentang *marginal field* Tuan Yang di-Pertua kerana itu adalah ulangan kepada perbincangan yang telah saya kemukakan yang lalu. Saya ingin bertanyakan adalah tentang perlu dibezakan di antara dua kumpulan syarikat yang membawa kepada cari gali dan yang memberi *services* dalam industri *oil and gas* khususnya yang dibawa kepada *value added services*. Ini yang perlu dibezakan.

Lalu segala apa intensif yang diberikan itu sesuai dan wajar diberikan kepada kelompok yang kedua, yang menambahkan insentif ataupun menjana kita sebagai satu *hub oil and gas* tetapi tidak kepada syarikat-syarikat yang mengusahakan cari gali seperti yang saya sebutkan. Itu persoalan yang dibangkitkan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya hendak ulang sekali iaitu apa yang kita bentang di dalam Bajet 2013 iaitu untuk *hub* dagangan minyak dan gas. Insentif cukai bagi pelabur dalam aktiviti penapisan produk petroleum, pengecualian cukai pendapatan 100 peratus untuk tempoh sepuluh tahun. Dua, pengecualian cukai pegangan. Tiga, pengecualian duti setem iaitu memang ini kita akan memberi dan projek pelabuhan minyak dan gas iaitu *Petronas Refinery* dan *Petronas Refinery and Petrochemical Integrated Development (RAPID)*, terminal minyak dan gas di Johor, sekitar Sabah dan loji digasifikasi di Melaka. Okey Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pasir Salak dan Tangga Batu bertanya mengapa Bank Negara tidak mengambil tindakan ke atas Geneva sehingga ia melibatkan pelabur yang ramai dan jumlah pelaburan mencecah berbilion ringgit.

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti perniagaan jual beli emas tidak termasuk di bawah pengawalan dan penyeliaan Bank Negara Malaysia tetapi apabila cara perniagaan jual beli emas ditokok tambah dengan unsur-unsur pelaburan, pelan pemasaran dan sebagainya ianya boleh menjurus kepada skim cepat kaya, pengambilan deposit tanpa lesen, skim piramid, skim pelan pemasaran bertingkat, skim pelaburan haram, penipuan dan lain-lain yang melanggar peruntukan undang-undang di bawah akta-akta yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan juga agensi penguatkuasaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan lain-lain.

Sebarang tindakan penguatkuasaan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi penguatkuasaan hanya boleh diberi setelah didapati terdapat sebab-sebab yang boleh dipercayai bahawa sesuatu kesalahan telah dilakukan. Ini bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan yang terburu-buru atau melulu yang mungkin boleh menjejaskan perniagaan yang sah.

Ada sesetengah masyarakat yang pada mulanya menjalankan perniagaan yang sah dan tidak melanggar apa-apa peruntukan undang-undang tetapi telah menukar cara perniagaan, menjalankan untuk mendapatkan modal dan keuntungan dengan cara yang cepat dan murah hingga melanggar peruntukan undang-undang.

Yang Berhormat Wangsa Maju ada bertanya pengendalian cukai oleh syarikat luar negara iaitu Neway Karaoke Group dari Hong Kong ke Malaysia telah menarik RM32 juta cukai. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh membuat laporan secara formal sekiranya mengetahui sebarang kes penarikan cukai untuk LHDN lakukan penyihasatan. Walau bagaimana pun Yang Berhormat telah memberitahu di dalam Dewan yang mulia ini, LHDN akan berhubung dengan Yang Berhormat untuk mendapat maklumat dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Pokok Sena...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bilakah pegawai LHDN...

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat hanya tanya pada masa ini. Tunggulah sedikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Hendak esok kah? Esok ada maklumat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekarang pun boleh.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Hebatlah ini. Pegawai ada.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekarang pun boleh. Takutnya pegawai LHDN tidak ada masa sahaja.

Dato' Donald Lim Siang Chai: [Ketawa] Ada. Kita sudah janji, kita akan ambil tindakan sewajarnya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Atau pegawai-pegawainya tidak berminat dalam perkara ini.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tidak adalah. Mereka tidak boleh jawab. Jangan cakap begitu. Berilah *chance* sedikit.

Yang Berhormat Pokok Sena tanya beri banyak pelepasan insentif cukai kepada syarikat tetapi mengenakan cukai kepada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan ini kurang tepat, daripada jumlah rakyat 28 juta orang hanya 1.78 juta orang sahaja membayar cukai kepada kerajaan iaitu RM20 bilion iaitu lebih kurang 12 peratus jumlah *revenue* negara kita.

Kerajaan juga telah memberi dua puluh jenis pelepasan cukai iaitu seperti komputer, buku, insurans dan sebagainya dan dua rebet cukai kepada individu sehingga sebahagian besar pekerja tidak di beban dengan keperluan membayar cukai. Dalam Bajet 2013 juga kerajaan telah mengurangkan kadar cukai satu mata, peratusan bagi anggaran pendapatan bercukai, *rechargeable income* bank sehingga RM50,000.

Yang Berhormat Kota Raja ada tanya, ada orang kaya yang tidak bayar. Untuk makluman Yang Berhormat boleh lapor kepada LHDN untuk disiasat kalau ada maklumatlah seperti Wangsa Maju pun serupa.

■1700

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat ada sistem *reward* tidak kepada orang yang melaporkan?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Yang Berhormat hendak?... [Ketawa]

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak sebab ini memberikan...

Dato' Donald Lim Siang Chai: Boleh kasi lebihlah kalau Yang Berhormat hendak.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Adakah tidak, itu soalan yang terus, tidak ada main-main.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Apa yang mustahak ialah itu maklumat mesti tepatlah, jangan buat laporan yang salah. Itu boleh kena hukumlah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila kita maksudkan dengan maklumat yang tepat, adakah kita perlu memperincikan makna dia, pendapatan dia berapa dan sebagainya? Adakah tidak memadai sekiranya laporan itu menyebut yang si anu tinggal di tempat ini, rumahnya alamat ini dan kita pasti bahawa itu adalah hartanya. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasihlah Yang Berhormat. Kita memang ada *guideline*. Kalau Yang Berhormat berminat, Yang Berhormat boleh memberitahu pegawai atau kakitangan LHDN lah. Kita ada syarat yang tertentu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bagi insentif sedikitlah kepada pemberi maklumat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Bolehlah Yang Berhormat, bolehlah. Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Indera Mahkota ada tanya mengenai syarikat AES mendapat insentif cukai dan bentuk elaun model dipercepatkan kerana pemasangan kamera AES. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat pengendali AES tidak layak menerima insentif elaun model dipercepatkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat kerana aktiviti kawalan keselamatan jalan raya bukannya salah satu aktiviti yang digalakkan seperti ICT, MSC *Industrial*, strategik atau untuk koridor.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat kata saya tidak sempat tadi, Yang Berhormat kata mereka tidak menerima apa-apa pengecualian. Kalau mereka memohon?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Jika mohon baru saya beri jawapanlah Yang Berhormat... [Ketawa] Yang Berhormat Ledang ada buat cadangan supaya kutipan cukai ditingkatkan setiap tahun dan macam mana kutipan LHDN dalam cukai pada masa ini? Untuk maklumat Yang Berhormat sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan kepada LHDN meningkat setiap tahun. Jumlah yang dikutip oleh LHDN adalah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya memberi angka di sini tahun 2010 kutipan bersih ialah RM79 bilion, tahun 2011 kutipan adalah RM102.2 bilion, untuk tahun 2012 kutipan adalah RM116.8 bilion.

Yang Berhormat Kota Raja ada tanya kadar cukai adalah *freight rate* sama ada orang kaya atau orang miskin atau pegawai kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kenyataan ini kurang tepat. Kadar cukai pendapatan individu adalah progresif di antara 0 peratus hingga 26 peratus. Pendapatan rendah dikenakan kadar rendah, pendapatan tinggi dikenakan kadar 26 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan saya boleh, dalam peringkat dasar ini. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 39 -

Tuan Pengerusi: Ada Yang Berhormat hendak bercakap? Sila Yang Berhormat Indera Mahkota.

5.05 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan dengan Fasal 4 iaitu takrifan berkenaan *business trust*. Saya dapati di dalam pembentangan yang lalu kita ada membuat takrifan. Ada dua jenis takrifan yang diberi atas *business trust* iaitu kita mentakrifkan pelabur budiman. Dalam Lampiran 12 juga ada disebut berkenaan dengan takrifan pelabur budiman dalam meneliti apakah status yang akan diberi kepada skim-skim ataupun juga amanah perniagaan yang akan dibentuk dan juga ditakrifkan sebagaimana yang kita cadangkan dalam pindaan akta ini.

Tuan Pengerusi, di bawah fasal 16 iaitu untuk mengurangkan tempoh tuntutan tambahan kepada syarikat atas tujuan kerugian. Dalam fasal 16 ini apa yang saya faham ialah kita memberi kelonggaran kepada syarikat ini untuk diteliti semula atas permintaan mereka ini untuk tuntutan tambahan atas kerugian. Kalau dahulu syarikat ini masih boleh disiasat atau diteliti kerana mereka mengatakan mereka mengalami kerugian, jadi mereka tidak perlu membayar cukai dalam tempoh enam tahun. Sekarang kita kurangkan kepada lima tahun bermakna tahun keenam mereka tidak boleh lagi dipertikai atas alasan maksudnya dalam tuntutan kerugian yang tidak betul daripada syarikat yang berkaitan.

Saya faham perkara ini memberi faedah kepada syarikat tersebut. Maknanya tuntutan atas sebab mereka ini mengalami kerugian kita tidak boleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak boleh lagi membetulkan kedudukan ini selepas lima tahun sahaja. Dahulu enam tahun sekarang dikurangkan kepada lima tahun.

Saya juga melihat di bawah fasal 20 iaitu mentakrif *foreign fund* iaitu *management company* yang berbangkit daripada Akta Pasaran Modal. Kesemua perkara ini digariskan untuk tujuan pelaksanaannya pada tahun taksiran 2012 iaitu untuk tahun asas 2011, maksudnya yang diawalkan setahun.

Secara keseluruhan saya hendak tahu kenapa ada banyak pindaan yang berkuat kuasa ini diletakkan sehingga tarikhnya 1 Januari 2014. Tidakkah sepatutnya kita berbincang tentang pindaan rang undang-undang untuk tempoh penguat kuasa seawal tahun depan maknanya tahun 1 Januari 2013. Apa perlu kita bawa pindaan undang-undang dalam Dewan ini untuk tujuan penguatkuasaan dia tahun 2014 maksudnya lagi dua tahun, tetapi kita bawakan sekarang. Adakah penguatkuasaan ataupun kuat kuasa, tempoh yang kita bawa ini hanya tujuan untuk memberitahu yang kita bersedia untuk membuat pindaan. Sedangkan dalam keadaan nyata perkara ini masih belum berkuat kuasa ada masa dua tahun daripada sekarang untuk berkuat kuasa.

■1710

Bukankah lebih elok kalau pindaan ini dibawa tahun hadapan ataupun dipilih pada tempoh lain kerana sebagai contoh daripada fasal-fasal 20 sehingga fasal 37, fasal 36, semuanya mengatakan bahawa tarikh kuat kuasa diletakkan sehingga 1 Januari 2014. Saya rasa ada banyak pengecualian yang dicadangkan semasa pembentangan belanjawan itu tidak digambarkan atas pindaan ini. Jadi mungkin pindaan ataupun cadangan-cadangan yang dibentangkan dalam belanjawan tempoh hari memerlukan satu pindaan di waktu lain barangkali. Sebagai contoh untuk galakan cukai kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan. Saya semak dalam ini Tuan Pengerusi, tidak ada fasal-fasal yang menyebut khas tentang pengecualian tersebut. Tidak ada.

Saya juga melihat di bawah perkara berkenaan dengan pindaan duti setem juga tidak ada perkara ini disebut khusus tentang cadangan untuk pengecualian terhadap duti setem kepada surat cara perjanjian untuk perumahan terbengkalai. Tidak ada dalam fasal-fasal yang kita bentangkan pada kali ini. Ini semua yang secara langsung merujuk kepada kepentingan orang ramai atau kepentingan orang kebanyakan.

Walau bagaimanapun, untuk pengecualian yang diperuntukkan kepada pendapatan dana ekuiti untuk galakan ke atas penerbitan agro-sukuk runcit dan bon runcit nampaknya ada diberi penjelasan yang khusus di bawah fasal-fasal yang disebutkan daripada fasal 1 sehingga fasal 39. Jadi di manakah sebenarnya pindaan yang dibuat dalam akta, Rang Undang-undang Kewangan 2012 ini yang menyebut tentang kaedah kita melaksanakan isu-isu atau cadangan yang telah kita bawa dan dipersetujui di peringkat pembentangan belanjawan tempoh hari.

Saya juga rasa tanpa satu cadangan yang jelas di bawah fasal-fasal yang ada, saya tidak rasa kita boleh laksanakan seperti sebagai contoh, Lampiran 6 Tuan Pengerusi yang kita takrifkan sebagai *angel investor* ataupun pelabur budiman. Di dalam keterangan ini dijelaskan dengan nyata siapa itu pelabur budiman yang dikatakan mempunyai taraf, mempunyai hubungan secara individu dengan syarikat teroka sebelum membuat pelaburan. Saya melihat definisi yang ada dalam pembentangan ini tidak langsung menyebut tentang maksud pelabur budiman. Dalam lampiran yang disediakan ini seolah-olah pelabur budiman ini terdiri daripada orang perseorangan yang dikatakan mempunyai hubungan yang rapat untuk membuat pelaburan.

Ada dikata di sini, "*...adalah individu yang bersedia untuk mengemukakan atau membuat pelaburan sebanyak tidak kurang daripada RM180,000 dan merupakan pemastautin.*" Ada juga disebut sebagai semua saham dalam syarikat teroka mestilah dibayar secara tunai. Maksudnya tidak kurang RM180,000 ini dibayar secara tunai dan takrifannya juga dikata sebagai jumlah pendapatan terkumpul yang tidak melebihi RM5 juta dan mempunyai *track record* sebanyak tidak kurang daripada tiga tahun secara berturut-turut. Jadi cara kita menggambarkan atau mentakrifkan pelabur budiman ini langsung tidak ada dalam aspek kita cadang untuk pengecualian cukai terhadap pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengan takrifan ini Tuan Pengerusi.

Begitu juga dengan kajian semula kepada galakan cukai bagi pengusaha pelancongan. Saya tidak nampak ada satu patah perkataan pun yang merujuk kepada perkataan pengusaha pelancongan dalam cadangan kita daripada fasal 4 sehingga fasal 37 yang menyebut tentang galakan yang diberi kepada pengusaha pelancongan.

Jadi saya bimbang kerana takrifan ini akan disalahgunakan. Ini kerana di bawah cadangan yang kedua ada disebut di sini pengecualian cukai 100 peratus ke atas pendapatan berkanun yang diperoleh daripada perniagaan kendalian pakej pelancongan di Malaysia yang dikatakan ada dua keadaan di mana boleh membawa masuk 750 orang pelancong dalam satu pakej dan satu kumpulan. Juga satu lagi dikatakan 1,500 orang pelancong tempatan setahun. Dua-dua ini diberi pengecualian cukai 100 peratus atas pendapatan berkanun. Juga saya tidak nampak ada satu pindaan yang dibuat untuk merujuk kepada pengecualian ini.

Saya juga minta supaya antara fasal yang kita bincangkan sekarang ini termasuk juga yang dibuat pindaan. Saya faham ada pindaan dikemukakan dalam fasal 40. Akan tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Timbalan Menteri, di manakah tentang fasal yang menyebut tentang takrifan insentif galakan yang diberi kepada pusat jagaan kanak-kanak. Ini juga tidak terkandung dalam cadangan ini. Ada penerangan tentang kenaikan kadar elaun bangunan industri sebanyak 10 peratus diberi dan juga pengecualian di peringkat dan pendapatan berkanun sama juga dicadangkan untuk tempoh lima tahun tetapi di fasal-fasal yang kita lihat ini tidak ada menyebut tentang perkara ni.

Saya menyokong tentang cadangan untuk memberikan tolakan khas berkenaan dengan pendapatan oleh keluarga yang mempunyai anak kurang upaya dalam fasal 18. Ini adalah satu cadangan yang baik. Saya rasa semua orang barangkali menyokong tentang perkara ini. Cuma saya hendak tanya, kalau mengikut fasal 18 ini dikatakan tarikh kuat kuasanya bermula daripada tahun taksiran 2013.

Saya hendak tanya, apakah yang berlaku tentang pengumuman ini yang dibawa oleh Menteri Kewangan pada tahun 2011 iaitu tahun semasa 2010 dan tahun taksiran 2011 iaitu untuk memberi insentif khas tolakan daripada pendapatan bercukai (*taxable income*) dengan izin, kepada keluarga ataupun ketua keluarga yang mempunyai tanggungan anak kurang upaya. Adakah pindaan ini menyentuh tentang kelulusan yang sama yang pernah dibuat pada tahun 2011 yang lalu? Oleh kerana nampak isi cadangan fasal 18 untuk membina perenggan 48, subperenggan 3(a), Akta 53 ini, untuk memberi insentif tambahan kepada keluarga yang mempunyai anak kurang upaya sebanyak RM6,000.

■1720

Saya minta supaya takrifan fasal 18 ini disamakan atau diertikan sebagaimana yang pernah dibuat dalam tempoh tahun asas 2010 yang lalu. Ini kerana dengan pengumuman ini, mana-mana pembayar cukai yang telah pun membayar cukai terlebih awal boleh diambil kira tolakan ini. Maka mereka bolehlah membuat tafsiran kewangan pengurangan untuk membolehkan mereka mendapat manfaat walau pun dalam satu atau dua tahun ke belakang.

Fasal 27 yang dikatakan untuk meminda perenggan 103(12)(a) iaitu memperuntukkan tarikh genap masa bagi pembayaran cukai oleh sesuatu perkongsian liabiliti terhad. Saya hendak tanya penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah status aktiviti syarikat-syarikat kewangan dan perbankan, yang telah mendapat kelulusan oleh pihak Bank Negara untuk menjual NPL masing-masing-masing? Saya tahu sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa hari yang lalu, jumlah NPL yang terjual yang dibenarkan setakat ini, melebihi RM2 bilion, RM1.9 bilion lebih kurang RM2 bilion yang dikatakan dan ada laporan yang mengatakan terhad kepada, tidak lebih daripada RM3 bilion nilai NPL.

Atas sifat dan perkongsian liabiliti yang kita sebut di bawah fasal 27, adakah kerajaan mengambil kira tentang kedudukan penjualan NPL ini? Sekiranya perkara ini berkaitan, saya hendak bertanya bagaimana pula tentang peruntukan tarikh genap masa iaitu barangkali tempoh tahun asas untuk syarikat masing-masing. Adakah kerajaan mengatakan untuk tujuan manfaat ini kerajaan akan menetapkan tempoh tahun asas masing-masing yang akan dipinda untuk tujuan pembayaran cukai bagi perkongsian liabiliti terhad ini.

Terakhir ialah fasal 23 iaitu berkenaan dengan amanah perniagaan. Saya mohon supaya penjelasan diberikan terhadap syarikat-syarikat yang dikatakan membuat pelaburan khas dalam syarikat amanah perniagaan. Kita juga ada membentangkan cadangan untuk mengiktiraf penerimaan bayaran fi ataupun wujudnya syarikat-syarikat berstatus SPV pada tahun lalu. Adakah pindaan tahun lalu yang dibuat tentang syarikat-syarikat berstatus SPV ini juga mengambil kira tentang kedudukan di bawah status amanah perniagaan sebagaimana yang diletakkan di bawah seksyen 23 ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jasin.

5.23 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Pertama tentang fasal 5 ini iaitu bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4B dalam akta bagi memperjelaskan bahawa pendapatan faedah tidak boleh dikenakan cukai sebagai perolehan ataupun keuntungan daripada perniagaan di bawah perenggan 4(a).

Saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada syarikat-syarikat yang telah mencatatkan kerugian pada tahun sebelumnya ataupun tahun semasa. Adakah apa juga keuntungan yang didapati daripada faedah misalannya faedah bank, faedah *fixed deposit interest* dikecualikan daripada cukai. Ini kerana apa yang terjadi pada ketika ini banyak syarikat yang mengalami kerugian, masih lagi dikenakan cukai. Keduanya, saya ingin kepastian tentang *tax incentive* sebagai satu daripada galakan untuk kita menarik pelaburan-pelaburan asing yang datang menanam modal ke negara kita. Setakat manakah pada ketika ini, kita memberikan galakan insentif untuk *tax holidays* ini.

Seterusnya saya pergi kepada fasal 18 iaitu daripada RM4,000, kita naikkan kepada RM6,000 bagi individu yang mempunyai anak yang belum kahwin, yang bawah 18 tahun, yang masih menuntut dan juga anak-anak yang kurang upaya. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan sedikit kelegaan ataupun insentif dalam usaha kita untuk memastikan supaya institusi keluarga akan berada pada tahap yang terbaik kepada suami-suami ataupun kepada keluarga yang tidak menggaji pekerja-pekerja asing dan isterinya sepenuh masa menjadi suri rumah. Ini kerana orang ini selain daripada dapat menjaga institusi keluarga, jadi mereka ini kita tidak menggalakkan menggaji pendatang-pendatang asing. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa untuk fasal yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat Indera Mahkota, fasal 4 '*business trust*' takrifan pelabur budiman tiada kena-mengena dengan *business trust* lampiran untuk *business trust* adalah Lampiran 11 dalam buku ucapan Belanjawan 2013.

Yang Berhormat Indera Mahkota ada bertanya mengenai isu sekatan had masa. Untuk makluman Yang Berhormat, sekatan had masa merupakan salah satu daripada cadangan Kumpulan Fokus Pembayaran Cukai ataupun *Focus Group on Paying Taxes* di bawah Pemudah. Had masa untuk audit telah dikurangkan dari enam tahun kepada lima tahun dalam Bajet 2012 dan Yang Berhormat tanya kenapa terdapat pindaan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Pindaan berkaitan pengurangan had masa berkenaan tafsiran atau tafsiran tambahan dan pindaan-pindaan yang berkaitan dengannya telah diputuskan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 supaya memberikan peluang kepada pembayar cukai dan LHDN untuk membuat persediaan dengan lebih awal.

Yang Berhormat Indera Mahkota ada membangkitkan mengenai peruntukan berkaitan had masa yang saya telah jawab. Yang Berhormat Indera Mahkota telah bertanya tiada peruntukan mengenai pengecualian duti setem untuk skim rumah terbengkalai. Untuk makluman Yang Berhormat, ini tidak dibuat di dalam rang undang-undang ini. Ia dibuat melalui perintah pengecualian duti setem.

Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya fasal khas mengenai kawalan keselamatan dan mengecualikan cukai duti setem. Insentif cukai untuk alat kawal keselamatan akan dilaksanakan melalui perundangan subsidi iaitu kaedah-kaedah cukai pendapatan 1967 dan tidak memerlukan pindaan akta. Insentif cukai yang telah diumumkan dalam Bajet 2013 yang tiada disebut di dalam Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2012, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan insentif cukai akan dilaksanakan menerusi perundangan subsidiari iaitu sama ada menerusi Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan, Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan 1967 dan Perintah Pengecualian Duti Setem 1949. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, insentif cukai untuk pusat jagaan kanak-kanak iaitu akan dibuat melalui kaedah cukai pendapatan di bawah seksyen 154 ACP, tidak perlu pinda pada masa ini.

■1730

Insentif cukai untuk *investor*, pengendalian pelancongan yang saya katakan tadi, *childcare centre*, semuanya tidak perlu di sini. Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya jumlah NPL yang dijual oleh bank-bank. Untuk makluman Yang Berhormat, ini tidak ada kena mengena di dalam rang undang-undang ini. Bank-bank bukan didaftarkan di bawah Akta ALP 2012 tetapi di bawah BAFIA.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Yang Berhormat Jasin bertanya adakah kerajaan bercadang memberikan insentif kepada suami yang mana isterinya tidak bekerja kerana menjaga anak. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan pelepasan cukai sebanyak RM3,000 bagi individu yang pasangannya tidak bekerja atau tidak mempunyai pendapatan. Itu sahaja, sekian Tuan Pengerusi.

[Fasal-fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 40 [Pindaan] -

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 40, rang undang-undang dipinda dalam perenggan (1)(b), teks bahasa kebangsaan untuk memasukkan perkataan '*dan tahun-tahun taksiran yang berikutan*' selepas perkataan '*selain punca yang terdiri perniagaan bagi tahun taksiran bagi 2013*'. Pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan pindaan dengan teks bahasa Inggeris di mana potongan bagi kerugian, landasan ke atas pendapatan faedah bagi tahun taksiran bagi tahun 2012 boleh dibenarkan potongan dalam tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutan sehingga dipotong sepenuhnya.

Seterusnya, perenggan (2)(b) dalam teks bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dipinda untuk memasukkan perkataan, "*dan tahun-tahun taksiran yang berikutan*", selepas perkataan, "*selain punca yang terdiri daripada perniagaan bagi tahun taksiran 2013*". Pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan elaun modal yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2012 berkenaan dengan pendapatan faedah daripada punca perniagaan boleh dibenarkan potongan dalam tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutan sehingga dipotong sepenuhnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

5.33 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan, apakah faedah yang didapati oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga Kerajaan Malaysia apabila membenarkan elaun modal yang tidak dapat diserap ini dipanjangkan pada tahun-tahun yang berikutan. Selalunya, sekiranya satu syarikat itu mengalami kerugian pada tahun tersebut, maka kerugian itu telah diambil kira untuk dibawa ke hadapan ataupun terhad kepada jumlah kerugian tersebut pada tahun semasa sahaja. Apakah faedah dan permintaan daripada kelompok mana yang kita ini, seolah-olah memanjangkan satu tempoh tuntutan elaun modal.

Sebagai contoh, kalau elaun modal boleh dituntut sebanyak 20 peratus setahun, maka lima tahun, elaun modal itu habis. Akan tetapi oleh sebab pada satu tahun itu mereka ini mengalami kerugian dan tidak dapat menuntut elaun modal, seolah-olah kita menambah satu tahun lagi elaun modal diberikan kepada syarikat itu untuk tujuan menuntut tuntutan tersebut. Ini sekali gus pada fahaman saya, kita memberikan satu lagi insentif kepada syarikat, perniagaan, bukan orang perseorangan, syarikat untuk membuat tuntutan elaun modal yang sepatutnya dia tidak layak sepatutnya. Pada tahun tersebut dia rugi, rugilah. Kenapa perlu kita lanjutkan satu tahun lagi elaun modal.

Perkara kedua Tuan Pengerusi, pada tahun keenam sebagai contoh, 20 persen setahun, tahun kelima sudah habis. Maksudnya, nilai itu sudah kosong tetapi kita melanjutkan setahun lagi, tahun keenam untuk diberikan tuntutan elaun modal. Sedangkan elaun modal itu sudah tidak ada nilai bukannya. Kenapa kerajaan buat sedemikian untuk tujuan perniagaan? Ini insentif kata untuk diberi atas permintaan pelabur asing ke apa? Saya pun agak pelik. Maknanya, benda yang tidak patut diberikan, kita beri. Datang akal kita ini untuk membantu syarikat-syarikat perniagaan yang besar-besar tetapi kepada orang perseorangan kita tidak berikan pun. Inilah yang saya fikir tidak wajar sama sekali. Kita beri pada tahun yang di mana nilai aset yang dituntut elaun modal ini sebenarnya sudah tidak wujud, sudah kosong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tujuan kita meminda adalah untuk memperuntukkan elaun modal yang tidak dapat diserap dalam tahun taksiran 2012. Berkenaan dengan pendapatan faedah daripada punca perniagaan boleh dibenarkan potongan dalam tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga dipotong sepenuhnya.

Yang Berhormat bertanya apakah faedahnya kepada kerajaan. Memang soalan itu ada asasnya, boleh tahan tetapi jawapannya saya akan berikan kepada Yang Berhormat. Tentang faedah kepada pembayar cukai untuk menuntut elaun modal atau rugi sebelum pindaan undang-undang digunakan oleh pembayar juga sehingga *fully utilized*. Saya akan mendapatkan lebih maklumat untuk Yang Berhormat, kerana jawapannya juga sama dengan apa yang saya cakapkan tadi. Oleh itu, saya tidak dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan sebagaimana yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Fasal 40 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal-fasal 41 hingga 56 –

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

5.38 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan fasal 42 dan 43. Saya mendapati telah ada percanggahan dalam penerangan yang diberikan oleh pihak kerajaan beberapa kali berkenaan dengan had pengecualian duti setem atas penjualan rumah, terutamanya untuk rumah kediaman yang pertama. Ada dua pengumuman dalam dua tempoh di mana berlaku kekeliruan. Saya tidak tahu apakah yang telah diisytiharkan tentang kekeliruan yang berlaku pada tahun lalu. Pengecualian duti setem atas cadangan ini telah dibuat seawal tahun lalu dalam pembentangan belanjawan yang sama untuk tahun kewangan 2012. Kerajaan telah mengatakan bahawa had untuk tujuan pengecualian duti setem atas pinjaman perumahan yang dinaikkan daripada RM2,500 sehingga RM4,000 pada tahun lalu.

Walau bagaimanapun, dalam tujuan mengehadkan atau mengecualikan duti setem atas pinjaman itu, terhad kepada pinjaman yang berjumlah RM250,000 sehingga RM350,000 sahaja, bukan RM400,000. Pada masa itu dibuat pengumuman. Maka pada tahun ini dibawa satu cadangan seolah-olah sama cadangan seperti tahun lalu tetapi memperbaiki sedikit iaitu menaikkan had pinjaman perumahan itu daripada RM350,000 kepada RM400,000 pada tahun ini. Maka dalam had RM250,000 sehingga RM400,000 berhak ataupun layak dapat pengecualian duti setem untuk perjanjian pembelian rumah yang bernilai tersebut.

■1740

Soalan saya, kerajaan tidak membuat pindaan kepada pengisytiharan yang lalu pada tahun lepas iaitu mana-mana pembeli rumah yang telah pun membuat perjanjian dan telah pun membayar setem duti untuk rumah yang bernilai lebih daripada RM350,001 ke atas hingga RM400,000 telah pun terkecuali. Maksudnya mereka tidak layak untuk mendapat pengecualian duti setem untuk surat cara.

Mereka telah mengemukakan rayuan dan mereka telah pun mengumpulkan statistik tentang jumlah yang dikatakan- mungkin kita boleh katakan menjadi mangsalah, senang. Ada sebilangan statistik yang mereka ini jatuh dalam lingkungan RM350,001 sehingga bawah daripada RM400,000, nilai rumah tadi.

Jadi mereka tidak dapat pengecualian duti setem ini. Ada setengahnya bernilai RM5,000 sehingga RM20,000 dan jumlah ini selalunya akan dimasukkan dalam nilai pinjaman perumahan tersebut oleh penyedia surat-surat cara dan penyedia pemberi pinjaman.

Saya hendak tahu, adakah kerajaan mengumumkan ataupun mengambil kira golongan ini yang telah terlepas peluang mereka untuk dapatkan pengecualian duti setem untuk surat cara? Sehingga kepada hari ini, tarikh kuat kuasa yang kerajaan cadang kalau ada di sini, dia kata yang disempurnakan mulai 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2014. Maksudnya had tempoh pinjaman ini, RM400,000 ini, hanya untuk surat cara yang disempurnakan tahun depan mulai Januari 2013. Jadi apa berlaku *until* tempoh sebelum Januari itu sehingga kepada ke belakangnya tempoh pengisytiharan yang telah dibuat dalam Dewan ini berkenaan dengan had pinjaman perumahan itu?

Sehingga hari ini, saya belum ada dengar penjelasan diberi ataupun cadangan kerajaan untuk mengambil kira golongan yang dikatakan, saya istilahkan seolah-olah menjadi mangsa kerana terkeliru atas tawaran pengecualian setem duti atas surat cara tadi yang telah disempurnakan sebelum pada tempoh yang kita kata. Ada satu tahun lebih tempoh gelaplah kita katakan atau *the dark period* yang kita tidak dapat hendak huraikan untuk membantu mereka. Saya hendak tahu apakah cadangan kerajaan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.44 ptg.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah membangkit mengenai isu duti setem di fasal 42 dan fasal 43. Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat tanya itu mengenai duti setem, pengecualian duti setem untuk pembeli rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat, rumah berharga RM350,000 adalah untuk sehingga akhir tahun ini dan rumah berharga RM400,000 adalah bagi pembelian mulai 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2014. Ini dapat melalui Perintah Pengecualian Duti Setem. Ini memang jelas dan kita memang akan patuh dengan pengumuman ini. Sekian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Penjelasan, penjelasan. Maksud saya begini. Adakah kementerian buat keputusan bahawa keterangan ataupun tawaran yang dibuat pada pembentangan belanjawan yang lalu itu, walaupun ada pihak yang terkeliru, kerajaan tidak mahu membuat pengumuman untuk membaiki keadaan itu? Saya bangkitkan itu kerana ada kelompok yang terkeliru, bukannya tidak faham tentang pengumuman itu. Mereka terkeliru kerana kita kata had pinjaman perumahan itu yang dapat dikecualikan duti setem dan surat cara ini daripada RM250,000 sehingga RM350,000 sedangkan pinjaman yang kita luluskan untuk tujuan ini sehingga kepada maksimum RM400,000. Itu maksud saya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu rumah di Kuala Lumpur ini, sekarang ini sudah tidak ada lagi harganya serendah RM300,000 ke bawah, semuanya melepasi paras RM450,000 ke atas. Jadi kita sebenarnya sama-sama patutnya untuk membantu rakyat kita yang terpaksa terbeban dengan kos perumahan yang meningkat ini. Jadi Perdana Menteri kata hendak umumkan yang kelompok ini boleh dikecualikan atau macam mana?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita akan ambil siasat perkara ini dan kita akan buat pengumuman yang sewajarnya.

[Fasal 41 hingga 56 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 57 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.46 ptg.

[Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 57 dalam teks bahasa kebangsaan rang undang-undang di pinda. Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan perkataan 'tiga' dalam subseksyen 13(7) dengan perkataan 'enam'. Pindaan kepada seksyen 13(7) bertujuan bagi menyelaraskan tempoh penyerahan pemberitahuan yang disebut dalam teks bahasa kebangsaan dengan tempoh pembayaran wang yang dipegang simpan oleh pemeroleh di bawah seksyen 21B iaitu dalam tempoh 60 hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

5.47 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak minta penjelasan apabila cadangan untuk meminda seksyen atau fasal 57 ini adalah untuk menggantikan perkataan 'tiga' kepada 'enam'. Saya faham, saya percaya pindaan ini adalah menyentuh tentang Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 iaitu sebagai sepatutnya untuk menjaga kepentingan pelupus dan pemeroleh dalam isu ini.

Tahun lepas ada juga dibangkitkan tentang kenapa layanan yang diberi untuk tahap cukai kepada warga Malaysia dengan warga asing diletakkan pada status yang sama iaitu apabila pelupusan dikatakan dalam tempoh dua tahun. Ada satu cadangan mengatakan dalam tempoh dua tahun, pelupusan CKHD yang dikenakan pada warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia disamakan iaitu terhad pada 30 peratus. Syarikat juga dikenakan tempoh ataupun kadar yang sama.

Pernah dibangkitkan dahulu untuk jenis kepentingan pelupusan aset iaitu tanah. Dalam kes-kes urusan tanah yang melibatkan tanah milik kelompok satu masyarakat di luar bandar terutamanya ada jenis kelompok masyarakat Melayu yang mempunyai pemilikan tanah yang bersifat untuk tujuan pelupusan segera untuk memulihkan atau untuk pembahagian dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah perundangan dalam status yang lain di peringkat kerajaan negeri.

■1750

Pernah dicadangkan bahawa untuk tujuan ini kadar keuntungan cukai harta tanah dikecualikan ataupun dilihat sepatutnya tidak sama layanan ini diberi kepada warga asing ataupun untuk tujuan syarikat. Bagi tujuan pelupusan bagi pihak syarikat sudah tentu aktiviti perniagaan, keuntungan dan spekulasi boleh kita katakan mempunyai asas atas kedudukan itu. Akan tetapi untuk jenis tanah yang saya sebutkan tadi, dia bukan semata-mata untuk tujuan keuntungan, dia lebih kepada untuk menyelesaikan isu undang-undang keluarga dan sebagainya yang boleh mengelakkan banyak masalah lain berlaku.

Saya katakan pernah dicadangkan semasa pentadbiran mantan Perdana Menteri Yang Berhormat Kepala Batas yang dahulu untuk menyelesaikan isu tertunggak isu aset yang dikatakan terutama yang jatuh di bawah kategori isu tanah wakaf, pusaka dan sebagainya. Dia mengkategorikan bahawa cadangan untuk pelupusan yang jenis aset ini dikecualikan dan juga diminimumkan. Saya tidak tahu apa yang terjadi dengan cadangan itu sehingga kepada pembentangan yang terbaru nampaknya dia dinaikkan daripada 25 peratus kepada flat 30 peratus kepada semua jenis atau kategori yang melupuskan aset tanah dalam tempoh dua tahun. Syarikat, individu yang dikatakan warga negara dan penduduk tetap dan juga individu bukan warga negara dilayan sama sahaja status atas jenis cukai keuntungan harta tanah atau pelupusan.

Begitu juga untuk tempoh pelupusan yang kurang daripada tiga sehingga lima tahun. Maknanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini pengumuman yang dibuat semasa pembentangan belanjawan yang lalu, yang saya bacakan ini. Cadangan dia yang disifatkan sebagai membendung aktiviti spekulasi hartanah dikatakan. Kerajaan telah pun cadang untuk tiga tahun ke lima tahun pun masih lagi dikekalkan status 10 peratus dan ini juga dilayan sama antara orang asing, warga asing, syarikat dan juga individu, termasuk yang jatuh dalam kategori yang tadi iaitu jenis hartanah ataupun pemilikan tanah berkongsi keluarga di luar bandar tetap menggunakan perkara yang sama.

Saya faham pernah satu masa dahulu ada pindaan atau cadangan undang-undang yang memberikan pengecualian penuh kepada semua kategori yang disifatkan sebagai pemberian kasih sayang. Pernah satu masa agak lama perkara itu berjalan tetapi telah pun dipinda. Maknanya takrifan kepada istilah kasih sayang ini tidak lagi wujud. Apa yang ada di sini dia kata pelupusan antara suami isteri, ibu bapa dan anak, datuk, nenek dan cucu sahaja. Maknanya adik-beradik ataupun antara satu kelompok yang mempunyai pertalian darah atas sifat betul kasih sayang, tidak melibatkan balasan apa-apa juga dikategorikan sebagai mendapatkan keuntungan.

Saya rasa ini sangat mengelirukan dan saya rasa ini adalah satu gambaran bahawa kita tidak mengiktiraf wujudnya kelompok masyarakat bumiputera terutamanya Melayu, yang masih lagi memegang kepada adat-adat tanah yang mengatakan mereka memberikan status perpindahan hak milik ini atas dasar kasih sayang. Apakah kerajaan tidak mahu lagi mengiktiraf elemen perpindahan hartanah ini atas sifat kasih sayang? Tidak wujud lagi kah? Adakah kerajaan hendak mengiktiraf satu dasar di mana perpindahan segala bentuk pemilikan hartanah mesti di cukai? Tidak kira apa statusnya mesti di cukai. Walhal yang memberikan pindaan hak milik ini langsung tidak melibatkan balasan kewangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.53 ptg.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Yang Berhormat bangkit mengenai Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), kadar untuk warga negara dan bukan warga negara sama sahaja. Memang buat masa ini untuk memudahkan layanan cukai semasa tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang ada asas, kita mungkin boleh kaji perkara ini dan mungkin pada masa akan datang kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi Yang Berhormat kata kerajaan akan pinda undang-undang ini?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tidak, kita tidak pinda. Kita akan kaji kadar itu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kaji sahaja.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kajilah. Okey cukup. Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada kali ini kita menaikkan kadarnya adalah tujuan untuk memastikan harga rumah kediaman kekal stabil dengan membendung aktiviti spekulasi. Isu mengenai perumahan selagi ada akta rang undang-undang perumahan, Yang Berhormat boleh tanya dan saya tidak hendak berucap panjang lagi. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui]

[Fasal 57 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 58 hingga 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 63 dan 64 [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.57 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa fasal 63 dan fasal 64 dipinda. Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan subfasal 63(a) dengan yang berikut:

“(a) dengan memasukkan selepas subperenggan 5(1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1A) Walau apa pun yang berlawanan dengan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, mana-mana orang yang merupakan seorang pengarah suatu syarikat semasa tempoh yang cukai atau hutang adalah bertanggungjawab untuk dibayar oleh syarikat itu hendaklah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi cukai atau hutang yang genap masa dan kena dibayar dan hendaklah didapatkan di bawah seksyen 23 daripada pengarah itu.”;

Pindaan subfasal 63(a) bertujuan untuk menyusun semula subperenggan 5(1) yang disebut dalam subfasal itu sebagai subperenggan baru 5(1A). Perenggan tersebut memperuntukkan bahawa seorang pengarah yang mempunyai lebih daripada 50 peratus kawalan ke atas suatu syarikat hendaklah bertanggungjawab secara bersama dengan dan berasingan bagi hutang atau cukai yang genap masa oleh suatu syarikat.

Seterusnya subfasal 63(b) rang undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan dalam subperenggan ini, dalam subperenggan 5(5) dengan perkataan bagi maksud subperenggan (4)(b). Pindaan kepada subfasal 63(b) bertujuan untuk menjelaskan tarif sekutu yang diperuntukkan dalam subperenggan 5(5) Jadual I Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah merujuk kepada perkataan sekutu dalam subperenggan 5(4)(b) Jadual I Akta Cukai keuntungan Harta Tanah 1976.

■1800

Subfasal 63(c) rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan perkataan subseksyen 75B(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 dalam subperenggan 5A(3) dengan perkataan seksyen 27 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Pindaan kepada subfasal 63(c) bertujuan untuk menjelaskan takrif pegawai pematuhan yang disebut dalam perenggan baru 5A Jadual 1, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 mempunyai makna yang sama yang diberikan kepadanya oleh seksyen 27 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Subfasal 64(a) rang undang-undang ini dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan memasukkan selepas perkataan atau telah dengan perkataan tidak pindaan kepada subfasal 64(a) bertujuan untuk diseragamkan dengan peruntukan teks bahasa Inggeris rang undang-undang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masalahnya bahawa pindaan yang seperti mana tertera dalam kertas pindaan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Indera Mahkota.

6.02 ptg.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal 63 sebagaimana yang dipinda untuk tujuan memberi takrifan bahawa sesuatu syarikat itu kena pilih seorang yang bertanggungjawab dan dikatakan yang bertanggungjawab itu mestilah mempunyai lebih daripada 50 peratus kawalan ataupun ekuiti pemilikannya terhadap sesuatu syarikat. Saya ingin mengatakan pendirian kita, walaupun Akta Syarikat 1965 secara kuat kuasanya menyebut bahawa setiap *director* ataupun pengarah syarikat atau pemilik syarikat itu mempunyai tanggungan-tanggungan yang terhad pada kedudukan masing-masing.

Namun, dalam premis ini kita lihat memang kerajaan bersungguh-sungguh memberi mahu melihat syarikat, kepentingan syarikat ataupun perniagaan dalam negara kita ini dilayan atau diberi keistimewaan yang begitu baik. Daripada satu perkara kepada satu perkara diperuntukkan untuk memberi mereka kelebihan. Kita tahu bahawa banyak syarikat dalam negara kita yang telah mengalami kerugian dan juga tidak terkecuali juga syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan kerajaan di mana kerajaan membuat pelaburan dan kerajaan membuat suntikan modal dan sebagainya.

Tidak kurang juga kepada mereka ini yang mengalami kerugian sehingga sekarang pun kita tidak berupaya untuk mengheret, membebaskan ataupun mencari sesiapa yang perlu bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung atas kedudukan ini. Akan tetapi, pindaan yang kita buat iaitu memasukkan jumlah peratusan pemilikan atau kawalan atas sesuatu syarikat ini kepada lebih 50 peratus membayangkan bahawa kita cuba melindungi ataupun memberi kelebihan kepada mana-mana orang yang membuat urusan ataupun kedudukan yang tidak baik dalam sesuatu syarikat termasuk juga syarikat yang mempunyai kepentingan kerajaan tidak harus dilihat sebagai mereka yang perlu bertanggungjawab.

Ini kerana kita hadkan atau kita naikkan hadkan jumlah had di mana orang ini perlu dipikul tanggungjawab mereka. Saya cadangkan, pindaan yang dibuat tanpa mengira jumlah pemilikan selagi dia itu mempunyai kedudukan atau akses pembuatan keputusan sesuatu syarikat mereka perlu diberikan, dikenakan tanggungjawab. Kalau terhad sahaja kepada lebih 50 peratus baru kita boleh minta mereka bertanggungjawab, saya rasa tidak ada syarikat pun dalam negara kita yang mempunyai kepentingan kerajaan ini akan dikenakan beban tanggungjawab untuk mereka sama ada dihadapkan di mahkamah atau sebagainya atas kesalahan mendatangkan kerugian kepada syarikat.

Tadi Yang Berhormat Pokok Sena ada sebut Syarikat ATEs tadi yang mempunyai kedudukan melebihi daripada- berapa peratus tadi? Sebanyak 60 peratus kedudukan. Itu antara contoh di mana mungkin akan datang kerajaan akan membuat pelaburan. Biasanya kerajaan akan buat keputusan ke atas satu-satu syarikat yang menjalankan perniagaan itu mempunyai kepentingan ataupun boleh mendatangkan faedah keuntungan, kerajaan boleh buat keputusan untuk membuat suntikan modal.

Jadi, terserahlah kepada pihak Menteri untuk beri penerangan. Seksyen 64 ini saya tengok berkenaan dengan pengecualian yang boleh di tuntutan oleh seorang pelupus itu terhadap kepada untuk dapat pengecualian sehingga RM10,000 atas setiap pelupusan. Satu lagi manfaat yang begitu baik diberi kepada katanya kepada syarikat seksyen 64 merujuk kepada pelupusan yang dibuat oleh suatu syariat yang diberi dan boleh menuntut pengecualian tambahan sebanyak RM10,000. Saya hendak tanya pihak Menteri atas kelulusan ini anggarannya adakah cukup keuntungan harta tanah di dalam negara kita untuk dalam satu tempoh sekurang-kurangnya.

Berapa *percent* agaknya pengecualian 10 peratus ataupun RM10,000 ini dibenarkan atau diberi telah melibatkan turunnya pengutipan kita dalam masa setahun akan datang? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

6.07 ptg.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota yang telah memberi pandangan atas fasal-fasal 63 dan 64 iaitu mengenai sesiapa yang memegang saham lebih 50 peratus saham di syarikat dan juga pengarah di syarikat itu. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pindaan adalah untuk menjadikan pengarah syarikat yang memegang lebih 50 peratus saham syarikat adalah secara peribadinya bertanggungjawab atas liabiliti syarikat.

Sememangnya kita tahu dalam menjalankan tugas sebagai pengarah di sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab semua pengarah untuk menjaga urusan syarikat berkenaan. Kadang-kadang kita boleh rugi, kadang-kadang kita boleh untung dan kita memang hendak pengarah yang bertanggungjawab. Sememang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota itu memang ada benar dan kita memang hendak semua orang bertanggungjawab supaya kita boleh ada syarikat yang lebih baik dan kita memang akan jadi masyarakat yang lebih baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, anggaran kehilangan Hasil Cukai Keuntungan (CKHT) kerana memberi RM10,000 atau 10 peratus pengecualian. Jawapannya ialah tidak dapat dianggarkan sekarang. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Fasal-fasal 63 dan 64 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■1810

RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN STRATA 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[27 September 2012]**

6.12 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali hendak mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebab rang undang-undang ini dalam proses bacaan kedua saya telah pun menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, maka hal ini saya ingin menyambung jawapan saya dalam perbahasan yang telah diadakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Meneruskan penggulungan. Saya hendak dapatkan penjelasan Yang Berhormat sebab nampak sangat kerajaan macam tergesa-gesa membawa akta ini. Walaupun dikatakan banyak rundingan telah pun dibuat tetapi nampaknya tidak menepati kepada rundingan dan akhirnya bila kita bentang kemudian kita bentang pindaan. Kemudian, belum sempat penggulungan ada lagi pindaan. Nampak macam tidak serius, tidak ada satu ketentuan dan ketepatan kepada apa yang kita hendak, sehingga menimbulkan satu kekecohan kepada berbagai-bagai-bagai pihak, yang merupakan orang yang sangat berkepentingan kepada mereka ini termasuk kepada rakyat keseluruhannya khususnya kepada generasi baru. Seheinggakan menimbulkan keresahan kepada pelajar-pelajar yang mengambil dalam bidang-bidang ini, merasakan bahawa kebimbangan mereka terhadap masa depan mereka.

Jadi, saya pun hairan macam mana kita dalam sesi penggulungan sudah *start* kita tangguh, kemudian tiba-tiba hendak sambung sesi penggulungan ada pindaan lagi. Jadi, apa cerita kita punya rang undang-undang dibawa ini? Saya nampak macam kementerian sendiri dengan AG, tidak mengamati. Apa masalah atau *problem* yang ada di peringkat akar umbi. Saya difahamkan bahawa rundingan pun tidak dibuat dengan penasihat undang-undang dipersingkat Kementerian Kewangan untuk hendak diselaraskan akta yang ada kaitan di bawah Kementerian Kewangan. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Oleh sebab itu saya katakan bahawa sepatutnya saya fikir bukan Yang Berhormat Menteri bangun untuk meneruskan penggulungan. Sepatutnya Yang Berhormat Menteri bangun untuk menarik balik akta ini. Ini yang sepatutnya dilakukan supaya kita kembali kepada meja perbincangan, meja rundingan, kepada semua pihak. Saya tidak kisah kalau hendak berunding dengan pihak pengurus harta berdaftar mahupun pihak pemaju yang meminta untuk diberikan kelonggaran kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...*Okay, no problem.* Kita bincang. Kita sanggup. Bukannya bangun untuk meneruskan penggulungan dalam keadaan perbincangan di peringkat dasar itu tidak menyebut perkara yang berkaitan dengan cadangan pindaan. Jadi saya katakan sepatutnya mesti ditarik balik akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Menteri, sesuatu yang berkaitan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya merujuk kepada siaran terkini 21 November. Memang perkara ini datang secara mendadak dan kita hendak gulung sebelum kita sempat memberi *opinion* kita tentang beberapa perkara pokok yang dibangkitkan dalam pindaan kepada pindaan dalam rang undang-undang tersebut. Jadi saya rasa daripada dalam bahagian pindaan yang terbaru, perenggan satu, dua dan empat bertujuan untuk meminda perenggan 21(2)(f) dan 59(2)(f) serta perenggan enam Jadual kedua bersamaan dengan perenggan tiga untuk meminda sub fasal 87(1).

Saya rasa dalam bahagian-bahagian tersebut ada satu *burst word* ataupun kata yang paling penting iaitu rang undang-undang ini akan meniadakan larangan daripada dilantik menjadi agen pengurusan, jika seseorang itu bukan merupakan seorang pengurusan harta berdaftar. Kata induknya berdaftar. Saya rasa tujuan kita membuat pindaan dalam rang undang-undang ini untuk menggantikan Akta 66(3) itu adalah mempunyai tujuan yang mulia dan saya pun sempat ajak bincang dengan Menteri di Lobi Parlimen, bahawa kalau kita buat pindaan dan jadikan rang undang-undang baru itu dikuatkuasakan, ada dua perkara yang kita boleh capai.

Pertama, kita mengukuhkan kedudukan dan juga kuasa COB atau *the Commissioner of Building*, supaya semua gejala-gejala yang tidak sihat dalam bidang pengurusan bangunan itu dapat diatasi. Apa kelemahan yang kita lihat menerusi Akta 66(3) itu kita tidak tahu. COB itu memang harimau tanpa taring. Jadi, mana-mana PBT pun kerajaan tempatan menurunkan kuasa kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran. Kadangkala oleh kerana Yang di-Pertua itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Tidak dilengkapi dengan dia punya *knowledge* dan sebagainya, dia turun kuasa kepada Setiausaha ataupun ketua-ketua jabatan. Jadi, banyak perkara yang mengaitkan berkaitan dengan COB itu tidak dapat dijalankan. Akan tetapi saya lihat dalam pindaan itu tidak disentuh tentang COB, malah dia mengurangkan dan melemahkan lagi keutuhan COB, kerana sekarang siapa-siapa pun boleh terbitkan satu syarikat jadi pihak pengurusan bangunan. Jadi saya rasa *the main aim to regulate* supaya kita dapat mengatasi akibat dan gejala yang kurang sihat itu tidak ada. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai satu laporan dalaman, laporan akhir yang disediakan oleh Jabatan Perumahan Negara bersama dengan KPKT tentang kajian mengenai pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata dan harta bersama di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 [Akta 663] itu. Walaupun ia dalam bahagian kesimpulan dia kata banyak masalah dari segi pengurusan bangunan dan isu dan permasalahan ini boleh dikategorikan dalam aspek kewangan, penyelenggaraan, pentadbiran, pematuhan undang-undang, faktor penduduk, keselamatan dan pengurusan risiko.

Akan tetapi apa yang saya kluatir ialah kepentingan *stakeholders* itu tidak dipelihara dengan elok Yang Berhormat Menteri. Sebab dalam laporan itu ia ada disebut pihak *stakeholders* perlu melakukan pembaharuan terhadap minda pemilih dan juga cara pengurusan yang sistematik dengan penglibatan pihak kerajaan, swasta, individu yang berpengalaman dalam bidang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan.

■1820

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri beginilah. Saya rasa risalah yang terakhir ini yang bertarikh 21 November itu saya rasa di antara bacaan kedua dan sehingga ini, ada sesuatu yang telah berlaku. *Something happened*. Ada kelompok-kelompok yang melobi supaya Menteri ini menidakkan laporan dalaman daripada KPKT sendiri. Jadi saya minta jawapan yang jelas Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri jalan lagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya rasa di samping ada pihak-pihak yang melobi pihak kementerian dan Yang Berhormat sendiri, saya rasa Yang Berhormat Menteri juga mesti ada laporan daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang menyediakan kursus-kursus ini. Saya difahamkan UiTM, UM, UTHM dan UTM. Anak-anak bangsa kita ini mengambil jurusan ini di atas suatu tanggungjawab dan sudah pasti kerajaan harus melihat masa depan mereka.

Adakah mereka dilindungi? Adakah mereka diambil pandangan mereka? Ini melibatkan masa depan mereka. Jadi saya rasa secara rasionalnya ada baiknya rang undang-undang ini ditarik balik dan tubuhkan mungkin satu panel khas untuk mengkaji secara holistik tentang keberkesanan ini supaya tidak memangsakan anak-anak bangsa kita yang mengambil jurusan ini dan kepentingan mereka. Itu pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya rasa nampak sekarang sudah ada suara-suara lain. Jadi tadi saya difahamkan saya tengok *YouTube* tadi, ada demonstrasi pelajar lima universiti jurusan pengurusan harta membuat demonstrasi yang menentang pindaan ini.

Saya tidak menjurus kepada seperti yang dibangkit oleh pihak pembangkang tetapi saya rasa perlunya dipertimbangkan tentang beberapa tentangan dan yang paling penting sekali ialah penjelasan. Apa yang paling penting penjelasan kerana ia sudah jadi isu nasional sekarang ini. Kepada saya bila dia sudah keluar dalam *YouTube* dan ramai yang mempertikaikan, sudah jadi isu nasional. So, wajar ada penjelasan. Saya belum hendak merujuk kepada pindaan sebab belum di bentang lagi. Akan tetapi perlu ada penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Dalam industri pengurusan bangunan ini, salah satu entiti yang bertanggungjawab dan penglibatan mereka secara langsung adalah Persatuan Pengurusan Bangunan Malaysia (BMAM). Saya difahamkan semasa pindaan ini dibuat, kumpulan ini langsung tidak dirujuk pandangan mereka sedangkan mereka telah hampir lebih 31 tahun menguruskan bangunan-bangunan strata dalam negara kita. Pandangan mereka tidak pernah dirujuk. Jadi saya rasa ada kepentingan di situ yang pertama.

Keduanya, cadangan untuk meminda akta ini dan juga pembuatan akta baru telah berlangsung kurang empat kali, termasuk hari ini yang keempatnya. Beberapa usaha telah dibuat sebelum ini melalui Kementerian Kewangan, dua kali tetapi mereka gagal.

Bahkan saya berani menyatakan bahawa Menteri Kewangan ketika itu bersetuju dengan tidak dibuat pemindaan dan juga tidak ada pindaan yang menyatakan hanya satu kumpulan sahaja yang boleh membuat industri pengurusan bangunan ini, yang pertama.

Keduanya, yang *attempt* ketiga mereka telah menggunakan KPKT melalui Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum ini Yang Berhormat Tan Sri. Dia juga memberikan satu komen untuk tidak bersetuju menjadikan akta ini, mengkhususkan hanya kepada satu pihak untuk menguruskan bangunan ini.

Jadi untuk itu saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian supaya akta ini ditarik balik dan ikut dengan suasana yang ada hari ini. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Sudah cukup, cukup. Terlalu banyak sangat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Takutkah?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Jelutong yang telah pun memberikan pendapat beberapa perkara mengenai satu pihak ataupun dua pihak yang ingin menjadi pengurus bangunan.

Yang Berhormat Bukit Gantang tadi saya pun tidak berapa faham maksud Yang Berhormat Bukit Gantang apakah maksud saya hari ini? Maksud saya hari ini ialah untuk membukakan supaya pengurus-pengurus bangunan ini dapat diuruskan bukan oleh satu kelompok, satu badan, kita buka kepada siapa yang layak dapat *MC Developer* ataupun JNB.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: [Bangun]

Datuk Seri Chor Chee Heung: Oleh sebab Yang Berhormat saya masih ingat, saya tidak jawab lagi ini. Yang Berhormat Bukit Gantang sama Dato' Sri Ong Tee Keat dalam ucapan telah pun mengatakan sebab apa kementerian harus memberikan monopoli kepada satu pihak sahaja untuk menjadikan pengurus harta sedangkan begitu banyak rumah-rumah pangsa *medium cost* dan *low cost* yang susah payah hendak bayar upah yuran pengurus harta satu kelompok. Oleh sebab apa kita tidak mahu buka, siapa layak jadi mengikut *management corporation* ataupun JNB kalau *fees* dia agak *fair*, beri mereka urus. Betul tidak?

Kedua, sebab apa Yang Berhormat Pokok Sena kata menggesa-gesa. Saya masih boleh ingat semasa sebelum saya bantah- Yang Berhormat Tan Sri sebentar. Oleh sebab apa saya katakan macam ini sebab saya pernah membincang dengan ramai Ahli Parlimen termasuk wakil-wakil BNBBBC juga. Mereka berpendapat bahawa jangan kita-sekarang ini zaman baru, jangan kita hanya pegang kepada satu kelompok. Kita buka supaya adil dan saksama.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya sampuk sikit.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Ya.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat menyentuh bahawa laporan telah berunding dan beritahu kepada Ahli-Ahli Parlimen BNBBBC. Saya pun hadir dalam taklimat itu. Yang Berhormat kata tidak ada negara yang mendaftar yang ada keperluan mendaftar. Jadi kalau Yang Berhormat mengatakan benda yang dalam mesyuarat kita katakan tidak ada negara yang mendaftar pengurus bangunan ataupun pengurus harta, saya agak kecewa kerana saya membuat penyiasatan melalui *Google*, ia mengatakan ada, ada pendaftaran.

Jadi maknanya saya dengar daripada penerangan Yang Berhormat di luar Dewan hari ini, saya berharap bahawa Yang Berhormat boleh menyatakan bahawa sebenarnya ada negara-negara yang mendaftar pengurus bangunan.

Kalau saya membeli— minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau saya membeli sebuah bangunan atau rumah, saya mesti beli dengan estet agen yang berdaftar. Itu memberi perlindungan kepada saya. Itu membeli harta dan mereka termasuk dalam pendaftaran dari segi *valuer, appraiser and estate agent*. Takkanlah dari segi hendak menguruskan bangunan, unit-unit ini pula tidak ada kawalan dari segi pendaftaran. Jadi itu yang saya rasa kalau boleh Yang Berhormat terangkan bahawa kita hendak luluskan akta ibu ini, tetapi kita jangan bawa pula pindaan yang tergesa-gesa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Datuk Seri Chor Chee Heung: *[Bangun]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat. Sikit sebab Yang Berhormat jawab saya tadi itu. Oleh sebab Yang Berhormat kata bahawa ini bukan, kenapa kita harus monopoli kepada satu. Ini bukan soal monopoli Tuan Yang di-Pertua. Ini, amalan pengurusan harta ini adalah satu profesion di bawah Akta 242 yang mereka ingin menjalankan mestilah mempunyai lesen yang sah serta dikawal oleh Lembaga Penilai Pentafsir dan Ejen Hartanah Malaysia. Ini satu profesion. Dia bukan boleh kita bagi siapa-siapa pun. Dia bukan boleh. Hendak mengatakan bahawa mereka ini sikit berapa ramai skim perumahan dan sebagainya. Mana ada 26 juta rakyat, maka 26 juta doktor? Kemudian hendak buat rumah, banyak mana rumah, banyak itulah arkitek. Mana ada, mestilah mengikut bidang profesion yang ada.

■1830

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang itu biar saya jawab dahulu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri *point* yang sama.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat negara-negara juga yang telah pun hendak melesenkan. Akan tetapi jangan lupa, jika sedunia ini melesenkan, kalau kita tidak lesen, memang kita tidak betul. Mengikut rekod saya ini, di Amerika Syarikat terdapat 50 negeri. Sebanyak 21 tidak perlu lesen. Negara China di bawah kerajaan provinsi dan di Australia Queensland, *South Australia*, Tasmania, *western Australia* tidak melesenkan, Hong Kong tidak ada tetapi buat masa ini dia orang sedang mengadakan satu undang-undang mungkin dia akan sebab mereka ini saya baru *contact* dia orang dan tanya. Selama ini walaupun tidak ada sekarang dia kata dia cadang *so* dia sedang mendapatkan *feedback*.

Namun selama ini masih jalan macam itu, semua *manager* boleh menjadi *manager*. United Kingdom tidak ada pun. Saya bukan hendak kata saya betul, tetapi mengikut siasatan saya tidak ada. Banyak negara maju tidak menggambarkan *professional manager* ini sebagai profesional seperti doktor, *lawyer*, tetapi *valuer yes*, dia orang. Balik kepada Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tunggu sekejap dahulu, tunggu saya habis dahulu. Ada seorang lagi, saya tidak ingat siapa. Yang Berhormat Jelutong dia kata kita keluarkan satu *report*. Kita tidak keluarkan satu laporan, kita hanya minta perkhidmatan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Jurunilai Bersekutu Sendirian Berhad pada tahun lepas untuk membuat satu kajian. Dalam kajian itu, mereka ini memang mencadangkan supaya semua pengurus harta harus dari kalangan ahli *board of valuers* sebab mereka ini harus menjadi *valuers* dahulu.

Apabila saya balik kepada proses pada mulanya saya bawa sebab ini buku biru ini memang selepas begitu banyak rundingan. Rundingan yang pihak-pihak kita minta runding adalah *board of valuers*. Apa yang Yang Berhormat Bukit Gantang kata tidak kita bincang dengan *Building Management Association*, memang benar, kita *overlooked*. Namun apabila *blue book* ini disediakan, semua pakar-pakar juru nilai ini berpendapat ini harus dimasukkan dalam menjadi satu bahagian dalam akta. *So* apabila saya bantangan di Parlimen, saya juga diberitahu oleh Ahli Parlimen sendiri, kata memang tidak benar, tidak betul Yang Berhormat. Macam mana Yang Berhormat hendak uruskan segala kondominium di dalam negara ini, kompleks komersial, kondominium, apartmen, *low cost, high cost* campur sekali ada 1.4 juta petak.

Kalau kita hanya terhad kepada yang dikatakan profesional *valuers*, ahli *board* hanya saya percaya 1,400 orang. Macam mana 1,400 orang ini hendak buat. Dia tidak boleh uruskan semua. Satu, dia terpaksa pula *employ manager* di semua petak, di semua blok, selepas itu dia taikolah, mana dia hendak boleh urus *the whole countries properties*, tidak boleh. *They only have 1,400. So* dia kena juga *employ managers*, satu.

Kedua sejak 2007 kita mempunyai Akta 663 dan kita rasa dalam Akta 663 ini memang proses dia tidak menyeluruh. Oleh sebab itu empat tahun ini...

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Chor Chee Heung: Saya tidak habis lagi Yang Berhormat. Tunggu sekejap.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Kalau perkara satu itu saya hendak *correctkan* sedikit Yang Berhormat. Sebenarnya kalau dibuka daftar, daftar itu di bawah *control* Kementerian Kewangan. Boleh dibuka, dalam proses hendak dibuka pun.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Okey lagi bagus.

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh ditambah dengan 2,000 lagi menjadi 3,000...

Datuk Seri Chor Chee Heung: *No problem.*

Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Jadi apa masalah dengan akta.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tidak ada masalah. Untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru tidak ada masalah. Undang-undang boleh dipinda *anytime*, tetapi untuk mencerminkan keadaan sekarang ini kita kena jalan macam itu dahulu. Sebab Akta 663 yang diluluskan oleh Parlimen 2007 dia *open ended*. Dia tidak sebut sama ada ianya harus kita lantik pengurus dari ahli *board valuer* ataupun yang tidak jadi *valuer*. *So* 2007 itu *open ended*. *So* kalau katalah Kementerian Kewangan dia boleh mengarah supaya *board of valuer* buka supaya lain-lain semua profesional boleh register kita akan buat sedikit pindaan supaya mereka ini dapat jadi *registered valuer*.

Namun sekarang ini tidak tahu berapa ribu, saya pun tidak tahu *maybe* 30,000 orang pengurus yang sudah mengurus blok-blok *apartment*, blok-blok kondominium. Kalau katalah *this act* ikut asal hanya *registered valuer* 30,000 orang ini tidak ada kerja langsung. Dia tidak boleh *manage* sudah.

Saya kkuatir dengan masalah ini. Sebab itulah saya balik dan bincang. Saya bukan hendak menyusahkan *valuer*. Saya hendak memastikan bawah buat masa ini *we maintain states quo*, balik kepada 2007 akta itu yang tidak sebut. Selepas itu kita tengok *next year* kalau kewangan kata okey, *board* boleh buka kita buat pindaan pula *to cater for that*. Akan tetapi buat masa ini *we have to practical*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat minta penjelasan sedikit. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai hendak buka pengurusan harta ini. Dalam laporan kementerian Yang Berhormat sendiri, buku ada di tangan saya, laporan ini dinyatakan muka surat 125, para 8.3.2 isu profesionalisme pengurus bangunan. Isu profesionalisme pengurus bangunan juga menjadi punca kegagalan sesuatu organisasi pengurusan bangunan berstrata. Kerajaan mendapati 58 peratus daripada pengurus bangunan tidak berdaftar dengan lembaga profesional yang berkaitan. Ini menunjukkan masalah sekarang ini adalah Yang Berhormat Menteri tidak turut laporan ini sendiri...

Datuk Seri Chor Chee Heung: Buku adalah satu rujukan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] Nanti, saya belum habis Yang Berhormat. Sedikit lagi. Ini sesuatu yang perlu ambil kira sebab ini adalah laporan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Ini saya sudah sebutkan tadi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini adalah kerana...

Datuk Seri Chor Chee Heung: *This is one of the reference book of the kementerian...*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Mereka tidak profesional yang menimbulkan masalah ini.

Datuk Seri Chor Chee Heung: ...Bila kita upah, kita minta perkhidmatan sebuah syarikat supaya kajian dibuat. Faham tidak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini bermakna bahawa kementerian...

Datuk Seri Chor Chee Heung: Ini adalah salah satu *recommendation*.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *No*, kementerian telah ada kepercayaan kepada syarikat tersebut. Kalau tidak syarikat ini tidak akan dilantik oleh kementerian. Kalaulah kementerian telah melantik satu syarikat untuk membuat satu laporan, kemudian Menteri sendiri tidak guna pakai laporan itu, habis membazirkan wang rakyat. Itulah masalah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Syarikat itu jurunilai...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kalau tidak buat apa bantu kerajaan, kenapa ada lantikan syarikat itu. Ini menunjukkan bahawa kementerian telah tidak tahu hendak buat tangan kiri dengan tangan kanan. Tidak ada *direction* tidak ada arah. Jadi Kementerian hari ini telah membentangkan bacaan kali pertama, syarikat pengurusan harta yang berdaftar kemudian hendak pinda pula. Ini menunjukkan satu *mala fide*, mesti ada udang di sebalik batu yang mana Yang Berhormat Menteri dan tekanan oleh *developer* ataupun Kementerian Perumahan sudah jadi *developer friendly* juga seperti DBKL. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1840

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat, saya tak nak panjang lebar perkara inilah. Cuma saya hendak beritahu sebab apa dia tidak bersangkut paut *developer* pun. Kalau *developer*, kalau dia *owner* sendiri, kalau dia hendak uruskan sendiri di bawah akta ini, bawah akta mana pun, mereka ini berhak. Kita tidak boleh kata, "You kena *employ a valuer*.", tidak ada, tidak payah. Kalau saya seorang tauke, saya ada sepuluh blok kondominium, semua saya sewa kepada orang. Saya berhak untuk urus, saya sendiri boleh urus, tidak perlu saya *employ a manager*. Saya cuma *employ* orang yang sapu longkang, *employ* salah seorang yang *gardener*, siram bunga, itu saja.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akta ini untuk mengawal selia untuk pemilik strata ini bukan untuk *developer* yang jadi pemilik.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Pada kesimpulannya, kita berbalik kepada 2007. Semasa 2007 tidak apa, kita jangan kata siapa tidak betul, siapa betul. Kita balik pada asal 2007, *status quo*. Hendak jadi kalau MC berpendapat bahawa dia hendak seorang juru nilai yang lebih kuat, boleh. Kalau dia hendak cari seorang hanya ada *Bachelor of Science in Estate Management* pun boleh. *So*, kita balik pada 2007 supaya ianya dapat *maintain status quo*, tidak ada apa-apa masalah. Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, izinkan saya.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Ya.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih. Menteri, saya ingat *Malaysian Builders Association* ini mewakili mungkin *developers* dan pemunya-pemunya kompleks yang besar-besar. Mereka daripada *company* yang besar, mereka boleh menguruskan sendiri. Masalah yang kita hadapi banyak adalah pengurusan strata yang sederhana dan rendah. Di masa yang lepas, apabila sesuatu pemaju memajukan satu bangunan perumahan pangsalah katakan, biasanya mereka mewujudkan sendiri syarikat yang dalam JMB itu mereka ada wakil. Merekalah yang melantik syarikat yang untuk menjaga, menyelenggarakan bangunan ini.

Jadi, sejarah telah menunjukkan bahawa apabila pemaju ada kepentingan di dalam syarikat yang bakal mengurus penyenggaraan itu sendiri, maka kita ada masalah. Hampir-hampir katakan, saya tidak tahulah bangunan jenis kompleks besar-besar tentulah pengurusannya lebih canggih.

Jadi, bagi saya yang memerlukan lebih pengurus atau pengurus hartanah berdaftar adalah lebih kepada kos sederhana dan kos rendah. Mungkin tidak *developer* atau pemaju yang besar-besar.

Jadi, sekarang ini kita lihat berlaku dua pihak yang berkepentingan. Yang *at stake* sekarang adalah kepentingan penduduk itu sendiri, pemilik itu sendiri. Sekiranya pihak pemaju, pihak yang menguruskan bangunan itu tidak berkecuali. Jadi, kalau dia tidak berkecuali, maknanya dia akan mungkin daripada pemaju itu sendiri atau pemilik sebahagian besar. Kebanyakan bangunan kalau kita tengok, pemajunya mesti ada dia punya *own lots*. Saya sendiri menjadi mangsanya.

Saya hendak cerita, saya beli satu lot kedai di satu plaza yang kemudian diuruskan oleh pemilik plaza itu. Jadi, apabila berkepentingan, dia menjaga hanya kepentingan dia. Sampai hari ini kita mempunyai masalah. Jadi bagi saya, saya merasakan bahawa akta ini apabila di bawah akta baru, rang undang-undang ini, maka kita telah letak pada mula-mula itu sebagai pengurus bangunan yang berdaftar, *property managers* yang berdaftar. Saya terfikir Akta 242 ini mungkin ada *misnomer* di dalam namanya. Dia hanya meletak di sini Akta Penilai, Pentafsir dan Agen Hartanah. Memberi satu gambaran seolah-olah mereka ini hanya tahu urus, jadi agen, tidak tahu mengurus bangunan, tidak tahu menyenggara bangunan. Jadi, soalan yang kita dapat, bolehkah agen hartanah mengurus tetapi sebenarnya mereka ada Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta. *They will be able to do the work*.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. *Definitely valuers, they are able to do the work*, kita kena *fairkan*. *Valuers* sebab salah satu dalam sukatan mereka ini memang *on management*. Sedangkan ramai juga sekarang pemuda-pemudi yang bukan *valuer* yang telah pun mendapat ijazah *Bachelor of Science in Estate Management, Bachelor of Science in Property Management*. Dia bukan *valuer* tetapi kalau dia kerja, selepas itu dia dapat pengalaman, dia pun tahu *manage* selok-belok semua bangunan tidak kira sama ada komersial ataupun kondominium.

Untuk menjawab soalan satu lagi oleh Yang Berhormat. Pemaju, kalau pemaju main kecoh, selepas dia jual habis, dia lantik pengurus dia sendiri. Dia pun boleh lantik sesiapa, dia pun boleh melantik sebuah syarikat, firma juru nilai, *valuer* jadi *manager*, boleh. Dia pun pada masa yang sama, dia pun boleh lantik orang lain, di luar, pun boleh. *So, developer* ini kalau dia kata dia hendak main kecoh itu, *it's up to the residents, owner of the residents to control* dia.

Kalau seorang pemaju, dia *develop* 100 buah unit, dia jual 50. 50, dia kata dia tidak mahu jual, dia hanya sewa, dia berhak sebab dia pun salah seorang pemilik juga, dia jadi *developer*, dia jadi pemilik. *So, that's why* dalam akta ini, kita telah pun memperkembangkan supaya unit syer di tertera dengan cukup-cukup terang. *Developer* you ada 50 unit, okey kalau katakanlah semua unit sama saiz, katakanlah 1,000 kaki persegi se unit, ada 100 unit, *developer* mempunyai 50, dia tidak jual. Maksud, dia berhak untuk undi menggunakan kuota 50 unit. Yang lain-lain pembeli, kalau saya ada satu unit, saya pun ada satu syer, *you* membeli, Yang Berhormat pun beli, Yang Berhormat pun ada satu syer.

So, ini cukup terang tetapi Akta 663 tidak ada. *That is the problem*. Akta 663 tidak ada, apabila ada mesyuarat, Pengerusi JMB kadang-kadang dia main kecoh pun boleh. Dia kata, *"Okey, just put ups your hands, setuju tak setuju."* Macam kitalah, *everybody put up*, okey, lulus. Oleh sebab itulah begitu banyak masalah kita dapati dalam Akta 2007 sebab ia tidak cukup menyeluruh, ini masalahnya. *That is why*, kita ini bukan tergesa-gesa. Ini kerana dalam untuk mengawal industri perumahan ada tiga akta. Satu, Housing Developers Act yang Dewan yang mulia ini telah luluskan pada tahun lepas tetapi ianya masih belum dikuatkuasakan sebab ada dua akta lagi. Kalau hendak kuatkuasakan, tiga akta kena jalan serentak.

Baru-baru ini Dewan baru luluskan *Strata Titles Act* yang dibawa oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebab akta itu di bawah kementerian dia. *So*, dua sudah lulus *and this is the third one*. *That is why I say, it's a triumvirate of housing laws*. Kalau ini tidak diluluskan, tidak semestinya dunia ini akan tamat, kita kena tunggulah. *So, the others two acts* walaupun sudah lulus, tidak akan dikuatkuasakan lagilah.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Menteri, celah sedikit saja Menteri.

Saya rasa apa yang Menteri terangkan itu ada inti patinya. Bahawa tujuan pindaan ataupun rang undang-undang baru yang kita hendak luluskan ialah untuk membela kepentingan penduduk. Sekarang ini kita dengar juga kepentingan pembina ataupun pemaju. Jadi, kalaulah apabila sesuatu bangunan itu telah siap serta dengan pengeluaran *strata title* dan juga ia diserahkan untuk JMB ataupun MC untuk melantik sesebuah syarikat pengurusan bangunan.

■1850

Jadi apa yang saya tidak dengar lagi Menteri ialah piawaian, *the standard where you hold the building managers so that they can give you an assurance*. Pengurusan itu mempunyai ikatan kepada standard piawaian yang sedang diguna pakai di mana-mana negara supaya kita dapat menghakiskan kesemua gejala yang saya maksudkan sebagai kurang sihat itu. Itu yang saya rasa kurang dan saya minta penjelasan daripada Menteri.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, tadi saya rasa Yang Berhormat Menteri macam keliru sikit, seolah-olah macam Ijazah Pengurusan Harta, satu ijazah, Ijazah Jurunilai, satu ijazah. Tidak. Yang Berhormat, saya fahamkan bahawa Ijazah Pengurusan Harta itu ialah ijazah-itulah dia, mereka itulah yang duduk di dalam termasuk yang buat kerja penilaian. Jadi sebab itu saya kata Yang Berhormat tidak berkomunikasi dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Ini yang jadi masalah, seolah-olah macam meletakkan suatu yang terpisah di antara Ijazah Pengurusan Harta itu lain, Ijazah Jurunilai lain...

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, ia Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Harta, ia termasuk tiga bidang iaitu pengurusan harta, penilaian dan sebagainya.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat, tunggu saya jawab dulu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kena *clear* lah.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Saya sentiasa bergaul, kawan saya ramai yang cukup akrab dengan saya ini adalah jurunilai yang bertauliah. Mereka ini mempunyai *degrees*. Pada masa yang sama, kalau *you* tidak mahu jadi jurunilai, *you* ada BSc saja tidak cukup, *you* kena jadi ahli *board*, *as a professional valuer*, *you* kena *sit for ARICS, Royal Institute of Surveyor or whatever*. *You have to sit for the professional before you can become a valuer*. *You* tahu tidak?... *You* tidak tahu, Yang Berhormat. Aku ini dah bersama dengan depa dah berpuluh tahun, aku tahu semua. *To be a surveyor* pun, *you have to have a surveyor...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita ini dah macam cakap di pasar Yang Berhormat.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Maaf, maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu yang pertama. Yang kedua Yang Berhormat, macam bincang di pasar juga, Speaker pun tak guna lagi dah.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak apa, saya hendak jawab Yang Berhormat Jelutong tadi. Yang Berhormat Jelutong mengeluarkan satu pertanyaan yang cukup bernas.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau Parlimen luluskan undang-undang ini, lepas ini kita akan ikut dengan satu set praktis manual dikenali sebagai *Australia Practice Manual* lah tetapi di sini kita kata *rules and regulations*, peraturan-peraturan kita akan buat bersama-sama dengan ini. Dalam *rules and regulations*, kita dah buat dah, sebenarnya *rules* nya merangkumi tidak kurang daripada 100 peraturan. Salah satu peraturan ialah *before a manager can become a manager*, dia harus mempunyai *bond or bankers guarantee* kepada MC atau JMB sebab kalau dia main-main, kelakuannya tidak betul, katalah kalau dia kutip duit dan dia lari, selepas itu MC berhak untuk tuntutan *bond and bankers guarantee*.

Akan tetapi kalau *JMB and MC* buat keputusan untuk mengambil seorang *valuer*, *registered valuer*, jadi pengurus tidak payah pula *because they are already governed by the professional indemnity*. Betul tidak Yang Berhormat?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya nak tambah Menteri sebab *we look at this set of three laws as a trinity of sorts*. Jadi dalam Rang Undang-undang Pengurusan Strata pun mempunyai tiga komponen dan saya cuma sebagai seorang penggubal dasar, saya hendak lihat sama ada komponen-komponen itu dapat berkait rapat dan dilaksanakan secara komprehensif, *similar*. Apa yang kita lihat ialah dari satu belah itu kita ada COB untuk menentukan belah mana yang harus diselesaikan kalau ada persengketaan. Kedua ialah dari segi bagaimana kuasa MC dan JMB untuk melantik syarikat pengurusan bangunan. Akan tetapi yang ketiga, kalaulah berlakunya persengketaan antara tiga pihak, pemaju, pemilik dan juga JMB sendiri, jadi kita juga kena serah kepada tribunal. Jadi tiga perkara itu saya tidak dapat hendak lihat hubung kait yang rapat dan rapi itu.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu soalan yang bagus. Jika berlaku persengketaan ataupun pergaduhan di antara pelbagai pihak, semua ini harus dirujuk kepada COB, dan COB selepas dia buat kajian sendiri, dia kata semua ini tidak mahu pakai langsung, dia tidak percaya, COB berhak untuk melantik pihak ketiga yang tidak ada sangkut paut dengan kondominium itu sama ada pemaju, tidak sangkut dengan pihak ketiga untuk masuk menjadi *manager*. Ini semua ada dalam akta. Itulah / kata akta ini cukup menyeluruh.

Masalah satu lagi, mungkin Yang Berhormat Pokok Sena harus mengetahui. Apa yang saya buat, saya tidak melakukan sesuatu yang tambah pada situasi sekarang, sebab kalau katalah saya tarik balik rang undang-undang ini, keadaannya sama juga sebab begitu banyak, beribu-ribu pengurus kondominium masih boleh menjadi pengurus. Siapa akan ambil tindakan terhadap mereka? So apa yang saya buat tidak tambah lagi, balik kepada keadaan yang sedia ada, lepas itu kita akan membuat pemantauan, Kementerian saya buat pemantauan, Kementerian Kewangan akan juga mungkin bincang dengan *Board of Valuers* supaya satu lagi register dibuka untuk menempatkan *manager* yang bukan *valuer*.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: [Bangun]

Dato' Wira Chor Chee Heung: Okey Yang Berhormat Bukit Gantang.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Ya, terima kasih Menteri. Saya minta penjelasan, tadi kalaulah yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai ini hanya sejumlah 800 orang- kita minta pengesahan, buat masa ini hanya 800 orang dan yang menjalankan kerja-kerja pengurusan harta ini, *they are doing in practice* tidak sampai pun 150 orang. Jadi kalau kita bahagikan jumlah strata, 4,000 projek strata yang berjumlah tadi Menteri beritahu 1.4 juta lot itu, bermaknanya satu orang penilai terpaksa menanggung tidak kurang 25 blok bangunan berstrata. Adakah dia dalam kemampuan mereka?

Jadi saya bersetujulah kalau sekiranya dihadkan begitu, maka ramailah pengurus bangunan hari ini yang dilantik oleh JMB, mereka akan hilang pekerjaan mereka dan kemungkinan mereka akan keluar ke negara lain kerana mereka ada *expertise*, mereka ada pengalaman dan mereka ini boleh bekerja di negara-negara yang tidak ada undang-undang seperti yang kita laksanakan hari ini. Seperti di Singapura, di Singapura tidak ada undang-undang yang mengkhususkan penilai mesti menguruskan bangunan. Jadi sudah tentulah bila undang-undang dilaksanakan, maka JMB yang melantik pengurus-pengurus bangunan yang hampir 50,000 hari ini, mereka akan keluar dari negara kita dan bekerja di tempat lain. *Wallahualam*. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya harap apa yang saya sebut mungkin tepatlah angkanya. Yang saya tahu buat masa ini terdapat 749 *registered valuer* dengan *board* dan ada 17 orang ada *appraisal* yang cara lama itu. Dulu tidak ada *qualification* tetapi pengalaman ada so masuk juga sebagai *valuer*. Ada juga *probationer member* dengan *board*, dia boleh juga jadi pengurus, yang seramai 641 kalau tidak silap saya. So maksudnya 1,400 lebihlah.

Kalau 1,400 lebih, macam mana kita bedakkan pun, *you can't have for a time being valuers to go round* kecuali *valuers* seorang macam Yang Berhormat Bukit Gantang katalah. Saya *manage 25* tetapi *manage 25*, saya kena lantik 25 oranglah untuk menjadi pengurus, selepas itu saya pergi *round*, begitu. Kalau kita katalah hanya *valuers* sahaja boleh, *that means what are you going to do with all the existing managers* yang ada, yang sudah berkhidmat berbelas tahun dah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Yang Berhormat Menteri, begini. Perlu dijelaskan- ia macam ini. Di luar sana ada cadangan daripada pihak persatuan bahawa *the existing, I mean* pengurus bangunan sedia ada, boleh didaftarkan secara mudah. Itu cadangan yang datang daripada mereka. Maknanya tidak bermakna yang sedia ada itu tidak akan mendapat pekerjaan ataupun diketepikan, tidak, ada kaedah pendaftaran secara mudah. Ini perlu dijelaskan, maksud saya pendirian Kementerian perlu diperjelaskan supaya rakyat faham.

■1900

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Ledang.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Bangun]

Datuk Seri Chor Chee Heung: Jawab dia dahulu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, tak. Ada kaitan sama itu. Ada kaitan sama sebab tadi Yang Berhormat Menteri sebut bahawa yang berdaftar itu ada yang tidak ada kelulusan tetapi ada pengalaman tetapi boleh daftar. Maknanya bolehlah, boleh daftarlah. Memang lembaga ini bersedia untuk membuka ruang untuk didaftar.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nantilah, yang pentingnya ialah ada pihak yang boleh memantau, ada pihak yang mesti bertanggungjawab, ada lembaga yang boleh mengambil tindakan. Kalau tidak, siapa yang hendak ambil tindakan kalau pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, akaun mereka yang disatukan?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tak payah. Dia bagi *bankers guarantee* dan ini semua tak cukup?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia tak boleh begitu, mestilah dipantau oleh lembaga.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tak, okey, Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maknanya kalau dia salah, ada orang boleh *report* kepada pihak lembaga.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat, kalau katalah *board*, lembaga itu kata "Okey tomorrow everybody come. All the existing manager come, I register them wholesale." Saya bersedia untuk balik kepada asal sebab saya diberitahu oleh *building management* mereka ini pernah ditawarkan tetapi begitu banyak syarat. "Oh! You bukan valuer, tak apalah you jaga, you manage atau satu blok 50 unit sudah, tak boleh melebihi itu. Dua rumah kedai sahaja, lain tak boleh." So, dia orang itulah jadi satu masalah. Itu saya diberitahu. Kalau mereka ini dapat menerapkan semua mereka ini dalam *members*, saya akan jadi cukup-cukup bangga sekali dan undang-undang ini saya akan pinda. Saya bagi jaminan, pinda balik. Apa kata Yang Berhormat? Baiklah Dato', saya ingat kita dah buang masa banyak. Izinkan saya untuk...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya rasa bahawa pihak lembaga telah memberikan tawaran banyak kali untuk membuka ruang itu.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tak ada, tak apalah. Tak apa.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Soal syarat dan sebagainya, ini mestilah kepada satu perundingan. Perundingan yang boleh dibuat.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak apa, tak apa. Apa, macam mana pun tak apa. Esok kalau Yang Berhormat boleh dapat pengesahan, kata semua, *all the existing manager in whole country* sekarang akan didaftarkan tanpa mengenakan apa-apa syarat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya rasa Yang Berhormat takkan tak baca surat khabar? Mereka membuat kenyataan yang terbuka bahawa mereka sedia menawar dan membuka ruang itu kepada semua pihak.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan *argue* dengan saya. Saya sentiasa berurusan dengan *board*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat sebagai Menteri kerajaan, kita sebagai sebuah kerajaan boleh berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan dan sebagainya. Kementerian Kewangan ini bertanggungjawab terhadap lembaga ini.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tak apalah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh melihat sebab saya katakan bahawa lembaga ini telah berjaya menaikkan imej negara Malaysia sebab Yang Berhormat kata nak mewujudkan satu standard baru sedangkan kita sudah ada standard yang diterima pakai. Kita negara yang pertama, Malaysia yang telah mengemukakan standard dalam hal ini. Jadi kenapa kita perlu ada satu standard lagi?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu saya minta Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada jalan lain. Mesti menarik balik untuk bawa kepada perbincangan. Kalau tidak, saya percaya dan saya bimbang bahawa ini akan berbangkit dalam Perhimpunan Agung UMNO dan ini akan memalukan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri... [*Dewan riu*] Akan memalukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab saya nak sebut bahawa isu dia ialah dalam satu tahun seramai 500 graduan yang dilahirkan oleh empat universiti ini yang kebanyakannya, majoritinya adalah bumiputera.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *Welcome to UMNO.*

Datuk Seri Chor Chee Heung: Apa masalah, apa masalah?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Selama ini Kerajaan Barisan Nasional menuduh DAP, Pakatan Rakyat anti-Melayu dan sebagainya tetapi saya katakan bahawa dalam hal ini, saya katakan bahawa perwakilan UMNO, ahli-ahli UMNO kena bawa bahawa pindaan ini, membawa akta baru ialah membunuh masa depan bumiputera. Bukan DAP, bukan Pakatan Rakyat.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Apa masalah Yang Berhormat, apa masalah? Kita bukan kata yang mengaji, sekarang mengaji tak boleh jadi *manager*. Bumiputera kah bukan bumiputera...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, saya katakan bahawa ruang mereka akan terhad sebab dibuka kepada semua orang.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Semua pun boleh, kita buka kepada semua. Apa susahnya? Saya pun tak faham.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dibuka kepada semua orang. Jadi sebab itu saya katakan bahawa tindakan Yang Berhormat ini yang terus membentang dan tak mahu menarik balik, ini adalah usaha untuk memalukan Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung UMNO.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Dengan adanya pembangunan yang begitu pesat sekali, tiap-tiap hari berapa blok kondominium dibina, tahu? Kalau kita khuatir pelajar-pelajar kita di universiti tak ada kerja, melambak kondominium. Sekarang kita nak tunggu sahaja lebih banyak lagi, lebih ramai lagi *manager*, *graduate* jadi *manager*. Tak cukup, buat masa ini pun tak cukup. Itu masalah. Baiklah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau pandang kepada saya Yang Berhormat, ikut peraturan pandang saya, tak akan ada politik macam ini Yang Berhormat.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Betul, betul. Maaf, maaf Tuan Yang di-Pertua. Maaf.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya boleh jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih. Semua Ahli Yang Berhormat, saya memang menghargailah apa yang telah disebut, hujah-hujah Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi saya balik kepada jawapan mengenai tribunal. *Now*, memang dalam rang undang-undang ini kita mempunyai satu ciri yang baru, yang mana Akta 663 tak ada iaitu selepas ianya diluluskan, kementerian saya akan mewujudkan satu tribunal. Tribunal yang hanya mengurus, mendengar kes-kes mengenai pengurusan harta strata. Seperti kita telah wujud satu *tribunal housing*, di bawah perumahan jika ada masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli, kalau pemaju dia enggan ikut, tak nak bayar ganti rugi, semua pembeli boleh terus pergi ke tribunal.

Dalam tribunal ini, ada satu kebaikan ialah had dia RM250,000, maksimum dia punya had sebab dulu orang kata sebab apa, banyak pemilik kondominium tak nak bayar *maintenance fee* sebab mereka tahu kalau *management corporation* nak tuntutan bayaran itu, kena bawa pergi mahkamah. Mahkamah, seperti kita semua maklum akan menjadi lambatlah. Oleh sebab itulah untuk mengelakkan masalah itu, saya menjawab Yang Berhormat Balik Pulau bahawa satu tribunal akan diwujudkan di bawah akta ini dan segala tuntutan *award* boleh di *executed* ataupun boleh diterima pakai, diiktiraf oleh mahkamah-mahkamah.

Untuk peringkat permulaan pelaksanaan, Tribunal Pengurusan Strata akan ditubuhkan di peringkat kementerian terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Bukit Mertajam tidak perlu risau kerana pihak kementerian memang bercadang untuk menubuhkan cawangan tribunal di setiap zon sebagaimana yang telah pun dilaksanakan sebelum ini oleh kementerian untuk Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah bagi memudahkan semua golongan rakyat supaya permasalahan mereka diselesaikan dengan baik dan berkesan. Kerajaan sentiasa memikirkan jalan yang terbaik untuk kesenangan semua peringkat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yuran untuk menjawab Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Balik Pulau. Pengutipan yuran ini di bawah rang undang-undang ini akan dirangka, mengekalkan prinsip sedia ada di samping menambah baik kaedah dalam menyelesaikan masalah kutipan caj penyenggaraan dan *sinking fund* dengan izin, melalui, antaranya:

- (i) mengemas kini peruntukan berkaitan kutipan caj tertunggak daripada penghuni dengan memberi kuasa kepada pemaju JMBMC mendapatkan perintah daripada Tribunal Pengurusan Strata; dan
- (ii) kemas kini peruntukan berkaitan kuasa pesuruhjaya bangunan, mengeluarkan waran harta alih kepada penghuni yang terlibat dan JMB boleh meminta bantuan pesuruhjaya bangunan dan pihak polis bagi membantu melaksanakan waran penahanan harta alih.

Tuan Yang di-Pertua, memang daripada dalam rang undang-undang ini terdapat tujuh langkah di mana kutipan boleh diambil secara cepat dan berkesan. Sehubungan dengan *sinking fund*, dalam rang undang-undang ini kita juga mempunyai satu *sinking fund*, yang mana semua pembeli harus membayar kepada *management corporation*. Kalau mereka enggan bayar, maka mereka ini akan diheret ke mahkamah tribunal ataupun melalui jasa baik MC, barang-barangan yang mudah alih di semua unit boleh disita kalau tak bayar *maintenance fund*. Sebab itu kita mempunyai begitu banyak ciri-ciri yang baru dalam rang undang-undang ini sebab dalam empat tahun ini kita dapati banyak kelemahan. Oleh sebab itulah kita menggubal satu rang undang-undang baru supaya kita dapat menangani masalah-masalah ini.

■1910

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Menempuh mengenai sekarang ini dengan adanya akta ini, maka rumah pemilik itu boleh di sita dan harta boleh alih boleh dijual. Saya ingin bertanya sekiranya unit itu disewakan, apakah tindakan yang boleh diambil ke atas pemilik?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Dari segi teori mengikut rang undang-undang ini, sesiapa menjadi penyewa harus juga membayar *maintenance fees* dan *sinking fee* dan dia berhak untuk tolak dari sewa dia. Akan tetapi dari segi praktikal saya percaya bukan senanglah. Saya tahu kadang-kadang teori senang tetapi praktikal susah. Walau bagaimanapun, saya rasa oleh kerana kita mempunyai satu tribunal ini akan mempercepatkan pengutipan. MC boleh masukkan tuntutan dekat tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin beralih pada isu ini, sebab terlalu ramai Ahli Parlimen yang membawa isu ini saya tidak hendak sebut nama kawasan lagilah. Isu mengenai COB yang salah seorang ialah Yang Berhormat Jelutong. Di mana mengikut Akta 663, COB ini agak lemah. Saya percaya lemah oleh kerana:

- (i) COB kadang-kadang tidak mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang strata, *management*; dan
- (ii) COB sentiasanya merupakan seorang Yang di-Pertua PBT dan Yang di-Pertua PBT dilantik oleh kerajaan negeri.

Walaupun demikian, oleh kerana beliau begitu sibuk sekali dengan begitu banyak jenis tanggungjawab, maka kita sentiasa dengar COB ini tidak berkesan, COB ini tidak tahu hendak buat macam mana. Oleh sebab itulah kita pun dalam rang undang-undang ini kita ada peruntukan-peruntukan supaya Pejabat COB ini diperhebatkan lagi. Seorang Timbalan COB akan dilantik secara penuh masa. Dia bertanggungjawab hanya kerja COB sahaja. Pada lazimnya COB akan lantik dialah Timbalan COB untuk menjalankan kerja.

Kita akan tambahkan lagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja di pejabat COB dari sekarang lima orang sampai 16 orang dan kebanyakan semua gaji ini dikeluarkan oleh kementerian. Ini akan dilantik di semua PBT yang mempunyai kondominium dan apartmen di negara ini tetapi tidak melebihi 85 PBT sahaja, yang lain banyak PBT tidak ada. Macam di Kedah ini mana ada banyak PBT, tidak ada kondominium. Jadi, banyak di kota-kota besar dan negeri-negeri seperti Selangor, Johor Bharu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan, macam itulah.

Dengan adanya satu pejabat khusus untuk menjalankan kerja-kerja COB, saya percaya selepas ini satu sistem baru yang lebih sempurna. Kita haraplah dapat melihat satu sistem yang lebih licin, yang lebih sempurna. Kita pun hendak memastikan bahawa tidak begitu banyak aduan sentiasa disampaikan ke kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Balik Pulau, Kepong, Subang adakah rumah-rumah pangsa kerajaan, kos rendah yang disempurnakan dengan baik, dijalankan *maintenance* dengan baik? Memang ada, memang ada. Walaupun Kerajaan Persekutuan telah pun membina melebihi 250 blok rumah pangsa kos rendah di bawah Program PPR didapati Kerajaan Negeri Selangor pun ada juga bina dahulu.

Bila kita buat satu kajian menyeluruh didapati ada sepuluh JMB atau pun MC yang mendapat lima bintang. JMB Pahlawan, Taman Tun Perak Kajang, Vista Hijauan Kondo Ampang Jaya, JMB Nusa Kurnia Ampang Jaya, JMB Merpati Ampang Jaya. Banyak Ampang Jaya ini. JMB Anggerik Ampang Jaya, MC Blok 'A', 'B' Pandan Ria, Lembah Jaya, Flat Larkin Perdana 3 Johor Bharu, Flat Setia Baiduri Taman Setia Indah Johor Baru, Flat Nibong Taman Daya Johor Bharu. Semua ini mendapat penarafan lima bintang bila kita buat kajian.

Ini bermaksud bahawa tidak kira sama ada kondominium ini merupakan *high cost*, *medium cost* or *low cost* asalkan ada pemimpin-pemimpin di situ yang ingin secara relanya menjalankan tugas tanpa bayaran. Bila kita tanya mereka ini *how do you do it?* Dia kata kita pakat satu jawatankuasa kita hanya *employed* sahaja. Mengupah lima orang sahaja buat kerja satu blok. Maksudnya seorang mungkin sapu longkang, seorang yang buat tempat-tempat bersama, *common property*, harta bersama. Mereka ini buat *cleaning*, siram bunga. Macam itu sahaja dan MC bayar gaji kepada lima orang ini. Cara inilah yang kita dapat melihat begitu baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sebut sedikit mengenai hak mengundi. Akta 663 memang tidak sebut. Akta mengundi memberi gambaran bahawa jika ada mesyuarat Agung siapa yang ada di situ, angkat tangan, kira undi. Akan tetapi dalam akta ini, rang undang-undang ini tidak boleh. Sebelum seorang pemaju dia memajukan tanah itu, dia kena buat *calculate*, dia kena adakan satu syer unit untuk semua petak. Berapa syer akan disebutkan dan senarai ini akan diberikan kepada *commissioner building* untuk simpan. *Lodge for the commissioner building*, lain kali bila habis, siap maka syer unit ini, semua pemilik petak itu akan mempunyai hak untuk undi mengikut syer yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pandan pun sebut monopoli. Tadi saya sudah *explain*, menjelaskan bahawa kita tidak hendak kata monopoli. Kita hendak memastikan bahawa sama ada *registered valuer*, atau *manager* mereka ini boleh mempunyai peluang untuk mencari rezeki dan kita harus adil. Selepas undang-undang ini diluluskan maka kementerian saya akan membuat satu pemantauan bersama-sama dengan mungkin *Board of Valuers* untuk melihat macam mana kita dapat memperkasakan lagi status seorang *manager*. Sama ada ianya harus didaftar atau tidak kita akan tengok. Akan tetapi kalau mereka ini diserap masuk sebagai ahli dalam *Board of Managers*, saya akan bawa undang-undang ini balik ke Dewan yang mulia ini untuk membuat sedikit sebanyak pindaan untuk menyesuaikan dengan keadaan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini adalah beberapa perkara. Saya mengucapkan terima kasih dan saya haraplah kita dapat mengadakan satu sistem yang lebih sempurna lagi. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

■1920

Fasal 21 [Pindaan] -

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya memohon untuk mengemukakan pindaan kepada fasal 21(2)(f) dengan memotong perkataan "*dengan syarat bahawa jika orang atau agen itu adalah seorang pihak ketiga yang bebas, dia hendaklah merupakan seorang pengurus harta berdaftar*".

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan badan pengurusan bersama melantik agen pengurusan yang difikirkan wajar untuk mengesahkan penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya Yang Berhormat. Walaupun kita sudah selalu buat ini Yang Berhormat, saya memperingatkan jugalah. Tunggu Yang Berhormat, saya belum baca ini lagi. Tidak boleh bercakap sebenarnya.

Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sebelum Yang Berhormat bahas itu, saya memperingatkan juga ini tidak ada kena-mengena dengan undang-undang ini lagi. Ia ada kena-mengena dengan pindaan ini sahaja Yang Berhormat. Pindaan ini sahaja. Jangan soalkan benda dasar yang tidak ada kena-mengena langsung dengan pindaan. Sila Yang Berhormat.

7.21 mlm.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada Yang Berhormat Menteri, cuma satu input kepada Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana COB saya rasa strukturnya memang kukuh sebab ia diturunkan kuasa kepada YDP dan timbalan yang akan dilantik sepenuh masa. Dari segi tribunal ia juga mempunyai had-had kuasa supaya semua persengketaan mengenai pengurusan strata itu dapat diselesaikan. Cuma saya rasa satu kelemahan yang paling ketara itu ialah dari segi syarikat pengurusan bangunan. Sebab sekarang kita buka lebih ramai daripada *values* dan sebagainya dan pelbagai jurusan akan kita terima. Jadi saya rasa di situlah maksudnya piawai tidak ada, pengawasan pun tidak ada.

Jadi saya rasa saya hendak buat satu cadangan kepada Yang Berhormat Menteri. Kalaulah kita gugurkan perkataan berdaftar dalam lingkungan ayat itu yang mengatakan merupakan seorang pengurus harta berdaftar bagaimana? Sebab kita sudah terima BSC, *estate manager* dan sebagainya. Bagaimana kita ubah jadi merupakan seorang pengurusan harta bertauliah untuk menggantikan berdaftar? Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ada seorang lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Melaka. Okey, Yang Berhormat Ledang.

7.23 mlm.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi kita sudah dengar semasa Yang Berhormat Menteri menggulung apabila perkara ini dibangkitkan, sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang jaminan bahawa satu masa nanti rang undang-undang ini boleh dipinda bila sudah ada keperluan. Satu.

Kedua, kalau pihak persatuan ataupun lembaga pengurus harta yang berkenaan memberikan satu surat jaminan bahawa pengurus bangunan sedia ada ini boleh dan mudah didaftarkan.

Saya bersetuju dengan jaminan daripada Yang Berhormat Menteri tadi kerana kalau kita menjurus kepada masa depan kita memang memerlukan pengurus bangunan ataupun pengurus harta yang amanah, yang tidak menyeleweng. Umpamanya begini, pengurus harta dia sama macam *engineer*, macam arkitek. *Engineer* kepada sebuah bangunan, dia tidak boleh pada masa yang sama menjadi kontraktor bangunan tersebut. Arkitek pada sebuah bangunan dia tidak boleh menjadi kontraktor kepada bangunan tersebut. Sama dengan pengurus bangunan. Dia tidak boleh menjadi kontraktor kepada kerja-kerja yang berkaitan misalnya dia sendiri yang mengambil upah atau yang mengambil tender kerja-kerja membaiki lif, mencuci kolam renang misalnya.

Jadi perlu ada kawalan dan saya yakin kawalan itu hanya boleh dibuat kalau badan itu atau pengurus bangunan itu ada akta dan akta itu adalah merujuk kepada pengurus harta. Saya bersetuju ada jaminan tadi daripada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa sudah cukuplah untuk masa depan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Menteri.

7.25 mlm.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, akta ini dibentangkan demi menjaga kepentingan pembeli-pembeli atau *unit parcel owner*. Itu tujuan dan akta ini dibentangkan kerana kementerian menerima banyak aduan dan banyak masalah timbul, kerana tidak dapat menubuhkan *management corporation* atau *manager corporation* yang tidak berfungsi. Salah satu yang lebih penting dan Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum iaitu terdapat banyak pemaju yang sentiasa enggan jual semua unit dan mereka masih pegang *control* atau kuasa tentang MC itu dan tidak ingin menyerahkan kepada pembeli-pembeli atau *unit parcel owner*.

Oleh kerana kalau saya tidak salah saya ingat ini hampir separuh MC di *control* oleh pemaju, syarikat, kroni mereka atau anak syarikat mereka untuk menjadi *management corporation*. Ini kerana mereka terpaksa jaga kepentingan mereka sendiri. Dengan izin, *at expense of the* kepentingan pembeli. Sebab itu dengan pindaan ini saya tidak nampak ada apa *guarantee* tentang dapat mengatasi kedudukan yang pemaju mengambil kesempatan, kerana kekurangan kawalan akta untuk kepentingan mereka sendiri. Terima kasih.

7.27 mlm.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Ledang dan juga Yang Berhormat Kota Melaka. Biar saya menjawab dahulu soalan Yang Berhormat Jelutong. Kita tidak dapat dengan malangnya menggunakan perkataan pengurus harta bertauliah sebab dia tidak ada pengurus harta bertauliah. Dia cuma ada *registered manager* dengan *board of values* sahaja. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi kalau *board* itu lain kali dia serapkan mereka ini, kita semua ini jadi *registered*.

Yang kedua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Ledang. *No law is cast in stone* yang dikatakan yang dikatakan oleh Yang Berhormat saya ini. *So*, maksudnya *law is* dinamik. Kalau hari ini kita rasa keadaan dia sudah berubah *we bringing it back we were change*. *So*, tidak ada masalah dan jaminan pun saya sudah beri dan kalau *board* itu sudah buka, tidak akan saya duduk diam sahaja. Tidak bolehkan, tidak mungkin.

Menjawab soalan Yang Berhormat Kota Melaka bukan kata semua pemaju tidak hendak jual unit. Kadang-kadang pemaju ini 100 unit dia hanya boleh jual 80. Tinggal 20 dia tidak boleh jual. *So*, kalau dia tidak boleh jual maksudnya dialah pemilik pada akhirnya. *So*, bila dia pemilik dia kena juga sebagai seorang pemilik bukan seorang pemaju sudah. Seorang pemilik. Walaupun JMB masih pemaju tidak apa, asalkan ada pemilik mencukupi duduk dalam jawatankuasa itu, MC or JMB.

Kita memang susah hendak kawal kalau dia seorang jadi samseng, susah tapi kena tengoklah kepada semua ahli jawatankuasa dan pembeli-pembeli ataupun pemilik-pemilik. Kalau pemaju dia tinggal 50 unit tidak jual, dia kena bayar *management* untuk 50 unit juga. Dia tidak boleh kata tidak mahu bayar.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit penjelasan. Tentang dikatakan pemaju enggan jual habis kerana kemungkinan dia orang hendak beli unit-unit. Dalam akta yang sedia ada ini pemaju hanya satu undi sebagai pemaju...

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tidak, tidak.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: ...Akan tetapi kalau dengan pindaan akta ini, macam pemaju sudah boleh ada proksi-proksi dan sudah cukup undi untuk dia kawal MC. Sebab itu saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tidaklah, dia macam ini, semua pemilik petak mempunyai hak. *So*, dia seorang tuan punya mana boleh you kata dia tidak boleh.

So, undang-undang ini adil dan saksama, cuma kalau seorang pemaju dia ada 50 unit dia katalah semua sama satu *vote* dia memang ada 50. *That one, and I have to be fair*, dia macam itu tetapi tidak semestinya kita tidak boleh kawal dia, sebab kita mempunyai begitu ramai pembeli.

Baiklah Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis, Yang Berhormat?

Datuk Seri Chor Chee Heung: Habis. Habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujukan]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1930

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

7.30 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul terdahulu, Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 dan Majlis akan bersidang semula pada jam 10 pagi hari Selasa, 27 November 2012.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal 21 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 22 hingga 58 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 59 [Pindaan] -

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mengemukakan pindaan kepada fasal 59(2)(f) dengan memotong perkataan, "*dengan syarat bahawa jika orang atau ejen itu adalah seorang pihak ketiga yang bebas, dia hendaklah merupakan seorang pengurus harta berdaftar.*" Pindaan ini untuk makluman Dewan yang mulia ini bertujuan untuk membolehkan Perbadanan Pengurusan dan Jawatankuasa Pengurusan untuk melantik ejen pengurusan yang difikirkan wajar untuk mengusahakan penyelenggaraan dan pengurusan harta bersama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui]

[Fasal 59 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 60 hingga 86 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 87 [Pindaan] -

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mengemukakan pindaan kepada fasal 87(1) dengan menggantikan dengan sub fasal yang berikut:

"(i) seseorang tidak boleh dilantik sebagai ejen pengurusan jika ia mempunyai kepentingan profesional atau kewangan di dalam mana-mana bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak atau mana-mana bangunan atau tanah yang dipecah bahagi".

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pindaan ini bertujuan untuk meniadakan larangan menjadi ejen pengurusan jika seseorang itu bukan merupakan seorang pengurus harta berdaftar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui]

[Fasal 87 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal-fasal 88 hingga 153 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Jadual [Pindaan] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadual, pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sila Menteri

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, saya mohon untuk mengemukakan pindaan kepada Jadual Kedua untuk meniadakan larangan pengambil kerja mana-mana orang atau ejen sebagai pihak ketiga yang bebas oleh perbadanan pengurusan atau jawatankuasa pengurusan jika orang atau ejen itu bukan merupakan seorang pengurus harta berdaftar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan dipersetujui]

[Jadual seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan pada esok hari Selasa, 27 November 2012 akan dimulakan dengan usul mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), Usul Menerima Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan selepas itu akan diikuti oleh rang undang-undang yang lain seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 27 November 2012.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.39 malam.]